

**DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEDUA BELAS**

**PENGGAL KEDUA**

**MESYUARAT KEDUA**

---

**Shah Alam, Jumaat 10 Julai 2009**

---

**Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi**

**YANG HADIR**

YB Tuan Teng Chang Khim (Sungai Pinang)  
**(Tuan Speaker)**

Y.A.B. Tan Sri Dato' Abdul Khalid bin Ibrahim  
PSM., DPMS., DSAP. (Ijok)  
**(Dato' Menteri Besar Selangor)**

YB Puan Teresa Kok Suh Sim (Kinrara)

YB Dato' Dr. Hasan bin Mohamed Ali  
DIMP., SMS. (Gombak Setia)

YB Tuan Haji Yaakob bin Sapari (Kota Anggerik)

YB Puan Rodziah bt. Ismail (Batu Tiga)

YB Tuan Dr Xavier Jayakumar a/l Arulanandam (Seri Andalas)

YB Puan Dr. Halimah bt. Ali (Selat Klang)

YB Tuan Iskandar bin A. Samad (Cempaka)

YB Tuan Liu Tian Khiew (Pandamaran)

YB Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

YB Puan Haniza bt. Mohamed Talha (Taman Medan)  
**(Timbalan Speaker)**

YB Tuan Dr. Shafie bin Abu Bakar (Bangi)

YB Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)

YB Tuan Mohamed Azmin bin Ali (Bukit Antarabangsa)

YB Tuan Dr. Abd. Rani bin Osman (Meru)

YB Tuan Lau Weng San (Kampung Tunku)  
YB Tuan Mat Shuhaimi bin Shafie (Seri Muda)  
YB Tuan Lee Kim Sin (Kajang)  
YB Tuan Haji Saari bin Sungib (Hulu Kelang)  
YB Tuan Dr. Ahmad Yunus bin Hairi (Sijangkang)  
YB Tuan Yap Lum Chin (Balakong)  
YB Tuan Muthiah a/l Maria Pillay (Bukit Melawati)  
YB Tuan Phillip Tan Choon Swee (Teluk Datuk)  
YB Tuan Dr. Mohd. Nasir bin Hashim (Kota Damansara)  
YB Tuan Khasim bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)  
YB Tuan Amiruddin bin Shari (Batu Caves)  
YB Tuan Edward Lee Poh Lin (Bukit Gasing)  
YB Tuan Dr. Cheah Wing Yin (Damansara Utama)  
YB Tuan Manoharan a/l Malayalam (Kota Alam Shah)  
YB Puan Lee Ying Ha (Teratai)  
YB Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Subang Jaya)  
YB Puan Gan Pei Nei (Rawang)  
YB Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad (Seri Setia)  
Y. B. Dato' Seri Dr. Haji Mohamad Khir bin Toyo,  
SPMS., PJK. (Sungai Panjang)  
YB Dato' Dr. Haji Mohamed Satim bin Diman,  
DSSA., KMN., ASA., PJK. (Seri Serdang)  
YB Dato' Haji Raja Ideris bin Raja Ahmad,  
DSSA., AMS., AMN., PJK. (Sungai Air Tawar)  
YB Dato' Hj. Mohd. Shamsudin bin Haji Lias,  
DPMS., SSA. (Sungai Burong)  
YB Dato' Dr. Karim bin Mansor,  
DPMS., ASA., PJK. (Tanjung Sepat)

YB Dato' Mohamed Idris bin Haji Abu Bakar,  
DSSA., AMS., PJK. (Hulu Bernam)

YB Dato' Amiruddin Setro, DPMS., ASA. (Jeram)

YB Dato' Ir. Muhammad Bushro bin Mat Johor  
DPMS., KMN., AMN., ASA. (Paya Jaras)

YB Tuan Hasiman bin Sidom,  
PJK. (Morib)

YB Dato' Haji Warno bin Dogol, DSIS., AMS., SMS., PJK. (Sabak)

YB Dato' Marsum bin Paing, DPMS., SSA., ASA. (Dengkil)

YB Dato' Subahan bin Kamal, DIMP. (Taman Templer)

YB Tuan Abdul Shukur bin Idrus, KMN., SIS., ASBK. (Kuang)

YB Tuan Johan bin Abdul Aziz. JP., AMS. (Semenyih)

YB Tuan Mohd Isa bin Abu Kasim, AMS. (Batang Kali)

YB Tuan Yap Ee Wah, PJK. (Sungai Pelek)

YB Tuan Wong Koon Mun, SMS., PJK. (Kuala Kubu Baharu)

YB Tuan Sulaiman bin Haji Abdul Razak, SMS., PPN. (Permatang)

YB Tuan Ismail bin Sani. SMS., PJK. (Dusun Tua)

**TIDAK HADIR**

YB Tuan Badrul Hisham bin Abdullah (Pelabuhan Klang)

YB Dato' Haji Abd. Rahman bin Palil,  
DSSA., KMN., AMS., AMN., PPT., PJK., JBM., (hc). (Sementa)

**TURUT HADIR**

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan  
Selangor, 1959)**

YB Dato' Ramli bin Mahmud, DPMS., SMS. A.M.S  
**Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor**

YB Datin Paduka Zauyah Be binti T. Loth Khan, DPMS., DMSM., DSM., AMN.  
**Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor**

YB Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman, DSIS., SIS., AMS., AMN.  
**Pegawai Kewangan Negeri Selangor**

## **PEGAWAI BERTUGAS**

Encik Mohd. Shahrizal bin Mohd. Salleh  
**Setiausaha**

Encik Mohamad Yasid bin Bidin  
**Setiausaha Bahagian (Dewan/MMKN)**

Cik Mazian bt. Manan  
**Penolong Setiausaha I**

Puan Nurul Haizan bt. Hj. Rais  
**Penolong Setiausaha II**

Puan Siti Salbiah bt. Masri  
**Penolong Pegawai Tadbir**

Encik Md. Saref bin Salleh  
**BENTARA**

Puan Hajah Noridah binti Abdullah  
Cik Siti Salina bt. Muftar  
**PELAPOR PERBAHASAN**

**(Tuan Speaker Mempengerusikan Mesyuarat)**

**TUAN SPEAKER:** Dewan bersidang semula

**SETIAUSAHA DEWAN:** *Bismillahi rahmani rahim. Assalamualaikum warahmatullahi Ta'ala wabarakatuh* dan salam sejahtera. Aturan Urusan Mesyuarat Kali Kedua Penggal Kedua. Persidangan Dewan Negeri Selangor Yang Kedua belas dimulakan dengan bacaan Doa.

**I. DOA**

**SETIAUSAHA DEWAN:** Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya pertanyaan-pertanyaan sambungan.

**TUAN SPEAKER:** Taman Medan

**YB PUAN HANIZA BT. MOHAMED TALHA:** Tuan Speaker. Soalan 22

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB PUAN HANIZA BT. MOHAMED TALHA  
(TAMAN MEDAN)**

**TAJUK : KEJAYAAN MENINGKATKAN HASIL PADI MAMPU BAIKI TARAF HIDUP PESAWAH**

22. Kejayaan Kerajaan Negeri meningkatkan hasil padi memberi harapan kepada para pesawah keluar daripada lingkaran kemiskinan

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Berapa lamakah hasil kajian yang dijalankan bagi mendapatkan penemuan tersebut dan kos yang terlibat?
- b) Adakah usaha yang sama akan dijalankan bagi lain-lain sektor seperti penternakan udang, kerang dan lain-lain? Nyatakan dengan terperinci.

**YB. TUAN HJ. YAAKOB BIN SAPARI:** *Bismillahi rahmani rahim. Assalamualaikum warahmatullahi Ta'ala wabarakatuh.* Tuan Speaker, YAB Tan Sri Dato' Menteri Besar, Yang Berhormat sekalian menjawab soalan Taman Medan. Tuan Speaker setelah kita mengambil alih kerajaan dalam sidang Dewan yang mulia ini. Kerajaan Negeri memutuskan bahawa kadar kemiskinan di negeri Selangor dinaikkan kepada 7.1 sebelum itu kepada 1,500 cadangan ini telah di bantah oleh Sg. Panjang dan Sri Serdang dengan mengatakan bahawa seandainya kadar kemiskinan ditingkatkan maka 30% penduduk di negeri Selangor akan miskin. Di antara yang dikelompokkan miskin ialah kumpulan petani-petani padi daripada Sabak Bernam, Kuala Selangor. Oleh itu, Kerajaan Negeri telah mengusahakan supaya mengeluarkan kelompok ini daripada sasaran kita untuk mendapatkan pendapatan kita sekurang-kurangnya RM1,500 sebulan. Sebab itulah Kerajaan Negeri telah memutuskan sebahagian daripada pakej rancangan ekonomi negeri melalui program peningkatan hasil padi di kawasan Barat Laut Selangor ini. Sg. Panjang telah menjadi ADUN selama 3 Penggal tetapi tidak tahu berapa

sebenarnya pengeluaran hasil padi di kawasannya. Contohnya kawasan di Blok P4 pengeluaran purata sebelum ini hanya 4.945 tan perhektar, kawasan Blok P10 sebelum ini purata 4.768 tan perhektar dan hasil Blok P16 sebelum ini hanya 4.074 tan perhektar. Bagaimana Sg. Panjang mengatakan bahawa pengeluaran hasil padi telah mencapai 10 tan sampai 13 tan perhektar sedangkan data ini, data yang diperolehi daripada Jabatan Pertanian pada hasil-hasil yang dikeluarkan. Sebab itu Tuan Speaker Kerajaan Negeri telah pun membuat program-program bagi meningkatkan hasil pengeluaran padi dan untuk blok percubaan sebanyak 176 hektar di kawasan-kawasan sempadan 121 hektar di kawasan Pasir Panjang dan 203 hektar di kawasan Bagan Terap. Dan ini merupakan blok yang pertama untuk musim 1/2009. Pada musim 2/2009 sebahagian besar lagi akan diusahakan untuk program penghasilan hasil padi dan menjelang musim ke 4 keseluruhan kawasan padi di kawasan Barat Laut Selangor akan dijadikan program peningkatan hasil padi. Sasaran kerajaan ialah untuk meningkatkan hasil padi. Tuan Speaker hasil daripada pendapatan untuk musim 1 untuk kawasan P4 yang asalnya pengeluaran hanya 4.945 tan perhektar telah meningkat kepada 6.080 tan perhektar. Sasaran kita ialah 7.6 tan perhektar. Bagi kawasan P10 4.768 tan perhektar sebelum ini telah meningkat kepada 5.099 tan perhektar sekarang. Bagi kawasan P16 sebelum ini 4.7 tan perhektar telah meningkat 5.272 tan perhektar. Oleh itu, Tuan Speaker dengan purata hasil sekarang meningkat kepada 1,300 tan. Maka kita dapati 21 orang para petani daripada kawasan ini telah melepaskan pendapatan RM1,500. 61 orang antara RM1,300 – RM1,500. Hanya 12 orang sahaja petani yang pendapatannya bawah RM1,000. Tuan Speaker hasil petani meningkat dan ini kita buktikan sistem yang teratur dalam program penghasilan hasil padi. Saya yakin Tuan Speaker kalau program ini diteruskan dan berjaya kita telah membantu 9, 700 keluarga petani padi di kawasan Barat Laut Selangor melepasi paras kemiskinan. Inilah program merangsang ekonomi yang kita laksanakan. Secara tidak rasminya kita telah membeli RM1,000.00 pada tiap-tiap keluarga petani di kawasan Barat Laut Selangor. Atau bermakna di sekitar RM10,000.00 wang berada dalam pasaran di kawasan Barat Laut Selangor. Dan setahun mencapai sekitar 120,000.00. Ini usaha-usaha yang kita buat. Oleh itu, kita harapkan kerajaan wakil-wakil daripada pihak Pembangkang bersama-sama dengan Kerajaan Negeri dalam usaha untuk meningkat hasil padi. Saya nyatakan pada awal lagi bahawa pertanian adalah benda yang sangat *saintifik* dan dia sangat sistematik. Tetapi Kerajaan Persekutuan mengganggu usaha ini dengan mengarahkan pegawai-pegawai Persekutuan tidak boleh berjumpa dengan EXCO Kerajaan negeri Selangor. Mereka sangat takut dan gerun untuk jumpa dengan EXCO Negeri Selangor. Jadi arahan-arahan yang diberi oleh pegawai Persekutuan supaya tidak boleh jumpa sebab itu telah menghalang usaha-usaha untuk meningkatkan hasil padi di kawasan Barat Laut Selangor. Yang lebih malang Tuan Speaker Pengarah Pertanian Negeri Selangor telah diarahkan untuk kembali ke Putrajaya kerana telah dituduh bersekongkol dengan Kerajaan Negeri Selangor. Ini sangat malang usaha-usaha yang telah dibuat oleh Kerajaan Persekutuan. Saya dalam Dewan yang mulia ini merakamkan ribuan terima kasih kepada Puan Norazimah Pengarah Pertanian Selangor yang telah berusaha bersungguh-sungguh untuk meningkatkan hasil pengeluaran padi di kawasan Barat Laut Selangor. Tuan Speaker bagi menjawab soalan seterusnya iaitu soalan adakah usaha yang sama akan dijalankan bagi lain-lain sektor seperti penternakan udang, kerang dan lain-lain?. Tuan Speaker, alhamdulillah 1,400 ataupun hasil 1,500 keluarga nelayan yang selama ini menjadi nelayan pantai yang pendapatannya sangat rendah tidak melebihi RM500. Dengan usaha Kerajaan Negeri untuk meneruskan program penternakan kerang dan banyak penyelidikan dibuat pada hari ini 700 penternak kerang bersama-sama dengan program peningkatan penternakan kerang pendapatan mereka telah melepasi RM3,000.00. Bahkan ada penternakan kerang yang pendapatan mereka telah melebihi RM5,000. Ini satu kejayaan besar kerajaan kita walau berusia 1 tahun 5 bulan. Tuan Speaker usaha-usaha untuk meningkatkan sektor perikanan terus diusahakan bagi nelayan sasaran kita ialah kita hendak mengajak nelayan-nelayan untuk berpindah daripada bot Gred A ke Gred B dengan harapan mereka

boleh ke dalam sedikit laut dapat tangkapan besar. Oleh itu, Tuan Speaker itulah jawapan daripada saya. Terima kasih.

**YB PUAN HANIZA BT. MOHAMED TALHA:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Ya Taman Medan

**YB PUAN HANIZA BT. MOHAMED TALHA:** Apakah pelan jangka masa panjang bagi penghasilan yang bertambah ini khasnya pertanian amnya.

**YB. TUAN HJ. YAAKOB BIN SAPARI:** Buat masa ini Tuan Speaker tumpuan kita ialah untuk meningkatkan pendapatan pertanian khususnya penanaman padi di Barat Laut . Usaha-usaha dibuat dengan pengusahaan yang teratur sistem pengurusan berkelompok *focus* yang jelas harapan kita ialah supaya usaha-usaha ini berterusan dan petani padi dapat melepaskan diri daripada lingkaran kemiskinan. Bagi Negeri Selangor tumpuan kita ialah memodenkan Sektor Pertanian dan Selangor kawasan tanah sangat terhad dan tumpuan kita memodenkan sektor-sektor pertanian yang ada seperti industri hiliran. Selangor akan menjadi tumpuan industri hiliran dan dengan itu usaha-usaha untuk meningkatkan pendapatan petani dapat ditingkatkan.

**TUAN SPEAKER:** Sekinchan

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Tuan Speaker soalan tambahan. Memandangkan Sekinchan merupakan salah satu jelapang padi di Negeri Selangor dan apa yang diungkit oleh YB Ketua Pembangkang semalam tentang 13 tan 12 tan Sg. Panjang mungkin dia salah taksir mungkin apa yang dinyatakan itu Sekinchan tak nak akuriah. Walau bagaimanapun, saya minta penjelasan daripada YB EXCO Pertanian sama ada Kerajaan Negeri bercadang untuk mengadakan satu pertandingan sesama petani-petani Cina, Melayu dan India beberapa kategori bagi setiap musim dan menyediakan beberapa hadiah *insentif*. Tujuannya adalah untuk merangsang lagi menggalakkan mereka ingin belajar untuk lebih maju ke depan hasil pengeluaran mereka dapat lagi ditingkatkan lagi. Yang ke 2, tentang masalah potongan basah padi yang selama ini masih berada di tokok 17 bolehkah YB EXCO terus mendesak Kerajaan Pusat agar yang 17 itu boleh dikembalikan kepada 12% seperti yang dinikmati oleh para petani pada suatu masa lalu sebelum dasar penswastan itu dilaksanakan. Sekian, terima kasih.

**YB. TUAN HJ. YAAKOB BIN SAPARI:** Terima kasih Sekinchan. Sebenarnya Sg. Panjang patut belajar dengan Sekinchan yang disebut 12 tan 13 tan itu adalah daripada Sekinchan, tapi untuk kawasan sempadan puratanya cuma 4.766 tan perhektar. Memang kertas cadangan telah disiapkan seandainya keseluruhan kawasan Barat Laut Selangor ini setelah dimajukan usaha akan dibuat supaya pertandingan kepada kelompok-kelompok blok-blok yang menghasilkan pengeluaran tertinggi akan kita bagi habuan. Sekurang-kurangnya untuk memberi rasa daya saing bahawa mereka akan mempertahankan kelompok-kelompok mereka. Saya mencadangkan dalam kertas tersebut blok yang dapat menghasilkan pengeluaran tertinggi akan diberi hadiah RM50,000.00. Ini berbeza dengan dasar Kelab 10 tan. Tuan Speaker Kelab 10 tan tidak dapat merangsang pengeluaran hasil padi sebab mereka tidak melihat pertanian secara keseluruhannya yang sangat saintifik dan sangat sistematik yang kita memperkenalkan ialah sistem kita mengenal pasti apakah kritikal-kritikal fakta untuk menghasilkan padi yang baik. Kenapa Sekinchan dapat mengeluarkan 10 ke 12 tan kenapa tidak sawah sempadan. Saya selalu tanya kepada petani apakah faktor yang tidak boleh menghasilkan hasil yang sama, apakah tanah yang tidak sama, apakah baja yang tidak sama atau bahasa Sekinchan ialah wangnya tidak sama Tuan Speaker orang yang tidak sama. Petani mengakui bahawa yang tak sama adalah orangnya. Faktor-faktor tanah boleh diatasi.



Seterusnya YB Sekinchan sering bagi soal harga basah. Saya cuba sedaya upaya akan menulis surat kepada YB Menteri Pertanian Malaysia agar kadar semakan harga basah ini dapat diturunkan, sekurang-kurangnya 3%. Terima kasih.

**YB. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Sg. Air Tawar

**YB. DATO' RAJA IDERIS BIN RAJA AHMAD:** Tuan Speaker, pertama saya ucapkan tahniah atas kejayaan peningkatan hasil padi untuk meningkatkan taraf hidup bagi petani-petani dan pesawah. Soalan tambahan saya adakah YB sedar bahawa Negeri Selangor dahulu pernah perolehi hitung panjang pengeluaran 7.2 tan sehektar berbanding dengan keluaran daripada peringkat Kebangsaan 4.6 tan sehektar dan saya percaya rekod ini akan boleh diatasi pada masa akan datang, insya-Allah dan yang kedua, adakah YB sedar bahawa semua aktiviti-aktiviti yang telah mendapat kejayaan tadi bahawa sedikit sebanyak adalah *follow-up* daripada apa yang dibuat oleh kerajaan terdahulu juga yang menyebabkan kemajuan dalam peningkatan yang diperolehi. Sekian, terima kasih.

**YB. TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI:** Tuan Speaker, setakat pertemuan saya dengan Menteri Pertanian Dato' Musa Muhammad, purata negeri Selangor ketika itu tahun lepas ialah 5.36 tan perhektar mungkin ada sebahagian yang melepasi 7 tan, puratanya 5.36 iaitu data yang saya perolehi dia cuma 4.68, 4.78 bagi Sawah Sempadan. Seterusnya saya mengaku bahawa sebahagian besar infrastruktur padi telah dilaksanakan contohnya sistem pengairan, cuma saya tak faham bagaimana tebing Sungai Bernam yang telah pecah 6 tahun yang lalu telah tidak diperbaiki, bila saya masuk menyusuri sungai, saya dapati tebing Sungai Bernam telah pecah 6 tahun yang lalu, akibatnya air Sungai Bernam yang masuk ke dalam sawah telah pergi ke negeri Perak. Alhamdulillah dengan bantuan Kerajaan Persekutuan saya tetap akui, tetapi hanya setelah Pakatan Rakyat memerintah tebing sungai tersebut diperbaiki iaitu sekarang aliran Sungai Bernam sepenuhnya akan masuk ke kawasan sawah dan saya akui ada bantuan untuk melebarkan terusan utama tepi Sungai Bernam sepanjang 14 km ke kawasan *maintenance* dan usaha juga untuk mendalamkan *maintenance* supaya jumlah air untuk mengalirkan kawasan ini mencukupi dan cumanya kita tidak boleh berpuas hati sekadar itu sahaja, saya lihat sistem pengurusan yang lebih saintifik diperlukan supaya peningkatannya dapat diusahakan dan fokus kita ialah bagaimana kita hendak melepaskan keluarga petani melepasi pendapatan RM1,500.00. Alhamdulillah, Tuan Speaker pada hari ini setakat percubaan 80% melepasi usaha-usaha ini.

**YB. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Tuan Speaker, soalan tambahan.

**YB. TUAN LAU WENG SAN:** Terima kasih, Tuan Speaker. Soalan saya yang ke 23.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN LAU WENG SAN:  
(KG. TUNKU)**

**TAJUK: KOMPLEKS PEJABAT TANAH DAN DAERAH PETALING**

23. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Meminta Kerajaan Negeri menerangkan secara terperinci latar belakang dan bagaimana tapak Kompleks Pejabat Tanah dan Daerah Petaling yang sedia ada di SS15 Subang Jaya boleh bertukar tangan kepada pemaju.
- b) Bagaimana kerajaan boleh mengekalkan PTD Petaling di tempat asal?

**YAB DATO MENTERI BESAR:** Tuan Speaker. YB. Kg.Tunku mengenai Kompleks Pejabat Tanah dan Daerah Petaling yang baharu. Kg. Tunku meminta Kerajaan Negeri untuk menerangkan latar belakang Kompleks Pejabat Tanah dan Daerah Petaling yang sedia ada di SS15 Subang Jaya boleh bertukar tangan kepada pemaju, dan kedua cara kerajaan negeri boleh mengekalkan Pejabat Tanah Petaling Daerah Petaling di tempat asal.

Kerajaan Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor ke-14/2004 bertarikh 12 Mei 2004 ada meluluskan secara penswastan pembinaan Kompleks Pejabat Daerah / Tanah Petaling yang dilaksanakan oleh Syarikat Gapurna Builders Sdn. Bhd. Perjanjian penswastan ditandatangani antara Kerajaan Negeri dengan kerajaan Gapurna Builders Sdn. Bhd. pada 22 September 006 sebagai tanda persetujuan mengenai syarat dan terma yang perlu dipatuhi oleh syarikat dan Kerajaan Negeri dalam pelaksanaan syarat pulangan *in-kind*.

Kaedah pelaksanaan projek melibatkan *land swapping* yang meliputi tanah di Kompleks Pejabat Daerah/Tanah Petaling yang sedia ada, iaitu 3 ekar dan tanah kuarters kerajaan seluas 1.1 ekar. Jumlah keseluruhan tanah yang terlibat seluas 4.14 ekar tanah di Pejabat Daerah Petaling dan dalam pelaksanaan itu kerajaan bersetuju tanah sebanyak seluas 4.14 ekar itu diserahkan kepada Syarikat Gapurna. Kerajaan meminta Gapurna membuat pembangunan Pejabat Daerah yang tanah baharu yang seluas 11.19 ekar di Mukim Sg. Buluh Daerah Petaling. Dengan pelaksanaan projek ini Kerajaan Negeri bersetuju menyerahkan tanah ini kepada Syarikat Gapurna Builders Sdn. Bhd. dengan syarikat pembinaan Kompleks *design and build* dengan kos pembinaan kompleks tersebut berjumlah RM24.6 juta. Nilai ini diputuskan oleh Jabatan Penilaian dan ini mengikut mereka bersamaan dengan nilai kawasan tanah 4.14 ekar.

Kedua, Kerajaan Negeri sekarang yang sedar bahawa pejabat-pejabat itu terlalu jauh daripada tempat-tempat orang ramai dapat berjumpa dan tidak sesuai sebagai Pejabat Daerah untuk menemui rakyat. Kalau itu nak kita ubah bererti Kerajaan Negeri terpaksa membayar pampasan kerana tidak menunaikan janji dan kos yang dilakukan oleh pemaju tersebut mesti dibiayai oleh Kerajaan Negeri. Jawapan ini memperlihatkan satu pengajaran yang patut kita pelajari tentang konsep penswastan ini kalau tidak dikaji dengan teliti akhirnya boleh merugikan Kerajaan Negeri. Sebab itulah dasar penswastan itu ataupun dasar *direct negotiation* ini ada kekurangannya dan dasar tender terbuka merupakan dasar yang Kerajaan Negeri bagi mendapat nilai terbaik terhadap usaha-usaha yang dilakukan. Kerajaan Negeri tidak perlu terburu-buru untuk mencari tanah, mencari tempat untuk menyediakan kompleks Pejabat Tanah dan Daerah yang sesuai untuk daerah Petaling. Justeru itu, ini merupakan pengajaran yang kita alami dan baru sekarang, saya tak tahu mengapa pegawai-pegawai sekarang menghantar

memorandum mengingatkan kita bahawa Pejabat Daerah yang didirikan itu tidak sesuai untuk dijadikan operasi pejabat daerah kerana ia sangat jauh daripada pengguna yang nak mendapatkan perkhidmatan dan kakitangan yang nak bekerja di kawasan tersebut.

**YB. TUAN DR SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Bangi

**YB. TUAN DR SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Terima kasih, Tuan Speaker Bangi ingin bertanya berhubung dengan Pejabat Daerah dan Tanah ini, ada Pejabat Daerah yang terlampau luas dan ramai dengan penduduk umpamanya Pejabat Daerah Hulu Langat melibatkan Ampang, sekarang dari segi Majlis Perbandarannya telah dipecahkan kepada dua iaitu MPKJ dan MPAJ. Tidakkah ada rancangan pihak kerajaan untuk memecahkan umpamanya kawasan Hulu Langat kepada dua daerah iaitu daerah Ampang dan daerah Hulu Langat sendiri ataupun yang lain seperti Gombak dan Selayang dipecahkan daripada satu kawasan daerah dan tanah sahaja. Terima kasih.

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Waktu sekarang terdapat 9 daerah dan 12 Pihak Berkuasa Tempatan yang dijangka dapat menjalankan tugas untuk mentadbirkan pentadbiran-pentadbiran di kawasan tersebut. Selayang merupakan daerah yang baharu hasil perpecahan Kuala Langat. Bagaimanapun, daripada segi prinsipnya dari semasa ke semasa Kerajaan Negeri melakukan kajian tentang jumlah daerah yang boleh ditubuhkan supaya dapat memberi perkhidmatan yang cekap dan hampir kepada pelanggan. Tetapi perkara yang kita mesti ambil kira sekarang adalah konsep Pihak Berkuasa Tempatan yang lebih ditekankan. Ini demikian, kerana konsep Pihak Berkuasa Tempatan merupakan konsep yang melibatkan bandar dan pekan itu merupakan satu tempat yang mesti diuruskan. Pertama, saya berpendapat dalam tempoh 15 tahun mendatang, hampir 90% daripada kawasan di negeri Selangor ini menjadi kawasan jagaan Pihak Berkuasa Tempatan, iaitu menjadi Majlis Bandaran bukan lagi perkampungan.

Kedua, bagaimana sistem Pejabat Daerah itu boleh disesuaikan dengan Pihak Berkuasa Tempatan. Pada masa ini, sebagai contoh Pejabat Daerah Petaling, menguasai lebih tiga (3) Pihak Berkuasa Tempatan, iaitu Shah Alam, Petaling Jaya dan kawasan-kawasan sekitar, serupa juga Klang. Maka, Pejabat Daerah Klang ada merangkumi penjagaan tanah-tanah dalam kawasan Pihak Berkuasa Tempatan. Oleh itu, beberapa kajian perlu dilakukan supaya kita boleh menyesuaikan pentadbiran tanah dan pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan. Untuk memahami perkara ini, satu perkara yang jelas mengenai tanah dikuasai oleh Pejabat Daerah, mengenai pembangunan maknanya perbandaran dikuasai oleh Pihak Berkuasa Tempatan, itulah sebabnya, pihak Pejabat Daerah Petaling ini jadi isu. Mereka yang ada tanah di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan di Subang Jaya, di Petaling Jaya, terpaksa pergi dari kawasan ini. Ia bukan namanya Sungai Buloh tetapi dekat Paya Jaras yang agak jauh. Jadi, untuk hal-hal tanah dia terpaksa pergi ke Pejabat Daerah yang belum pasti ada alat pengangkutan. Sebab itulah beberapa perancangan yang perlu kita buat. Dan, supaya saya tidak terlupa, ingin saya ingatkan yang kita lakukan dalam Pakatan Rakyat ialah melihat operasi-operasi supaya dapat difikirkan dengan cara kemas kini supaya keputusannya lebih baik.

Sebagai contoh yang saya nak tunjukkan tentang peningkatan hasil padi yang kita hendak buat, yang Pakatan Rakyat lakukan. Kita nak minta dua (2) universiti buat kajian supaya kita dapat belajar pengurusan itu boleh mengubah hasil padi. Jadi cara pengurusan, kita tengok *step by step* walaupun ada kalanya disebut *re-branding*. Tetapi itu bukan. Ini ialah prinsip pengurusan ini bukan iklan *one Malaysia*. Itu iklan. Sebaliknya, cara kita buat, kita lihat. Jadi, kalau wakil-

wakil dewan negeri ini ingin tahu, termasuk daripada Barisan, kita boleh tunjukkan taktik-taktik yang kita lakukan.

**TUAN SPEAKER:** Lembah Jaya

**YB TUAN KHASIM BIN ADBUL AZIZ:** Tuan Speaker, soalan No. 24.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ  
(LEMBAH JAYA)**

**TAJUK: SAINS TEKNOLOGI DAN INOVASI**

24. Kerajaan Negeri Selangor baru-baru ini telah menganjurkan Festival Sains Teknologi dan Inovasi Negeri Selangor (FesSTIS).

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah jumlah tajaan yang diterima dan berapakah yang telah dibelanjakan bagi menjayakan festival ini?
- b) Sejauh mana kejayaan penganjuran festival boleh diukur dan apakah tindakan susulan telah dibuat bagi memastikan ianya tidak tinggal sebagai sejarah begitu sahaja?

**YB PUAN RODZIAH BT ISMAIL:** Terima kasih Yang Berhormat, Tuan Speaker bagi menjawab soalan sebenarnya jumlah keseluruhan perbelanjaan bagi menganjurkan Festival Sains Teknologi dan Inovasi Selangor ataupun FesSTIS'09 masih lagi belum dimuktamadkan memandangkan program-program masih lagi berlangsung dan berjalan seperti Program Kemahiran, Pembangunan dan Latihan ICT, Pertandingan Fotografi FesSTIS dan Pertandingan Animax FesSTIS. Untuk makluman semua Yang Berhormat Festival Sains & Teknologi sebenarnya bermula daripada Mac 2009 dan akan berakhir sehingga penghujung tahun ini. Jadi oleh sebab itu banyak lagi program-program sekarang ini yang sedang berlangsung. Walau bagaimanapun untuk makluman anggaran asal perbelanjaan yang diperlukan adalah sebanyak 938,468.00 yang mana Kerajaan Negeri hanya akan menanggung perbelanjaan sebanyak RM600,000.00 sahaja dan selebihnya perlu diperolehi melalui penajaan. Setakat ini penajaan yang kita perolehi adalah sebanyak RM100,000.00.

Untuk soalan kedua, kejayaan penganjuran festival ini boleh diukur daripada sudut penyertaan seperti berikut:

Iaitu pertamanya Pameran Sains Teknologi & Inovasi telah berlangsung selama 3 hari di Kompleks PKNS pada 12, 13 dan 14 Jun sebanyak 114 *booth* telah diwujudkan dan lebih daripada 20,000 pengunjung telah hadir ke pameran Sains Teknologi & Inovasi tersebut.

Yang kedua Anugerah Inovasi Cemerlang Negeri Selangor, sebanyak 115 penyertaan telah diterima dan 48 telah di senarai pendekkan dan semua penerima Anugerah telah pun dapat apa tu mempamerkan dan dapat anugerah-anugerah yang seperti mana yang telah ditetapkan.

Yang ketiganya, Program Kemahiran, Pembangunan dan Latihan ICT sebanyak 2,000 orang sedang dan akan dilatih seluruh 9 daerah di negeri Selangor yang program ini yang saya

katakana masih berjalan dan sedang berjalan termasuk kita melatih semua JKKK kampung ataupun Pengerusi JKKK kampung yang telah pun diberikan set komputer dan *printer* baru-baru ini.

Yang keempatnya, Seminar Sains Teknologi dan Inovasi yang mensasarkan perbincangan sekitar bioteknologi *telecommunication green environment dan in oval energy* yang ini kita buat seminar khusus untuk pihak-pihak industri, universiti dan badan-badan penyelidik dan kita dapati alhamdulillah, 110 orang telah menyertai seminar ini yang telah berlangsung pada 10 Jun 2009 yang lepas di Hotel Concorde Shah Alam. Bagi Seminar Sains Teknologi Rakyat seramai 150 orang telah menyertai seminar ini pada 13 Jun di Dewan Kompleks Shah Alam. Pertandingan Fotografi masih dibuka kerana penyertaannya dibuka dan akan ditutup pada 31 Julai 2009. Pertandingan Animax penyertaan masih dibuka sehingga 28 September 2009.

Dan untuk makluman semua, sebanyak 54 agensi kerajaan, swasta dan badan-badan berkanun terlibat secara langsung bagi menjayakan festival ini.

Objektif FesSTIS ini adalah untuk merakyatkan sains teknologi dan inovasi di mana pameran STIS dijalankan adalah dilaksanakan di Kompleks PKNS di mana menjadi tumpuan masyarakat kebanyakan dan kita tidak memilih tempat-tempat yang berprestij memandangkan kita mahu merakyatkan sains teknologi ini. Program ini tidak hanya menjadi sejarah kerana Kerajaan Negeri akan menjadikan aktiviti ini sebagai aktiviti tahunan bertujuan untuk menggalakkan budaya inovasi di kalangan rakyat. Jadi ini bermakna setiap program akan direkodkan dan kita akan memantau keberkesanan dan kepenggunaan program-program atau latihan yang telah diberikan dan juga penerima anugerah-anugerah cemerlang ini akan dibimbing supaya produk-produk yang dihasilkan akan mendapat IP dan akhirnya boleh dipasarkan boleh diambil oleh pihak-pihak industri *player*. Sekian Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Rawang

**YB PUAN GAN PEI NEI :** Tuan Speaker, soalan No. 25

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB PUAN GAN PEI NEI  
(RAWANG)**

**TAJUK : PILIHAN RAYA KERAJAAN TEMPATAN**

25. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah usaha yang dilaksanakan oleh kerajaan bagi memantau dan meningkatkan keefisienan PBT dalam menyelesaikan isu setempat yang diadu oleh orang awam?
- b) Apakah langkah yang dilakukan oleh kerajaan bagi mengimplementasikan pilihan raya kerajaan tempatan?
- c) Bilakah pilihan raya kerajaan tempatan akan dilaksanakan?

**YB TUAN LIU TIAN KHIOW:** Tuan Speaker, Rawang ingin tahu apakah usaha yang dilaksanakan oleh kerajaan bagi memantau dan meningkatkan keefisienan PBT. Tuan Speaker, selain daripada sejak Pakatan Rakyat mengambil dalam 2008 kita telah supaya

merapatkan penduduk sesuatu tempat dengan PBT kita telah mengadakan sistem zon dan juga memberi pejabat dan juga kerani untuk membantu setiap ahli majlis. Selain daripada itu untuk memantau dan meningkatkan *efficiency* PBT ataupun portfolio saya telah mengadakan beberapa usaha seperti *root show* PBT di mana sesi dialog diadakan pada setiap hari minggu sejak bulan April sehingga sekarang. Kita telah pergi ke 9 tempat masih ada 3 kawasan kita belum pergi dan kita menggunakan platform itu untuk bagi peluang bagi penduduk setempat untuk mengutarakan aduan mereka supaya semua ahli majlis dan juga pengarah-pengarah dan juga YDP sendiri dapat mengatasi masalah-masalah. Selain daripada itu kita juga memperkasakan sistem pemantauan di mana jawatankuasa kewangan diperkasakan diberikan lebih kuasa untuk menyemak dokumen dan sebagainya dan juga kita telah menubuhkan sebuah jawatankuasa yang baru yang dinamakan audit dan *corporate government* di mana setiap dokumen tender, sebut harga dan juga polisi kewangan setiap PBT dapat dipantau dan juga apabila perlu mengadakan penyiasatan. Di samping itu kita juga memberi arahan kepada semua PBT untuk mengadakan pendengaran awam di mana apabila ada aduan awam daripada penduduk setempat mengenai satu projek pendengaran awam akan diadakan supaya semua isu yang berkenaan dapat diselesaikan sebelum, sebelum projek itu mendapatkan kelulusan yang akhir. Dan untuk masalah-masalah seperti pembersihan yang disentuh oleh Bukit Antarabangsa semalam itu, kita memang mengaku sampai hari ini keadaan kebersihan memang tidak memuaskan, sebab itu kerajaan baru-baru ini melancarkan satu program yang dinamakan zon bersih. Zon bersih ini sebenarnya zon-zon yang paling kotor dianggap di setiap PBT di mana kita berikan satu tahun supaya zon-zon yang kotor itu dijadikan zon yang bersih kerana kita memahami ada setengah PBT memang tidak ada wang untuk menjalankan tugas ini, Kerajaan Negeri telah memberikan sebanyak RM100,000.00 kepada setiap PBT untuk menjayakan program zon bersih ini dan juga ada satu masalah aduan yang banyak ialah selalunya penduduk setempat mereka tidak tahu siapa yang kontraktor untuk cuci longkang, siapa kontraktor untuk menambak jalan dan sebagainya ataupun mengutip sampah sebab itu sejak tahun ini kita akan mendirikan papan tanda di semua kawasan supaya papan tanda itu boleh memaparkan nama syarikat dan juga telefon traktor jadi orang setempat pun tahu siapa kontraktornya untuk cuci longkang, untuk kutip sampah dan sebagainya. Ini untuk memantapkan lagi sistem pemantauan dan juga kita memahami ada banyak garis panduan yang sedia ada itu tidak boleh digunakan lagi, tidak mencukupi oleh itu kita juga ambil langkah-langkah untuk menggubal garis panduan yang baru seperti garis panduan untuk *billboard* iklan, seperti garis panduan untuk *brown valid* dan sebagainya dan juga kita juga ada menubuhkan baru-baru ini sebuah perbadanan yang dinamakan PEMUDAH Selangor di mana semua aduan ataupun masalah yang diutarakan kepada Kerajaan Negeri khasnya kerajaan tempatan kita akan membuat kajian dan juga mencari jalan untuk memantapkan lagi sistem penyampaian kerajaan tempatan. Dan semua usaha ini akan diteruskan sehingga kita boleh menjadikan Selangor sebagai sebuah negeri yang lebih hijau, lebih bersih dan lebih selamat.

Dan Rawang juga ingin nak tahu apakah langkah yang dilakukan oleh kerajaan bagi mengimplementasikan pilihan raya kerajaan tempatan. Yang Berhormat Rawang langkah yang diambil untuk mengimplementasikan pilihan raya Kerajaan Tempatan. Kerajaan Negeri telah memperuntukkan RM20,000.00 di bawah Jawatankuasa Tetap Kajian dan Penyelidikan untuk kajian terperinci dilaksanakan. Kumpulan penyelidik terdiri daripada NGO, peguam, pendidik dan juga pakar pilihan raya. Walau bagaimanapun pilihan raya masih lagi di peringkat penelitian terakhir memandangkan ia terhalang secara perundangan di bawah Seksyen 15 Akta Kerajaan Tempatan. Secara jelas dinyatakan pilihan raya kerajaan tempatan tidak dibenarkan. Oleh kerana itu kajian terakhir sedang dibuat dan Kerajaan Negeri telah menerima laporan ini, baru-baru ini dan kita akan mengenal pasti pendekatan terbaik mengatasi halangan tersebut sekiranya kajian menunjukkan Kerajaan Negeri mempunyai hak untuk melaksanakannya maka ia akan tetap diteruskan di peringkat negeri.

Tuan Speaker, mengenai bilakah pilihan raya kerajaan tempatan dapat dilaksanakan seperti yang telah dimaklumkan bahawa ia masih di peringkat terakhir kajian keputusannya akan diumumkan setelah kajian selesai dan dibentangkan di peringkat Kerajaan Negeri. Saya berpendapat bahawa kalau ada pilihan raya kerajaan tempatan kita semestinya menguntungkan pihak pembangkang kerana apabila ada pilihan raya peluang ada untuk semua parti, untuk mendapatkan peluang untuk berkhidmat di kerajaan tempatan. Sebab itu saya meminta kerajaan pusat boleh memberi sokongan kepada negeri Selangor supaya kita dapat mengadakan pilihan raya kerajaan tempatan. Sekin, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Sekinchan.

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Tuan Speaker, soalan tambahan. Saya nak minta penjelasan daripada Yang Berhormat PBT daripada Pandamaran berkenaan dengan apa yang dikatakan tadi tentang apa...nak dirikan 'signboard-signboard' di setengah kawasan, tentang siapakah kontraktor ya. Dan saya sanjung baik cadangan tersebut. Saya harap perkara itu dapat di 'implement' kan dengan secepat mungkin dan kalau boleh saya minta semua ADUN-ADUN diberi satu senarai ya, tentang siapakah kontraktor yang dilantik di setiap kawasan dan zon, untuk pembersihan, kutipan sampah dan sebagainya, dengan alamat dan telefon supaya ADUN-ADUN juga dapat memainkan peranan untuk memantau mereka yang gagal menjalankan tugas dengan baik. Sekian terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Itu bukan soalan. Buatlah dalam ucapan. Ini orang 'senior' dalam Dewan kena tahulah.

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Terlupa..terlupa.. ya..ya..

**TUAN SPEAKER:** Ok baik, tak perlu jawab ni.

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Jadi apa...

**TUAN SPEAKER:** Tak perlulah..duduk..duduk..duduklah. Jangan saya ingatkan selalu. Ya, baik, Semenyih.

**YB TUAN JOHAN BIN ABD AZIZ:** Tuan Speaker, Peraturan 24 (2) Soalan No. 26.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN JOHAN BIN ABDUL AZIZ  
(SEMENYIH)**

**TAJUK : BANJIR DAN KEROSAKAN INFRASTRUKTUR**

26. Bertanya kepada Y.A.B. Dato 'Menteri Besar :

- a) Apakah kaedah atau pendekatan Pihak Berkuasa Negeri untuk mengatasi masalah banjir kilat di kawasan-kawasan yang kerap dilanda banjir di Selangor, terutama sekali lokasi hiliran kawasan-kawasan yang di klasifikasi sebagai kawasan tadahan hujan; dan
- b) Apakah tindakan yang diambil oleh Pihak Berkuasa Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan berikutan masalah kerosakan infrastruktur akibat dari banjir, sebagai contoh

di DUN Semenyih, antara lain, hakisan struktur asas di Jambatan Kampung Tanjung, kerosakan jambatan di Kampung Rinching Hulu dan lain-lain lagi kerosakan infrastruktur.

**YB DATO' DR. HASAN BIN . MOHAMED ALI:** Terima kasih Tuan Speaker dan terima kasih kepada teman daripada Semenyih. Mengenai banjir dan kerosakan infrastruktur. Soalan yang ditanya oleh YB Semenyih ialah apakah kaedah atau pendekatan pihak berkuasa Negeri untuk mengatasi masalah banjir kilat dan yang kedua ialah apakah tindakan yang diambil oleh pihak berkuasa Negeri bagi menangani kerosakan-kerosakan infrastruktur akibat daripada banjir tersebut. Pertama sekali, mengikut '*Standard Operating Procedure*' mengenai pemeliharaan sungai-sungai ini Tuan Speaker, berdasarkan kepada peruntukan, ikut SOPnya ialah pembaikan, pemulihan sungai, '*maintenance*' nya berlaku setiap 3 tahun sekali. Dan kalau misalnya peruntukan tidak diperolehi, kita memerlukan peruntukan-peruntukan lanjut jika didapati, 5 tahun sekali. Adapun mengenai banjir ini Tuan Speaker, kita dapati musim-musim yang terakhir ini terutama pada tahun yang lalu, dengan tahun ini, kita dapati hujan, '*volume*' hujan agaknya luar biasa. Ini oleh kerana, keadaan seluruh dunia yang mengalami perubahan cuaca, '*climatic change*' yang berlaku dengan hebat di Kutub Utara, Kutub Selatan dan sebagainya, maka kita dapati kita di Malaysia pun juga menerima akibat daripada itu dan akhirnya penurunan hujan begitu lebat, lebih lebat daripada keadaan-keadaan biasa yang ini menyebabkan berlaku perkara-perkara yang kita rasa kurang menyenangkan kita. Seperti kerosakan-kerosakan yang berlaku dan sebagainya. Pada masa yang sama, Jabatan Pengairan dan Saliran selain daripada mengenal pasti dan me '*maintain*' sungai-sungai tersebut, Jabatan yang berkenaan telah pun melakukan Pelan Induk Saliran Bandar namanya. Pelan Induk Saliran Bandar untuk memastikan bahawa kawasan-kawasan bandar terutamanya yang padat penduduknya, kawasan-kawasan komersial, kawasan-kawasan perindustrian dan sebagainya tidak akan terjejas dengan teruk dengan tidak kita melupakan kawasan-kawasan kampung yang juga diberikan perhatian yang istimewa dalam hal ini. Jadi, dalam Pelan Induk Saliran Bandar itu, kita telah melaksanakan di bandar Klang dan juga di bandar Sungai Buloh akibat daripada pelaksanaan tersebut, kita dapati kedua-dua bandar ini mengalami kurang banjir walaupun di dalam keadaan hujan yang lebat tetapi kurang banjir akibat daripada pelaksanaan pelan-pelan tersebut. Projek-projek yang akan dilakukan melalui pelan tersebut. Dalam Rancangan Malaysia yang ke-10 ini, Tuan Speaker, kita ingin mendapatkan lebih banyak lagi pelan-pelan yang sedemikian, Pelan Induk Saliran Bandar dapat dibuat kepada bandar-bandar utama supaya penebatan banjir ini dapat dibuat dengan lebih berkesan.

Soalan yang kedua tentang tindakan yang diambil oleh pihak berkuasa Negeri bagi menangani masalah-masalah kerosakan infrastruktur bagi kawasan Yang Berhormat di Semenyih, bila berlaku sahaja banjir ada 2 (dua) keadaan yang akan timbul, biasanya, yang dialami oleh orang-orang kampung kita. Pertama ialah masalah hakisan. Ini berlaku di Kampung Tanjung Sungai Semenyih mukim Semenyih, juga hakisan di Kuala Sungai Seringgit di mukim Semenyih kemudian tebing Sungai Semenyih yang terhakis di Batu Tiga dan Batu Empat mukim Semenyih. Jadi, tentang kerosakan-kerosakan ini, termasuk juga dengan kerosakan yang diakibatkan oleh banjir yang berkaitan dengan infrastruktur seperti jambatan, seperti jambatan Kampung Tanjung mukim Semenyih, jambatan di Kampung Hulu Rinching mukim Semenyih, jambatan Kampung Hilir Rinching mukim Semenyih, Kampung Batu Tiga Jalan Bangi mukim Semenyih, Kampung Tanjung mukim Semenyih dan di Kampung Sentosa mukim Semenyih dan akhirnya di Kampung Batu Lima mukim Semenyih. Kedua-duanya sama ada hakisan atau kerosakan jambatan itu, telah pun dibaiki dengan keadaan yang agak segera oleh Jabatan Pengairan dan Saliran. Prosesnya tidak lain dan tidak bukan Tuan Speaker ialah, yang pertama sekali, JPS bersama dengan jabatan-jabatan yang berkaitan akan mengenal pasti kerosakan-kerosakan sama ada jambatan, sama ada hakisan. Selepas mengenal pasti



beberapa anggaran, buat anggaran, anggaran akan dibuat. Selepas anggaran akan dibuat, kerja-kerja pemulihan akan dibuat dan kerja-kerja pemulihan itu akan dibuat terlebih dahulu. JPS akan mengemukakan satu kertas kepada UPEN dan UPEN akan mengangkat kertas itu kepada MMKN, MMKN kalau meluluskannya akan disalurkan peruntukan yang telah diluluskan kepada PWN yang akhirnya akan disalurkan kepada JPS untuk melaksanakan projek-projek itu. Sehingga ini, Tuan Speaker, sukacita saya menyebutkan kebanyakannya kerosakan-kerosakan itu dapat dibaiki dengan secara 'emergency' jadi peruntukan-peruntukannya pun secara 'emergency' jadi saya fikir orang-orang kampung yang terlibat terutamanya, tidaklah terlalu terjejas akibat daripada kerosakan-kerosakan yang berlaku oleh kerana hujan, 'volume', air hujan yang turun yang rasanya luar biasa pada tahun lepas dan pada awal tahun ini. Terima kasih.

**YB TUAN ISMAIL BIN SANI :** Soalan tambahan, Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Sungai Pelek.

**YB TUAN YAP EE WAH:** Tuan Speaker, soalan No. 27.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN YAP EE WAH  
(SUNGAI PELEK)**

**TAJUK : LANJUTAN TEMPOH PAJAKAN TANAH KAMPUNG BARU**

27. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :
- a) Berapakah permohonan lanjutan tempoh pajakan tanah kampung baru telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri ?
  - b) Berapakah permohonan lanjutan tempoh pajakan masih belum diluluskan khasnya di DUN Sg. Pelek ?
  - c) Bagaimanakah kadar pengiraan premium untuk lanjutan tempoh pajakan ?

**YB TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Tuan Speaker, terima kasih Yang Berhormat Sungai Pelek. Berdasarkan maklumat yang sedia ada Permohonan Lanjutan tempoh pajakan tanah bagi Kampung Baru di seluruh Selangor telah diluluskan adalah seperti yang berikut:

1. Daerah Klang – 9
2. Daerah Hulu Selangor – 138
3. Daerah Gombak – 10
4. Daerah Hulu Langat – 4
5. Daerah Sepang – 206
6. Daerah Sabak Bernam – 7

dan yang lain saya akan memberi jawapan lisan sebentar lagi. Untuk makluman Yang Berhormat Sungai Pelek, pentadbiran negeri tidak menyegerakan rekod permohonan lanjut tempoh pajakan tanah Kampung Baru mengikut pecahan kawasan Dewan Negeri. Walau bagaimanapun, berdasarkan rekod Pejabat Tanah Daerah Sepang, terdapat 206 permohonan

lanjut tempoh pajakan bagi daerah berkenaan. Di antaranya, 147 permohonan telah didaftarkan hak milik manakala 58 permohonan masih di peringkat rayuan hingga kini terdapat satu permohonan yang ditangguhkan oleh pihak berkuasa Negeri. Berdasarkan kepada Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Selangor, Bil 4/1999 dan keputusan MMKN Bil 18/2003, kaedah pengiraan premium bagi permohonan lanjut tempoh pajakan bagi Kampung Baru adalah seperti yang berikut. Bagi lanjutan tempoh pajakan kepada 60 tahun untuk kediaman, pengiraan premium adalah 50 sen sekaki persegi kali dengan keluasan. Bagi lanjutan tempoh pajakan kepada 99 tahun untuk kediaman, pengiraan premium adalah terkandung kepada kawasan. Iaitu, bagi tanah berstatus kediaman yang terletak di dalam kawasan Majlis Perbandaran, pengiraan premium adalah RM2.50 sekaki persegi kali dengan keluasan. Dalam kawasan daerah, pengiraan premium adalah RM2 sekaki kali keluasan. Bagi kawasan yang di luar Majlis Daerah, formulanya ialah RM1.50 kali dengan keluasan. Sekian, terima kasih.

**YB TUAN LEE KIM SIN:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Kajang.

**YB TUAN LEE KIM SIN:** Terima kasih kepada Speaker dan juga EXCO daripada Seri Kembangan. Soalannya, bagi hak milik di Kampung Baru, yang tamat tempoh pajakannya, adakah pertimbangan khas diberi misalnya 3 tahun atau 5 tahun, tempoh masa bagi mereka untuk memohon untuk melanjutkan pajakannya? Dan juga, adakah pihak EXCO mempertimbangkan, memberi kuasa pada JKKK Kampung Baru untuk mendapatkan 'database' ya, dengan izin, 'database' bagi Kampung Baru supaya ya, kita dapat mendapat data yang cukup menyeluruh dan mengetahui mana yang sudah tamat tempoh yang mana yang belum tamat? Sekian, terima kasih.

**YB TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Terima kasih Kajang. Untuk makluman Yang Berhormat Kajang, bagi tanah yang pajakannya tamat tempoh, pada setakat ini tiada tempoh untuk mereka untuk membuat permohonan tetapi walau bagaimanapun pemilik yang memiliki tanah yang tamat tempoh boleh mengemukakan permohonannya yang baru kepada Pejabat Tanah pada bila-bila masa. Dan untuk 'database' di kampung berkenaan, Ketua Kampung atau Pengerusi JKKK boleh mengemukakan permohonan kepada Pejabat Tanah untuk mendapat 'database' untuk kampung berkenaan.

**YB PUAN GAN PEI NEI:** Soalan tambahan, Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Rawang.

**YB PUAN GAN PEI NEI:** Boleh saya tahu...saya menerima banyak aduan terutamanya Kampung Baru Cina di kawasan Rawang yang mana mereka yang telah mendiami, sekurang..lama di situ tetapi belum lagi menerima sebarang geran. Walaupun permohonan telah dikemukakan dengan lama kepada Pejabat Tanah. Jadi apakah langkah yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mempercepatkan proses kelulusan geran tanah khasnya kepada penduduk kampung yang telah lama duduk dalam kampung itu?

**YB TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Terima kasih Yang Berhormat Rawang. Saya faham masalah yang timbul di dalam Kampung Baru di dalam negeri ini kerana Kampung Baru di Selangor telah wujud selama 60 tahun yang lalu. Dan pada masa sekarang masih ada beberapa Kampung Baru di Negeri Selangor masih tidak dapat geran tanah. Kerajaan baru amat prihatin dan kita akan berusaha untuk mempercepatkan proses permohonan hak milik untuk Kampung Baru itu tersebut. Dan jikalau Yang Berhormat ada masalah terhadap

permohonan, sila datang ke pejabat saya dan saya akan usaha memberi bantuan dan usaha mempercepatkan proses tersebut.

**TUAN SPEAKER:** Jeram.

**YB DATO' AMIRUDDIN BIN SETRO:** Tuan Speaker, soalan no. 28.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO  
(JERAM)**

**TAJUK: PELAN TINDAKAN TERHADAP SETINGGAN**

28. YAB Menteri Besar pernah menyatakan dalam dewan yang mulia ini, negeri Selangor berhadapan dengan permasalahan setinggan dan kemiskinan yang serius di kawasan Bandar dan pinggir Bandar.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

a) Apakah Pelan Tindakan Negeri bagi menghadapi isu setinggan ini?

**YB TUAN ISKANDAR BIN A. SAMAD:** Terima kasih Yang Berhormat. Soalan kepada apakah Pelan Tindakan Negeri bagi menghadapi isu setinggan. Kerajaan Negeri baru saja meluluskan suatu manual prosedur bancian setinggan dan peneroka Bandar yang baru. Ini selaras dengan ulasan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia terhadap manual yang pernah digunakan dahulu. Terdapat banyak perkara-perkara yang perlu diperbaiki dan semua Pihak Berkuasa Tempatan atau PBT dan juga Pejabat Tanah dan Daerah perlu melakukan bancian semula sebelum Januari 2010. Walau bagaimanapun fokus kita sekarang adalah kepada tanah-tanah kerajaan sahaja. Oleh kerana peneroka-peneroka Bandar atau setinggan yang ada hanya pada, kebanyakan adalah pada tanah-tanah kerajaan. Dan penawaran rumah-rumah kos rendah ataupun penawaran projek-projek rumah kos rendah perlu ditawarkan pada peneroka sebelum 1 Julai 2010. Dan sebarang penempatan-penempatan yang tidak dapat diselesaikan pada 1 Julai 2010, akan di masuk ke dalam senarai tindakan khas, bagi mencari penyelesaian secepat mungkin.

Kerajaan Pakatan Rakyat mengambil pendekatan untuk berbincang dengan para peneroka Bandar, di mana perobohan tidak akan dilakukan sehingga mendapat persetujuan semua pihak. Dan Kerajaan tidak akan menggunakan Akta Darurat 1969 tetapi akan menggunakan peruntukan Seksyen 425 Kanun Tanah Negara. Hasil daripada perbincangan ini beberapa kes-kes berprofil tinggi seperti di Kampung Berembang dan Kampung Batu 8, Hulu Kelang telah dapat diselesaikan. Alhamdulillah. Selain dari rundingan bersama PBT dan Pejabat Daerah dan penduduk yang dilakukan dari masa ke semasa, ada perbincangan berjadual di antara EXCO dan juga pihak PBT untuk menyelesaikan masalah ini daripada satu PBT ke satu PBT, Kerajaan Negeri telah juga melakukan rundingan melalui pihak ketiga atau melalui pertubuhan-pertubuhan bukan Kerajaan. Sebab kadangkala kita melihat terdapat para peneroka yang seolah-olah tidak percaya kepada Kerajaan sebab kita perlu mengambil pihak ketiga untuk menjadi orang tengah di dalam perbincangan ini. Tetapi ini tidak bermakna bahawa Kerajaan Negeri akan membenarkan penempatan baru. PBT dan Pejabat Daerah kita telah mengarahkan untuk memantau dan mengambil tindakan ke atas pembinaan baharu. Arahan untuk tidak merobohkan sebarang penempatan peneroka Bandar hanya kepada yang telah dibina sebelum

1 Jun 2008, yang baru tidak dibenarkan. Di dalam menyelesaikan masalah para peneroka Bandar, penduduk akan seperti yang dilakukan dahulu, penduduk akan ditawarkan rumah kos rendah, untuk dibeli di samping pembayaran kos pemindahan sehingga RM2,000.00. Dan peneroka akan diberikan subsidi RM7,000.00 untuk membeli rumah kos rendah dengan harga RM35,000.00, dan subsidi ini akan dibayar oleh pengawal tanah tersebut

Baru-baru ini Kerajaan Negeri telah membuat satu keputusan iaitu agar TNB juga membayar RM7,000.00 jika mereka jika mereka hendak mengeluarkan peneroka Bandar dari tanah yang diberi milik kepada mereka. Sebelum ini yang perlu bayar adalah PBT, di mana PBT menanggung bebanan tersebut. Sekarang ini jika TNB diberi milik tanah, dia pun kena bayar juga subsidi tersebut. Bagi peneroka Bandar yang di tanah-tanah swasta, syarikat swasta perlu menyelesaikannya menurut panduan yang sama. Dan terdapat juga rundingan yang diterajui oleh Kerajaan Negeri di mana pihak swasta bersetuju untuk menjual tanah yang diduduki oleh peneroka dengan harga yang nominal. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Bukit Antarabangsa.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI:** Tuan Speaker, soalan no. 29.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI  
(BUKIT ANTARABANGSA)**

**TAJUK :       PEMBAKARAN TERBUKA**

29.     Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a)     Sejauh manakah pemantauan oleh Kerajaan Negeri dalam menangani isu pembakaran terbuka dan apakah tindakan yang lebih tegas akan diambil terhadap mereka yang menjalankan aktiviti tersebut.

**YB PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Tuan Speaker, Yang Berhormat, Pihak Kerajaan sentiasa berusaha untuk menangani isu pembakaran terbuka dengan melaksanakan berbagai cara seperti berikut:

- i)     Mempertingkatkan penguatkuasaan undang-undang mengenai larangan melakukan pembakaran terbuka di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 oleh Jabatan Alam Sekitar dan undang-undang lain yang berkaitan di bawah agensi-agensi kerajaan yang lain termasuk Pihak Berkuasa Tempatan, Pejabat Tanah dan Daerah, Jabatan Pertanian, Jabatan Perhutanan dan Jabatan Bomba;
- ii)    Menjalankan program pemantauan dan rondaan darat oleh Jabatan Alam Sekitar ke atas kawasan-kawasan yang berisiko tinggi berlaku pembakaran seperti tapak-tapak projek pembinaan, kawasan pertanian, tapak pelupusan sampah dan kawasan gambut. Program pemantauan ini turut dilaksanakan melalui penerbangan udara dengan kerjasama Unit Udara Polis dan penerbangan pihak swasta untuk membuat pengesanan awal bagi mengelakkan kebakaran dari merebak;
- iii)   Melaksanakan langkah pencegahan pembakaran terbuka terutama di kawasan tanah gambut dengan melaksanakan, dengan izin "*water management system*" melalui

pembinaan, dengan izin “*check dam*” dan pembinaan pintu air di kawasan tersebut supaya kebakaran dapat dikawal dan dikurangkan; dan

- iv) Mempertingkatkan program pendidikan dan kesedaran alam sekitar terutama kepada sektor industri, pemaju projek pembinaan, para tani dan orang awam bagi memastikan semua pihak terlibat memberi kerjasama dalam usaha-usaha penjagaan alam sekitar dengan tidak melakukan sebarang aktiviti pembakaran terbuka.

Tindakan tegas yang boleh dan telah diambil terhadap mereka yang menjalankan aktiviti pembakaran terbuka ialah mengenakan tindakan mahkamah di bawah Seksyen 29A, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 di mana jika disabit kesalahan boleh dikenakan denda sehingga lima ratus ribu ringgit (RM500,000.00) atau lima (5) tahun penjara atau kedua-duanya. Setakat ini kita telah memberi amaran, 200 kes dikeluarkan amaran, 23 kes telah difailkan di mahkamah, 23 kompaun telah dikeluarkan dan 10 kes sedang disediakan kertas siasatan bagi kesalahan melakukan pembakaran terbuka.

Saya juga ingin maklum kepada Yang Berhormat dan juga Dewan yang mulia ini bahawa walaupun kita ada banyak kes di mahkamah tetapi kes-kes tersebut memakan masa yang terlalu lama untuk didengar atau keputusan dibuat oleh mahkamah. Saya ingin memberi contoh seperti di Jalan Kebun. Jalan Kebun terdapat satu di mana Jabatan Alam Sekitar telah fail di mahkamah sejak tahun lalu, di mana pembakaran terbuka yang secara besar-besaran telah berlaku di bulan Mei. Sampai hari ini kes ini belum didengar di mahkamah, belum sampai di mahkamah. Saya di maklum hanya bulan Disember mahkamah akan mendengar kes tersebut. Jadi saya ingin juga menyeru kepada Yang Berhormat Bukit Antarabangsa dan juga selaku Ahli Parlimen Gombak untuk membawa isu di tahap Parlimen juga. Cara yang tegas di mana mahkamah dan Jabatan Alam Sekitar boleh menangani isu pembakaran terbuka, saya rasa adalah melalui keputusan yang tegas di tahap mahkamah. Tetapi kalau kes-kes ini terlalu lama didengar sampai semua orang pun dah lupa, saya rasa isu pembakaran terbuka akan berleluasa. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Subang Jaya.

**YB PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN:** Tuan Speaker, soalan no. 30.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN  
(SUBANG JAYA)**

**TAJUK :** JAWATANKUASA TENDER

- a) Siapakah yang terlibat dalam jawatankuasa tender di semua PBT sekarang?
- b) Bilakah komposisi ahli jawatankuasa tender di semua PBT akan ditukar untuk memastikan segala urusan tender dan kontrak di PBT menjadi lebih telus?
- c) Adakah ahli NGO akan dijemput untuk menjadi ahli jawatankuasa tender?

**YB TUAN LIU TIAN KHIEW:** Tuan Speaker, Subang Jaya ingin nak tau siapakah yang terlibat dalam jawatankuasa tender di semua PBT sekarang? Seperti yang diamalkan sekarang Ahli Jawatankuasa Tender hanya melibatkan pegawai-pegawai Pihak Berkuasa Tempatan yang terdiri daripada Datuk Bandar ataupun Yang Dipertua, Timbalan Datuk Bandar ataupun

Timbalan Yang Dipertua atau Setiausaha dan Pegawai Undang-Undang PBT dan Pengarah Kewangan PBT.

Walau bagaimanapun, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor (MMKN) Ke 19/2009 yang diadakan pada 10 Jun 2009 telah bersetuju agar Ahli Jawatankuasa Tender di peringkat PBT akan melibatkan Ahli Majlis yang terdiri daripada setiap komponen parti Pakatan Rakyat dan juga seorang daripada NGO ataupun Badan Bukan Kerajaan, selain daripada pegawai-pegawai PBT sedia ada dalam jawatankuasa tersebut.

Untuk makluman, komposisi bagi Ahli Jawatankuasa Tender di peringkat PBT akan berkuat kuasa serta merta setelah Pekeliling mengenai penubuhan Jawatankuasa tersebut dikeluarkan oleh Pihak Kerajaan Negeri dalam tempoh terdekat ini.

Seperti yang telah dimaklumkan, Ahli Badan Bukan Kerajaan (NGO) juga akan dijemput untuk menganggotai Jawatankuasa Tender Pihak Berkuasa Tempatan.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, sistem ini tidak sama dengan sistem pada masa Barisan Nasional kerana pada masa itu kerana pada masa itu anggota dalam *Tender Board* itu kadang-kadangnya adalah terdiri daripada ADUN sendiri. Sebab itu kita rasa cara yang kita buat sekarang ini berlainan kerana ada tambahan NGO dan juga Ahli-Ahli Majlis yang dilantik itu bukanlah ADUN. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Bukit Antarabangsa.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI:** Terima kasih Tuan Speaker dan Yang Berhormat EXCO. Saya menyambut keputusan Kerajaan untuk melantik beberapa Badan NGO dalam Jawatankuasa Tender ataupun PBT. Tetapi persoalan yang timbul ialah sementara NGO dapat memainkan peranan dalam pembangunan di peringkat PBT, kebimbangan kita ialah ada segelintir NGO mengambil pendirian atau sikap untuk *focus group* masing-masing. Ini menjadi kebimbangan kita. Kalau NGO itu memahami dasar Kerajaan Pakatan Rakyat Negeri Selangor, saya rasa ini pendekatan yang terbaik kerana di kalangan profesional, NGO boleh membantu dan menyumbang. Tetapi kalau NGO itu mengambil ‘..sosoc.’ yang ekstrem, dalam beberapa isu ianya akan membantutkan pembangunan di peringkat PBT tersebut. Maka persoalan saya apakah pendirian Yang Berhormat untuk memastikan NGO yang dilantik itu, pertama, mendukung dan memahami dasar Pakatan Rakyat, yang keduanya, mengambil sikap terbuka dan *inclusive* supaya sama-sama dapat membincangkan bagi kepentingan kemajuan dan pembangunan di peringkat PBT. Terima kasih.

**YB TUAN LIU TIAN KHIEW:** Tuan Speaker, cadangan Bukit Antarabangsa memang adalah tepat dan baik, sebab itu Kerajaan Negeri akan memberikan satu peluang di mana semua wakil-wakil Ahli-Ahli Majlis yang terdiri daripada NGO akan diberikan satu peluang bersama dengan pemimpin kerajaan di mana satu pertukaran fikiran akan diadakan di mana mereka akan diberitahu peranannya mereka kena mendukung dasar Kerajaan dan sebagainya. Dengan cara itu kita dapatlah menjamin semua wakil daripada NGO memahami dasar Kerajaan dan mematuhi dengan dasar Kerajaan supaya tidak ada lagi kekecohan yang berlaku. Ini satu cadangan yang baik dan kita akan menjalankan dan melaksanakan. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Rawang.

**YB PUAN GAN PEI NEI:** Saya ingin bertanya apakah kriteria lantikan Ahli-Ahli Jawatankuasa Tender ini, dan adakah Yang Berhormat ataupun PBT bercadang atau untuk menyerahkan supaya ia dijalankan oleh Jawatankuasa PBT yang ditubuhkan bawah Dewan Negeri bagi memastikan bahawa mereka yang dilantik dalam Jawatankuasa Tender boleh faham dengan bidang tugas mereka dan lebih telus dalam proses pemilihan itu.

**YB TUAN LIU TIAN KHIEW:** Terima kasih. Tuan Speaker saya mencadangkan wakil dari komponen parti Pakatan Rakyat itu seharusnya datang dari cadangan parti masing-masing. Jadi parti masing-masing boleh, kerana mereka lebih memahami kewibawaan dan juga keupayaan Ahli-Ahli Majlis yang mereka melantik. Dan untuk wakil NGO, saya sendiri dan juga PBT yang berkenaan akan menentukan. Jadi kriterianya memanglah ada kewibawaan dan juga keupayaan, dan juga pengalaman. Sekian, terima kasih.

**YB TUAN ISMAIL BIN SANI:** Soalan Tambahan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Batang Kali.

**YB TUAN MOHD. ISA BIN ABU KASIM:** Soalan saya kepada YB. EXCO. Apakah yang menyebabkan terpaksa diubah prinsip oleh awalnya Pakatan Rakyat supaya tidak melibatkan Ahli-ahli Majlis sebagai Jawatankuasa Tender dan hari ini membuat satu perubahan balik kembali seperti Barisan Nasional yang lalu. Terima kasih Pengerusi.

**YB TUAN LIU TIAN KHIEW:** Tuan Speaker, Kerajaan Negeri sentiasa ataupun kita bersikap terbuka apabila kita menerima aduan ataupun pandangan, ataupun cadangan ataupun teguran daripada orang awam ke ataupun daripada orang politik kita sentiasa mengkaji dan jika kita mendapati satu cara yang dapat memperkasakan apa yang kita gunakan sekarang kita tidak ada masalah untuk melaksanakannya. Ini kita membuat, melaksanakan cara yang baru ini bukan kerana desakan. Ini adalah kerana selepas kajian kita rasa, cara ataupun pendekatan yang baru itu, pendekatan baru ini dapat memperkasakan pelaksanaan sistem tender kita. Sebab itu kita laksanakan. Terima kasih.

**YB TUAN ISMAIL BIN SANI:** Soalan Tambahan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Dusun Tua.

**YB TUAN ISMAIL BIN SANI:** Terima kasih, Tuan Speaker. Jadi saya percaya pada awal-awal dulu Pakatan Rakyat menjadi Kerajaan perkara yang diwar-warkan adalah memestikan *Tender Board* di mana-mana sekali pun Pihak Berkuasa Tempatan ini tidak dipengaruhi oleh Ahli-ahli Majlis, tapi hari ini kita dah dengar pada 10 Jun Kerajaan Negeri telah memutuskan bahawa Ahli Majlis perlu berada dalam *Tender Board*. Saya nak tanya soalan saya, apa sebenarnya peranan Ahli Majlis dalam *Tender Board* ini? Kalau dulu kita tak mahu Ahli Majlis berada dalam *Tender Board* kerana ingin ketelusan. *The word is* dengan izin ketelusan tapi hari ini kita ingin mereka berada di dalam *Tender Board* bagi tujuan apa? Saya inginkan penjelasan daripada YB. EXCO. Terima kasih.

**YB TUAN LIU TIAN KHIEW:** Tuan Speaker, oleh kerana ketelusanlah, sebab itu kita menambahkan tadi saya sudah kata, *Tender Board* yang sekarang ini ada pegawai-pegawai sahaja dan sekarang dengan cara yang baru semua pegawai yang dikatakan itu semua dikekalkan jadi ditambah baik dengan Ahli Majlis, dengan cara itu, dengan izin *check and balance* dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan. Di samping itu, saya telah memberitahu Dewan yang mulia ini tadi, kita telah menubuhkan sebuah jawatankuasa yang baru yang

dinamakan audit dan *cooperate governments* di mana jawatankuasa ini hanya terdiri daripada Ahli Majlis. Jadi dengan cara ini kita juga memperkasakan jawatankuasa kewangan di mana mereka diberi kuasa untuk menyemak semua dokumen mengenai kewangan dan juga tender dan sebut harga. Jadi kita berkeyakinan cara ini dapat mengujudkan satu sistem dengan ketelusan dan juga akauntabiliti dengan izin. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Meru.

**YB TUAN DR. ABD. RANI BIN OSMAN:** Tuan Speaker, soalan yang ke 31.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN  
(MERU)**

**TAJUK: PERTUKARAN AHLI JAWATANKUASA MASJID-MASJID**

31. Masjid-masjid di negeri Selangor telah mengadakan pertukaran ahli jawatankuasanya yang baru pada Jun yang lalu.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Bagaimanakah proses-proses pemilihan Ahli Jawatankuasa Masjid-masjid dilakukan?
- b) Apakah kriteria-kriteria yang mesti ada untuk seseorang itu dipilih sebagai Nazir dan Ahli Jawatankuasa Masjid?
- c) Apakah perbezaan proses yang dilakukan pada sesi kali ini berbanding sesi lalu ketika pemerintahan kerajaan Barisan Nasional?

**YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI:** Tuan Speaker, terima kasih Meru, sebagai salah seorang yang prihatin kepada masjid dalam pertemuan yang lalu pun Meru banyak mengemukakan soalan mengenai masjid. Kali ini pun beliau juga mengemukakan soalan mengenai masjid terutama tentang pemilihan jawatankuasa masjid yang baru-baru ini disempurnakan. Jawatankuasa masjid, Tuan Speaker, sekarang ini yang baru ni berumur 1 bulan dah 9 hari umur dia. Jadi sudah tentulah kita lihat satu suasana baru sudah terbayang di masjid, suasana penghidupan baru dari segi masjid, memakmurkan masjid sudah kita dapati di mana-mana masjid daripada Sepang sampailah ke Sabak Bernam. Saya nak memulakan dengan mengatakan, oleh kerana ini menjadi sebahagian daripada coretan-coretan yang terdapat, ada surat-surat yang dikemukakan dan juga dalam akhbar juga ditulis daripada 378 masjid, Tuan Speaker, yang ada masalah sikit ni hanya 6 daripada 378. Maknanya *percentagenya* dalam lingkungan 2 peratus begitu sahaja. 6 daripada 378, saya juga nak tambah bagi jawatankuasa kampung ye. Yang kita lakukan pemilihannya daripada 365 jawatankuasa kampung, 10 sahaja bermasalah. Masalah-masalah ini pun kebanyakannya masalah yang berkaitan dengan prosedur kepada pemilihan yang agaknya kurang difahami oleh orang memilih dan orang yang terlibat dalam pemilihan dan ini kita sudah bereskan dan alhamdulillah oleh kerana kita prihatin, oleh kerana dapat sokongan daripada anak-anak kariah di seluruh negeri Selangor ini maka kita dapat selesaikan dalam keadaan yang begitu cepat sekali. Sekarang ini ikut soalan yang dikehendaki tadi oleh Meru bagaimanakah proses-proses pemilihan itu. Saya tak mahu pergi kepada detail proses pemilihan itu cukup saya katakan dulu di zaman pemerintahan yang dulu BN UMNO, pemilihan dilakukan berdasarkan ditunjuk begitu.



Bila ditunjuk begitu adalah Orang Bahagian, Timbalan Ketua Bahagian, Naib Bahagian, Ketua Pemuda Bahagian, Ketua Cawangan, Ketua Pemuda Cawangan inilah yang menyebabkan mandulnya masjid-masjid ketika itu. Sekarang ini kita lihat, masjid alhamdulillah siang bercahaya dan malam pun bercahaya. Baru ini dua minggu yang lepas, saya berada di Sabak Bernam Tuan Speaker, orang naik kereta saya terus masuk kereta saya dan beritahu kepada saya, masjid dia dah 17 tahun tak pernah ada kuliah subuh. Sekarang ini sejak sebulan, dua bulan yang lalu dah ada kuliah subuh dah bahkan jawatankuasa masjid sudah pula memikirkan kuliah dhuha. Kalau kuliah subuh pun tak pernah ada, kuliah dhuha tak pernah ada sekarang dah mula ada yang paling sukar sekali nak mengadakan kuliah subuh dan ini telah diadakan jadi kuliah maghrib lebih mudah lagi daripada mengadakan kuliah subuh. Begitu jugak Tuan Speaker, saya nak mengatakan tentang pemilihan ini kita nak cari *talent-talent* yang dapat membantu kita untuk menghidupkan masjid menjadikan masjid *another OSC. One Stop Center*. Apa *one stop centre* dalam bidang ibadah, *one stop centre*, dalam bidang muamalah *one stop centre* dalam bidang munakaha *one stop centre*, dalam bidang musarakah pun *one stop centre* ertinya dalam bidang muamalah misalnya kita hendak masjid oleh sebab itu kita dalam pemilihan ni, Meru, kita hendak orang yang layak. Untuk pengetahuan Ahli Dewan ye, minimum, minimum yang kita dapat sekarang ni ialah kelulusan SPM dan Rabiq Sanawi, minimum. Kebanyakannya ada diploma, ada *degree* yang pertama, ada yang *master's degree* dan sebahagiannya ada PhD. Tuan Speaker. PhD. mengurus masjid, doktor di Batu 14 tu, dia punya Nazirnya adalah Doktor. Masjid di Gombak dia punya Nazirnya adalah PhD. *holder* jadi orang-orang dan saya nak beritahu Tuan Speaker, nak beritahu kepada Meru sebahagian daripadanya adalah tokoh-tokoh korporat. Tokoh korporat, MD-MD korporat sekarang ni mereka mengendalikan masjid dan saya harap budaya korporat yang terkenal dengan *efficiency*, yang terkenal dengan *effectiveness* akan dibawa masuk untuk menjulang martabat masjid dan ini sedang berlaku dan saya terlalu yakin bagi kita 6 bulan lagi Tuan Speaker, tu-tuan akan lihat, insya-Allah bagaimana siang dan malam akan bernyala-nyala masjid dengan kemakmuran terutamanya dalam bulan Ramadhan yang akan berlaku dalam sebulan setengah sahaja lagi. Kita dah melatih imam-imam Tuan Speaker, dah melatih imam-imam sebanyak 60 orang kita dah latih para-para hufaz yang kita hafaz Al-Quran dilantik menjadi imam untuk mengimamkan 3 masjid satu daerah, 3 masjid yang akan dipilih satu daerah. Apa mereka akan buat? Daripada Ramadhan yang pertama sampai Ramadhan yang ke 30. Terutama 10 malam yang terakhir kita akan hidupkan dengan Qiamullail dan amalan-amalan mengikut yang dibuat oleh Nabi Muhammad S.A.W. Jadi amalan iktikafnya akan dibuat, amalan Qiamullailnya akan dibuat yang ini berkaitan langsung dengan pemilihan ahli jawatankuasa masjid. Kalau jawatankuasa masjid itu bahagian, orang cawangan, orang bahagian, ketua pemuda, ketua puteri, inilah pemandul-pemandul kepada masjid. Jadi kita harap, yang kedua yang saya nak sebutkan apakah kriterianya. Saya nak menyebutkan kriterianya Tuan Speaker, calon untuk misalnya jawatan Nazir, calon berumur tidak melebihi 60 tahun. Kita tekankan 60 tahun ini. Banyak orang yang bagi tahu saya, tulis surat kepada saya kenapa 60 tahun. Orang 65 tahun, saya masuk 62 sekarang boleh berdiri tegak lagi, hah. Kenapa orang ini tak boleh? Begini ceritanya, dia ada namanya *succession plan*. Ada plan penggantian, bolehlah imam di depan tu 78 tahun kan elok kalau imam di depan tu 35 tahun. Sudah tentu bacaannya lebih nyaring, sudah tentulah suaranya lebih sedah, sudah tentulah amalan-amalannya lebih mampu lagi dibandingkan dengan imam-imam yang sudah agak lanjut usianya. Walau macam mana pun kita mengucapkan terima kasih dan kita dah bagi sikat sagu hati dan bentuk cenderahati pada para-para imam, para-para ahli jawatankuasa masjid yang lalu bagi menggambarkan seronoknya kita kepada perkhidmatan yang mereka telah tumpukan kepada masjid. Kita tak pernah lupakan orang-orang ini. Yang kedua, tinggal di kawasan kariah. Dulu-dulu, ya Allah tak tinggal di kawasan kariah tinggal di kawasan kariah A, jadi Nazir kariah B, tinggal di kariah c tapi jadi Nazir kariah B. Begitulah ceritanya, sekarang ni mengikut Enakmen, kita dah salurkan dan kita telah uniformkan peruntukan-peruntukan tersebut yang ketiga boleh membaca, menulis dan

mengira. Dalam hal kita ni bukan boleh membaca, menulis, mengira lebih kalau PhD tak kan lah boleh membaca, menulis, mengira jadi kita sudah angkat martabatnya. Yang keempat, calon Nazir hendaklah mampu mengetahui halakah-halakah, mampu mengetuai halakah-halakah. Nazir boleh memimpin halakah-halakah. Halakah Al-Quran, halakah ilmu, usrah, saya bersama-sama dengan YAB. Tan Sri Menteri Besar baru-baru ini, dalam dua minggu yang lalu kita mengadakan konvensyen masjid-masjid. 2,000 orang semuanya ahli jawatankuasa masjid yang hadir PhDnya, mastersnya, ahli-ahli korporatnya, mereka telah mengadakan konvensyen telah hadir dua hari. Saya rasa tak pernah lagi dalam sejarah saya, dah bekerja hampir-hampir dekat 40 tahun dah saya bekerja tak pernah tengok lagi lah. Dia punya antoseazem yang ditunjukkan oleh jawatankuasa masjid ini untuk mengangkat jawatankuasa masjid dan inilah oleh kerana saya memikirkan bahawa pemilihan itu tepat. Pemilihan itu tepat. Tepat pada orangnya, tepat pada keadaannya, tepat pada situasinya dan tepat pada masanya. Yang keempat, yang kelima ialah mempunyai pengetahuan agama Islam, ini sangat penting. Ini kalau misalnya hukum hakam pun tak reti, fardu ain pun tak reti main langgar aje, jadi peraturan-peraturan yang penting untuk seorang Nazir pun tak faham. Saya rasa ini yang mencemarkan imej masjid kemudian tu mempunyai akhlak yang mulia dan amanah. Hah, ini nak sebut tentang amanah, duit-duit hilang, duit-duit tak masuk bank. Ada yang 3 tahun tak masuk bank. Ada masjid dan surau tak ada akaun langsung. Tak ada akaun. Jadi inilah kita cuba selaraskan semuanya dan saya harap teman-teman daripada Barisan Nasional daripada UMNO, MCA dan seluruhnya di sana dapat menyokong gerakan kita ini bagaimana kita nak menjadikan sebenarnya masjid ini sebagai peneraju kepada masyarakat Islam dan masyarakat Islam khususnya. Saya juga nak menyebutkan bahawa masjid kita nak jadikan oleh kerana kita nak jadikan *talent-talent* itu sebahagian daripadanya ekonomi, sebahagian daripadanya ada pengetahuan *business* sebab kita nak jadikan masjid ini sebagai tempat punca muamalah. Kita nak ambil koperasi, kita baru, Tuan Speaker, kita baru sahaja meluluskan supaya masjid-masjid menubuhkan koperasi-koperasi. Bayangkan 378 rangkaian koperasi, bayangkan 1,889 surau akan ada rangkaian koperasi di antara mereka. Dengan rangkaian koperasi itulah mereka akan menjalankan perniagaan sewa kanopi, perniagaan khairat kematian, pinggan mangkuk, pusat-pusat jualan halal dan toibah. Kita nak jadikan masjid ini pusat OSC untuk halalantoiibah. Segala yang halal akan dapat di masjid itu, segala yang baik akan dapat di masjid itu dan akhirnya Tuan Speaker, apakah perbezaan proses yang dilakukan pada sesi kali ini berbanding dengan sesi yang lalu. Jelas, pada kali ini, kita dapati dengan izin Allah SWT kita dapati orang yang lebih berkaliber no. satu. No. 2, orang yang lebih berpengetahuan, No. 3, orang yang lebih berketerampilan, No. 4, orang yang mempunyai *attitude* yang segar. *Attitude* yang segar untuk menjadikan masjid sebagai puncak kepada menyelesaikan segala permasalahan-permasalahan hidup mengenai umat di kawasan-kawasan tersebut. Dan saya nak sebutkan yang akhirnya, Tuan Speaker, ini selalu juga disebut, kita tidak benarkan, sama sekali kita tidak benarkan kalau yang misalnya tidak bertauliah, kita minta maaf kita tidak benarkan. Ambil tauliah, minta tauliah untuk memberi khutbah, untuk mereka memberikan kuliah-kuliah, untuk memberikan tazkirah dan sebagainya. Yang kedua, saya menekankan peraturan-peraturan khutbah yang telah digariskan itu dapat diikuti dan ini kita akan pantau untuk menentukan sesungguhnya masjid betul-betul kembali kepada fungsi asalnya dan saya sebagai orang yang diberikan amanah ingin menentukan supaya ini tidak berlaku. Apa-apa yang boleh mencatitkan masjid akan berlaku di masjid negeri Selangor ini. Terima kasih, Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-Ahli Yang Berhormat Sekalian, masa sudah menunjukkan jam 11.00 pagi. Dengan ini saya menangguhkan sesi pertanyaan ini untuk urusan seterusnya.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Sambungan Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan Tambahan 2009 semua peringkat.

**TUAN SPEAKER:** Terima kasih. Damansara Utama sila sambung.

**YB TUAN DR. CHEAH WING YIN:** Tuan Speaker, terima kasih atas peluang ini untuk melanjutkan apa yang dibahaskan semalam. Mula-mula saya bersyukur kerana Sungai Panjang sudah mengalir balik ke Dewan ini. Baiklah saya lanjutkan dengan isu realiti dan andaian. Realiti keberkesanan sebuah Kerajaan dan kewangannya adalah terhad. Realiti pihak swasta sama ada tempatan atau luar negeri termampu dan mempunyai dana dan ada idea dan keupayaan. Jadi Ijok selaku Menteri Besar sedang mengusahakan dengan bakal-bakal pelabur swasta. Inilah berpatutan, realiti di mana Kerajaan Pakatan Rakyat Negeri Selangor akan menggembel dengan pihak swasta untuk merangsang ekonomi. Itulah cara wajar dan akan mengakibatkan andaian dijadikan sasaran menghala ke realiti di mana banyak tempat yang uzur disasarkan untuk pembangunan semula. Luasnya di pinggir Sungai Klang. Dengan tekad penuh azam, Kerajaan Pakatan Rakyat akan menjelmakan andaian ke arah sasaran menuju ke realiti kerana tanpa usaha tulus macam mana jadi realiti. Tetapi, akan tetapi, jikalau seseorang masih terhanyut dan melayari dalam zon kekeliruan dan tersangkut di dalam tak fahaman mungkin ekor kena tewas teruk dalam lapangan undi pilihan, maka terjadilah situasi di mana andaian hanya akan terus menjadi andaian sahaja. Akhirnya Damansara Utama hendak pulang balik kepada iklim ekonomi yang lembap itu. Damansara Utama menyeru supaya setiap wakil Rakyat menyambut kerahan berganding bahu mengerakkan ekonomi, melicinkan segala aktiviti-aktiviti wajar supaya dapat pertumbuhan ekonomi. Saya amat kesal atas sikap setengah wakil Rakyat sama ada Ahli Majlis Perbandaran, ADUN, ahli Parlimen yang masih berlagak sebagai pembangkang seolah-olah nak jadi cukup popular sahaja. Saya berpendapat dan saya tetap sama pendapat dengan Bukit Antarabangsa, cabaran urus tadbir Kerajaan termasuk membuat keputusan yang kadangkala tak popular tetapi cara Pakatan Rakyat meliputi elemen ketelusan. Itulah bezanya daripada Kerajaan Barisan Nasional yang lalu. Biarlah saya bagi contoh. Di banyak kawasan DUN adalah di pinggir ADUN beberapa projek berjenis (dengan izin), *done deals* iaitu persetujuan perniagaan yang telah ditandatangani oleh pihak-pihak tertentu pada zaman Kerajaan lama...lalu, tanpa maklum balas dari penduduk-penduduk. Sudah ditandatangani hanya boleh dibatalkan jikalau melibatkan bayaran berjuta-juta ringgit. Wakil Rakyat termasuk Ahli Parlimen jangan sewenang-wenangnya membayar pampasan supaya mengekalkan populariti sahaja di pandangan setengah-setengah penduduk. Begitulah cabaran dengan pusat penjaja di Taman Mayang Jaya di DUN Damansara Utama. Bukan hanya di persetujuan perniagaan yang telah disahkan, macam mana pendekatan terhadap cadangan-cadangan baru oleh pemaju-pemaju masa kini. Marilah kita sekalian bertampil dengan suatu minda yang *pro-development* iaitu *pro-constructive development* (dengan izin) supaya Negeri Selangor bertumbuh dan menjadi maju dan jaya dan mengatasi iklim yang sukar ini. Sekian sahaja.

**YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Ya, Hulu Kelang.

**YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Terima kasih, Tuan Speaker kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan. Pada pengamatan saya bahawa tambahan RM120 juta yang diminta oleh pihak Kerajaan melibatkan RM77 juta ataupun 64% bagi pembangunan Negeri dan RM42 juta ataupun 36% bagi tambahan pengurusan adalah wajar. Saya tidak ada masalah untuk menyokong kerana usul tambahan ini membawa manfaat untuk rakyat. Bahkan tambahan mengurus sebanyak RM42 juta juga adalah bagi manfaat rakyat seperti bayaran bagi penyelenggaraan jalan, bayaran tertunggak bil-bil lampu isyarat jalan-jalan dan sebagainya. Tambahan ini bagi saya perlu disokong. Penegasan kepada bajet bagi saya hendaklah sepatutnya berpaksikan kepada kepentingan rakyat. Dia

mesti melibatkan dan mendapat rundingan dan pandangan daripada rakyat dan mesti selaras dengan semangat demokrasi yang telah dinyatakan oleh Y.A.B. Menteri Besar dan sempena dengan sambutan 50 tahun Dewan, peranan wakil-wakil Rakyat di Dewan hendaklah diperkasakan, dipertingkatkan selaras dengan semangat demokrasi di mana demokrasi juga bercakap tentang kesamarataan, pengagihan yang adil, saksama dan memerlukan *participation* (dengan izin) penglibatan semua pihak. Bagi kita, saya menyarankan bahawa Dewan bukan hanya sebagai satu *rubber stamp*. Dewan perlulah diperkasakan ke arah menjadi satu medan untuk menimbang sebaik-baiknya cadangan daripada Kerajaan dalam konteks sebuah demokrasi yang melaksanakan (dengan izin) *transformative legislature*. Kebanyakan bajet-bajet yang diutarakan oleh pihak Kerajaan kalau di Amerika contohnya *dead on delivery* istilahnya, maknanya telah ditolak pada asasnya sebelum sampai ke senat ataupun kongres. Jadi kita mahu peranan yang lebih mantap daripada ahli-ahli Dewan khususnya kelab penyokong Kerajaan di mana saya mencadangkan proses penyediaan bajet pada masa-masa yang akan datang perlu melibatkan input daripada Jawatankuasa-jawatankuasa yang diwujudkan bersama oleh EXCO dan kelab penyokong Kerajaan ataupun mendapat input daripada Jawatankuasa-jawatankuasa tertentu yang diwujudkan oleh Dewan. Jadi maknanya Dewan diperkasakan bukan hanya dengan usul dan Rang Undang-undang yang datang mungkin dua (2), tiga (3) hari sebagai pre-council sebelum Dewan diadakan tetapi beberapa minggu ataupun bulan sekurang-kurangnya untuk mendapat input dan pertimbangan yang wajar agar apabila ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan meluluskan dan menyokong, ia mendapat impak dan kesan langsung di kawasan DUN kerana apa? Kerana sebagai wakil Rakyat di DUN, kita bertemu dengan rakyat setiap hari. Kita menangani masalah dan kehendak-kehendak, keperluan-keperluan rakyat, longkang, jalan, bangunan, padang, tebing sungai runtuh, cerun-cerun bukit, setiap kali dan apa yang boleh dilakukan oleh ADUN setakat ini hanyalah mendapat input, maklumat daripada pengadu dan rakyat dan menyalurkannya kepada PBT. Berunding dengan Ahli-Ahli Majlis, meminta Ahli Majlis membawa dalam Mesyuarat Penuh untuk dapat dilaksanakan secepat mungkin. Demikian juga yang berkaitan dengan Pejabat Tanah, kita sebagai ADUN yang mendapat aduan-aduan yang berkaitan dengan urusan Pejabat Daerah Dan Tanah, kita akan menyalurkan kepada Jabatan-Jabatan yang berkenaan. JPS, JKR, DO dan sebagainya dan dalam masa-masa tertentu juga kita melibatkan Kebajikan, JKM, Lembaga Zakat, JAIS, masjid sebagainya kita salurkan. Tetapi maknanya, akhirnya apabila kita berdepan dengan realiti dalam pentadbiran PBT ataupun pentadbiran Daerah, kita bertemu dengan satu keadaan di mana jawapannya, tidak ada peruntukan. Ini satu perkara yang amat mengecewakan. Ahli Dewan Undangan Negeri memberi sokongan agar Kerajaan Negeri boleh *perform*. Agar YB Menteri Besar dan EXCO nya boleh *perform* tetapi pada *delivery* sistem yang paling asas (dengan izin), pada sistem penyampaian yang paling asas, ADUN seolah-olah (dengan izin) *helpless* walaupun kita buat yang terbaik. Kita salurkan, kita desak, kita minta cara diplomasi sebaik-baiknya tapi tidak sampai. Jadi saya ingin menyarankan cara praktikalnya bahawa peruntukan khas pembangunan DUN diluluskan oleh Kerajaan pada masa depan iaitu peruntukan RM500,000.00 untuk panduan-panduan yang telah diberikan oleh peraturan kewangan diteruskan tetapi peruntukan pembangunan DUN, peruntukan tabung khas, peruntukan DUN sebanyak sekurang-kurangnya RM1 juta setiap DUN bukan RM5 juta untuk Daerah kerana ada Daerah yang ada yang 5 DUN, ada yang 9 DUN. Kita mahu 56 DUN diuruskan dari segi permohonan, permintaan, prioriti oleh ADUN-ADUN yang ada di situ. ADUN-ADUN daripada Kerajaan dengan penegasan ini tetapi dari segi prosedurnya masih lagi di bawah pentadbiran dan prosedur Pejabat Daerah. Ya, dari segi pelantikan kontrak, tender kalau perlu dan sebagainya di mana peruntukan-peruntukan projek seperti pemuliharaan padang yang kadang-kadang memerlukan RM60,000.00, RM70,000.00 yang terabai dan terbiar bertahun-tahun. Keadaan longkang yang apabila kita minta, bertahun-tahun dah, setahun lebih, PBT kata tidak ada peruntukan sedangkan peruntukannya mungkin RM70,000.00, RM80,000.00. Yang perlu

maknanya ADUN boleh tahu prioritinya untuk menyelesaikan masalah rakyat setempat, masalah padang belia, masalah longkang, masalah tebing yang ada bidang kuasa ADUN untuk diberikan keutamaan oleh kerana ada tabung khas ini. Jadi sekali lagi saya ingin menyarankan kepada pihak Kerajaan untuk meluluskan peruntukan khas pembangunan DUN dengan peruntukan dana sekurang-kurangnya RM1 juta di samping peruntukan RM500,000.00 untuk sumbangan-sumbangan perkhidmatan yang dikendalikan terus oleh ADUN tetapi yang RM1 juta ini adalah prosedur daripada pentadbiran Negeri yang mengutamakan permohonan daripada Ahli Dewan daripada setiap DUN.

Tuan Speaker, yang keduanya, saya ingin menekankan tentang peningkatan hasil Negeri khususnya dalam konteks tanah. Di tempat saya sendiri, khususnya Kampung Batu 8 terlalu banyak permohonan-permohonan tentang tanah yang telah mereka pohon sejak tahun 1960-an, 1970-an, tidak lulus-lulus dan sebahagian besar daripada masalahnya adalah masalah dalaman Parti yang memerintah pada masa itu. Faksyen-faksyen dalam UMNO yang mencantas, menghalang satu faksyen lain daripada mendapat kelulusan tanah. Ini bukan andaian tetapi kenyataan yang boleh saya buktikan, nama-nama dan senarai yang terlibat. Jadi dengan itu, saya mencadangkan agar penganugerahan tanah, pelupusan tanah dengan pembayaran premium kepada pemohon-pemohon yang telah terbukti ada dokumen-dokumen yang telah memohon sejak tahun 1960-an, 1970-an diluluskan. Dengan cara ini, kita dapat meningkatkan hasil pendapatan Negeri melalui cukai tanah, dapat meningkatkan hasil pendapatan PBT melalui cukai pintu dan yang penting sekali kita dapat mengelakkan pencerobohan tanah yang tidak membawa hasil sekiranya kita tidak memberi kelulusan. Keduanya, di tempat saya di Hulu Kelang, saya bercakap tentang pemindahan peneroka Bandar iaitu di Kampung Kemensah Hulu dan Kampung Fajar. Kampung Fajar ini adalah tempat yang luas dan strategik, berdepan dengan kawasan Zoo Negara, dekat dengan Taman Melawati yang sepatutnya sudah dimajukan dan saya telah mengemukakan permohonan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar agar tempat ini dibangunkan dan ada pemaju yang jujur, yang ikhlas yang mahu membeli dan membangunkan tanah tersebut dan sekiranya prosedur Kerajaan Negeri adalah untuk tender, saya menyeru agar proses tender dilakukan, menjemput pihak-pihak yang bertanggungjawab, yang mampu, yang berkeupayaan untuk membangunkan tempat ini kerana ini merupakan satu yang *urgent*. Satu yang (dengan izin) *urgent* kerana inilah pembelaan terpenting yang boleh dilakukan oleh kami wakil Rakyat yang setiap kali bertemu dengan mereka, rakyat menagih janji dan kita komited kepada janji kerana kita prihatin kepada rakyat untuk membela mereka. Sekiranya PKNS diamanahkan untuk menjadi tonggak untuk memajukan tanah-tanah di Negeri Selangor untuk perumahan maka wujudkanlah proses untuk membolehkan *joint venture* dengan izin di antara syarikat-syarikat pemaju yang bertanggungjawab untuk boleh bekerjasama bersama dengan modal sekali dengan PKNS. Jadi tujuannya adalah projek-projek program-program pembangunan, perumahan yang boleh *difasttreckkan* dengan izin hendaklah dilaksanakan sebaik-baiknya. Satu lagi perkara yang ingin saya bawakan di dalam dewan yang mulia ini adalah tentang Pakej Rangsangan Ekonomi yang telah dinyatakan oleh Y.A.B. Menteri Besar tentang pengurusan Sungai Klang. Kalau sekiranya program itu akan bermula dari muara Sungai Klang sehingga ke sempadan Shah Alam dan Klang maka saya mencadangkan ada satu tempat yang dinamakan Ulu Klang, di Sungai Klang di Klang Gate terdapat Taman Warisan yang sudah bertahun-tahun mereka sudah tinggal di situ kini terdapat 45 hingga 55 orang keluarga mereka berstatus setinggan ataupun peneroka Bandar tetapi oleh kerana dasar kerajaan yang prihatin rakyat, tidak merobohkan maka tempat itu mereka masih tinggal di situ. Jadi saya mencadangkan bahawa tempat tersebut dibangunkan oleh kerana mengiktiraf mereka yang menjaga kawasan mereka menanam pokok, mereka membersihkan sungai, kehadiran mereka di situ menghalang kontraktor-kontraktor dan orang-orang yang tidak bertanggungjawab membuang sampah di permulaan Sungai Ulu Klang. Jadi kita patut menghargai dan saya

mencadangkan bahawa sebuah Kampung Tradisional berbagai kaum di mana ada orang Iban di situ, ada orang Melayu, India, Cina diwujudkan dengan konsep *Community services* dengan izin di mana mereka diberikan peluang untuk tinggal di situ, kemudahan di situ dan mereka boleh membangunkan dan jadikan tempat itu sebagai pusat pelancongan di Kuala Lumpur. Tanam berbagai-bagai pokok dan kalau orang nak tengok bukit, tengok permatang kuartza, tengok Klang Gate Dam dan sebagainya semua boleh dilakukan di situ dan ada cadangan bahawa pendekatan itu boleh dilaksanakan tanpa membawa sebarang kos kepada Kerajaan dengan menggalakkan Universiti, beberapa Universiti Tempatan dan beberapa hotel tempatan dan pusat-pusat pelancongan dan untuk memberikan CSR mereka membangunkan kawasan tersebut. Jadi saya berharap ini akan mendapat perhatian kerana ia akan meningkatkan hasil pendapatan negeri dan samping ia juga akan memberi pembelaan kepada rakyat yang sudah lama terpinggir di situ.

Ketiganya Tuan Speaker saya ingin menyentuh tentang peningkatan hasil negeri berkaitan dengan Badan Berkanun dan anak-anak Syarikat Negeri Selangor. Semalam Bukit Antarabangsa telah menyentuh tentang anak-anak Syarikat dan Badan-badan Berkanun yang suntikan modal awal dan asalnya diberikan oleh Kerajaan tetapi dividen tidak pernah sampai kepada Kerajaan. Dan dalam pengamatan dan kajian ringkas saya, saya menemui, mendapati bahawa Kerajaan perlulah mengambil langkah-langkah yang lebih teratur dan kemas untuk memantau anak-anak Syarikat kerana demokrasi berkaitan dengan keadilan, hak rakyat dan hak semua dan apa yang kita lakukan dalam memantau dan meneliti perkembangan dan rekod daripada anak-anak Syarikat ini bukanlah untuk mendedahkan keburukan orang lain. Saya ingin menarik perhatian Sungai Panjang bahawa apabila Kerajaan Pakatan Rakyat membawa isu ini bukanlah niat dan hasrat kita untuk memburuk-burukkan mana-mana pihak tetapi adalah untuk membela hak rakyat dan mempertahankan hak mereka daripada terus dicabul dan tidak diketahui. Dan saya ingin mengemukakan beberapa perkara di sini tentang kes yang melibatkan beberapa Badan Berkanun dan Anak Syarikat. Pertama sebidang tanah di Mukim Dengkil, Sepang yang asalnya milik Kerajaan yang telah diberikan kepada Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor PKPS, selepas tanah itu telah diberikan oleh Kerajaan kepada PKPS maka beberapa aktiviti-aktiviti pertanian dijalankan tetapi telah dihentikan kerana terdapat cadangan untuk memajukan kawasan tersebut sebagai pembangunan bercampur *mix development* dengan izin. PKPS telah meminta Shah Alam Properties, SAP, membantu maka perjanjian JV telah ditandatangani di antara SAP sebagai tuan tanah dan pemaju. Pada masa dua MB sebelum MB sekarang iaitu MB yang ke 12 dan MB yang ke 13, SAP telah menjual hak memajukan tanah kepada empat buah syarikat swasta. Pertama Taraf Unggul Sdn. Bhd. Kedua Utuh Eksprasi Sdn. Bhd. Ketiga Expand Gain Sdn. Bhd. Keempat Suzaba Development Sdn. Bhd. Suzaba dan Expand Gain dikuasai oleh Datuk Sumadi yang dikatakan rapat dengan MB yang ada pada masa itu iaitu Sungai Panjang. Selepas tandatangan Suzaba dan Expand mendapatkan hak membangunkan tanah dari SAP. Kedua-dua Syarikat itu berpindah tangan kepada seorang tokoh perniagaan besar bertaraf Tan Sri yang juga amat rapat dengan MB ketika itu. Ketika inilah Selangor Science Park Dua diura-urakan dan berlakulah satu landskap, berlakulah satu spekulasi tanah yang hebat dan pada masa itu PKNS sebagai peneraju pembangunan hartanah telah diminta untuk merintis pembangunan Selangor Science Park. PKNS telah memberi, PKNS telah diarahkan membeli tiga ratus ekar tanah Expand Gain dan lima ratus ekar tanah Suzaba. Suzaba dan Expand Gain membeli atas angin tanah daripada SAP dengan harga RM 2.80 sekaki persegi dan menjual kepada PKNS dengan harga lima ringgit lapan puluh sen kaki persegi. Ini meraih keuntungan sebanyak tiga ringgit satu kaki persegi. Di samping itu PKNS masih perlu membayar premium tanah sebanyak tiga ratus tiga ringgit dua puluh sen kaki persegi. Dalam proses ini tokoh perniagaan bertaraf Tan Sri tadi yang rapat dengan MB pada masa itu meraih keuntungan melebihi seratus juta. Suzaba masih berhutang lapan belas juta dan Expand Gain masih berhutang sembilan belas juta kepada

SAP anak syarikat Kerajaan. SAP sudah membayar PKPS yang apa yang patut dibayar SAP tanggung kerugian terkumpul sebanyak dua ratus enam juta, Tan Sri yang rapat dengan Mantan MB masih hutang dengan SAP seratus tujuh tiga juta. Spekulasi tanah di Selangor Sains Park telah terutamanya menyebabkan kerugian besar kepada SAP Anak Syarikat Kumpulan Hartanah Selangor Berhad. Keduanya menyebabkan PKNS terpaksa membayar harga tanah yang asalnya adalah tanah Kerajaan. Kini PKNS masih ada baki hutang kepada Suzaba dan Expand Gain sebanyak dua puluh tiga juta dan kesan daripada *exercise* ini dengan izin, keadaan Kumpulan Hartanah Selangor Berhad amat berat, nazak yang kita tahu YAB Menteri Besar pun tahu ada aduan, beberapa orang pekerja telah dikenakan tindakan VSS iaitu skim pemberhentian yang dipaksakan kepada mereka. Dan kelimanya kesan daripada itu prestasi Kumpulan Perangsang Selangor Anak Syarikat Negeri Selangor akan juga merudum pada tahun ini kerana Kumpulan Perangsang memiliki pegangan 56.6% ke atas Kumpulan Hartanah. Jadi inilah yang kita ingin nyatakan sekiranya pemantauan yang lebih teliti dan rapi, kajian-kajian yang lebih mendalam yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri terhadap anak-anak syarikat banyak hasil yang dapat kita selamatkan dan akan meningkatkan hasil negeri dan pendapatan akhirnya akan mendapat limpahan kepada rakyat.

Tuan Speaker saya ingin menyentuh perkara ke empat tentang pentadbiran Agama Islam dan Demokrasi. Apabila kita bercakap tentang demokrasi, kita bercakap tentang keadilan. Apabila kita bercakap tentang bajet, kita bercakap tentang memperuntukkan peruntukan yang secukupnya agar agensi-agensi dan badan-badan Kerajaan dapat melaksanakan tugas demokrasi dengan sebaik-baiknya. Dan saya ingin menarik perhatian sebagai agensi Agama tertinggi di Negeri Selangor keadilan ini hendaklah dirasakan oleh semua pihak. Menarik perhatian tentang sebuah buku himpunan ajaran, amalan dan fahaman yang telah di fatwa dan di warta menyeleweng dan sesat dalam Negeri Selangor. Buku ini telah dicetak buat kali pertama pada tahun 2000 dan telah menjalani enam kali cetakan yang di tangan saya ini pada tahun 2005. Dan di dalam ini terkandung beberapa perkara yang sekiranya dibaca seolah-olah menggambarkan kebenaran kerana telah diwartakan. Tetapi apabila kita telah bertemu dengan pihak-pihak yang tertuduh dan dituduh maka mereka merasakan mereka telah dizalimi dan tidak adil. Dan saya ingin menyeru di dalam Dewan yang mulia ini sekiranya usaha ini dilakukan oleh pentadbiran yang lama maka Kerajaan Pakatan Rakyat hendaklah mengembalikan keadilan sekurang-kurangnya di segi prosesnya ini. Kerana contohnya satu ajaran yang dikatakan ajaran sesat, ajaran Haji Razali bin Haji Osman, tindakan untuk menyediakan laporan dan kebenaran mewartakan hanyalah didapati daripada dua orang pengikutnya yang telah melapur kepada BAHEIS dan JAIS. Tidak ada pendengaran yang lebih adil dan terbuka. Baru-baru ini saya mendapat rombongan daripada sekumpulan orang Islam yang membawa kes mereka di mahkamah atas kes tentang perobohan bangunan tempat mereka mengadakan ibadat suluk mereka. Di dalam pertemuan tersebut, mereka menjelaskan membawa walaupun tidak ada surat rasmi yang menyatakan bahawa mereka adalah tarekat Samaniah Ibrahim Bonjol tetapi akhbar, media dan tindakan-tindakan yang dilakukan oleh pihak Jabatan Agama Islam Selangor seolah-olah menggambarkan dan terus menekan mereka sebagai penganut Tarikat Samaniah Ibrahim Bonjol.

Pemimpin kumpulan tersebut adalah Haji Mahayudin bin Haji Shafie yang mengakui bahawa beliau beramal dengan Tarikat Samaniah dan bukan dengan Tarikat Samaniah Ibrahim Bonjol. Perkataan Ibrahim Bonjol diada-adakan menurut beliau. Dan inilah satu ketidakadilan kerana ciri-ciri kesalahan yang terkandung di dalam buku ini, 15 butiran ciri kesalahan, tidak pernah didakwa kepada mereka, tidak pernah dimuzakarahkan kepada mereka dan bahkan menurut mereka adalah sesuatu yang diada-adakan. Saya tidak ingin membuat sebarang rumusan di sini, tetapi permintaan saya selaras dengan semangat keadilan yang hendak di bawah oleh Kerajaan Pakatan Rakyat, kita beri keadilan. Sebarang pendakwaan hendaklah dilakukan

secara terbuka. Saya tahu kesan-kesan ini terhadap mereka yang sentiasa tertekan dengan tuduhan ajaran sesat iaitu terdedah dengan ancaman ISA. Jadi kita harap Insya-Allah dalam konteks ini Kerajaan Negeri memberi perlindungan dan meminta agar siasatan-siasatan yang adil dan terbuka. Mereka dipanggil dan ditanya satu persatu adakah mereka begini-begini dan sekiranya tidak maka hendaklah diberi pengadilan yang sebaiknya kepada mereka.

Sebagai Penutup Tuan Speaker saya ingin merumuskan ucapan saya ini dengan isu program pembasmian kemiskinan di Negeri Selangor di mana kita telah nyatakan garis kemiskinan telah dinaikkan daripada tujuh ratus empat puluh satu ringgit sebulan seisi keluarga kepada seribu lima ratus ringgit. Bagi saya dasar ini perlulah konsisten. Bantuan juga mestilah konsisten, ia mesti *cross the board* dengan izin. Contohnya kalau JKM memberi bantuan lapan puluh ringgit sebulan, hendaklah kita semak semula agar kadar bantuan RM80 sebulan itu setaraf dengan peningkatan garis kemiskinan daripada tujuh ratus empat puluh satu kepada satu ribu lima ratus. Demikian juga kalau bantuan bulanan lembaga zakat tiga ratus lima puluh bagi mereka yang layak, asnaf yang layak itu berdasarkan kepada garis kemiskinan tujuh ratus empat puluh satu hendaklah ditingkatkan dan ini melibatkan keadilan kepada semua pihak yang Islam dan Bukan Islam agar mereka dapat menikmati bantuan langsung daripada Kerajaan Negeri dan jabatan-jabatannya. Demikian juga bantuan bagi membina rumah daripada program Kerajaan prihatin yang dulunya dua puluh lima ribu ringgit bagi mereka yang ada tapak tanah kepada 28 telah ditingkatkan 28 hingga 30 ribu. Bagi saya dasar ini juga perlu disamakan dengan peningkatan garis kemiskinan kerana dua puluh lima ribu naik ke dua puluh lapan dia kalau dia kena pindah rumah, kena bayar sewa rumah, bayaran pelupusan, bayaran pembersihan kawasan dan sebagainya untuk membersihkan kawasan rumah seperti sebelum dibina itu akhirnya tinggal sepuluh, lima belas ribu. Di tempat saya sendiri rumah begini telah dibuat tetapi tidak ada longkang, tidak ada siling. Jadi maknanya kalau kita nak buat saya cadangkan kita buat dengan sebaik-baiknya agar keadilan yang kita janjikan pada rakyat akan dapat kita laksanakan. Demikian sekalian yang saya ingin sampaikan, saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Batang Kali

**YB TUAN MOHD. ISA BIN ABU KASIM:** Terima kasih Tuan Speaker. Terima kasih memberi saya ruang untuk berbahas dalam perbekalan tambahan 2009. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian saya tidak ada masalah untuk menyokong kelulusan seratus dua puluh juta sebagai bajet tambahan kepada bagi melancarkan lagi Kerajaan, Pengurusan Kerajaan hari ini, Cuma yang saya harapkan bajet tersebut dapat digunakan sebaik yang mungkin dan melihat juga di kawasan-kawasan wakil-wakil rakyat seperti saya ini terutamanya dalam kes menggantikan bumbung-bumbung yang dijanjikan oleh Pakatan Rakyat ketika pilihan raya dahulu sampai kini masih belum bertukar-tukar lagi, jangan sampai bertukar Kerajaan pula. Hadirin yang saya hormati sekalian rakyat adalah tumpuan utama untuk kita berikan perkhidmatan dia bukan setakat memberikan bantuan kebajikan tetapi juga harus dilihat dari segi pembangunan kemajuan dan kemakmuran yang merata mencakupi berbagai bidang seperti infra dan kemudahan awam pembangunan ekonomi, pendidikan, kesihatan, dan sebagainya supaya sampai kepada semua lapisan masyarakat. Rakyat didahulukan juga bermaksud kita Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Adun-adun dan Pegawai Kanan Kerajaan menumpukan perhatian kepada tugas-tugas untuk berkhidmat untuk rakyat. Saya percaya dan sanjung tinggi perkhidmatan para penjawat awam di Negeri Selangor yang saya kira komited, berkhidmat tidak kira kepada mana-mana kerajaan pun dengan penuh komited dan jujur walau bagaimanapun saya setuju dengan sahabat saya daripada Bukit Antarabangsa, saya sangsi sedikit dengan prestasi Ahli-ahli Mesyuarat Kerajaan kita dan ADUN-ADUN dari Pakatan Rakyat sendiri. Pertamanya saya lihat seolah-olah ADUN-ADUN Pakatan Rakyat tidak



layak dan tidak komited terhadap tugas mereka misalnya dilaporkan Yang Berhormat Pelabuan Kelang tidak hadir dalam majlis bersama DUN beliau sendiri yang ketika itu Yang Berhormat IJOK sendiri hadir dengan apatah lagi sehingga hari ketiga ini saya juga tidak nampak lagi Yang Berhormat ini. Jika ini benar-benar berlaku bagaimana Kerajaan Pakatan Rakyat hendak mendahulukan berkhidmat untuk rakyat, katanya kerajaan inilah yang hendak menjuarai rakyat "*ibarat ayam berkokok berdegar-degar tetapi buntut diselaputi najis*". Seterusnya saya mahu lihat Kerajaan Negeri benar-benar berfungsi dengan baik dan jangan asyik berpolitik saja. Jika asyik berpolitik bila hendak berfikir berkhidmat bekerja untuk rakyat. Saya harap sindrom dari Permatang Pauh hingga Penanti tidak berlaku di Negeri Selangor. Akibat pergolakan dapat parti percaturan politik atau mereka yang terpilih sememangnya tidak layak maka Yang Berhormat tertentu terpaksa meletakkan jawatan dan memberikan laluan kepada orang-orang tertentu. Akibatnya seluruh rakyat dalam kawasan tersebut turut terlibat untuk mengundi semula wang rakyat dibazirkan untuk belanja pilihan raya semula, dan pasukan keselamatan terpaksa memberikan tumpuan kepada perkara yang sepatutnya mereka elakkan. Kita Barisan Nasional berpegang teguh bahawa kekosongan kawasan pilihan raya hanya benar dan selaras dengan perlembagaan apabila berlaku kematian, bukan alasannya untuk sambung belajar ataupun menumpukan perhatian kepada keluarga lebih baik jangan bertanding pada peringkat awal lagi ini adalah budaya hipokrit dan culas terhadap amanah kepada rakyat. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian dalam konteks Kerajaan Negeri ini, selain daripada sesaran pelaburan yang misalnya harus mencecah sepuluh bilion setahun apakah bentuk-bentuk sasaran atau KPI-KPI lain yang telah ditetapkan. Misalnya kita pernah mendengar rintihan golongan belia, apakah KPInya dan bagaimana masa pengukurannya. begitu juga dengan Program Menangani Setinggalan, kilang haram, Kemiskinan Bandar, Pertanian, Pembangunan, Usahawan, Hak Pendidikan, Pemberian Kontrak, Mengimarahkan Masjid, Pelancongan dan sebagainya. Apakah KPI-KPI dan apakah pencapaian-pencapaiannya setakat ini. Saya mahukan angka-angka sasaran yang boleh diukur pencapaiannya bukan sekadar kata-kata retorik untuk menyedapkan telinga serta hati. Jika KPI-KPI ini masih tiada amatlah malang rakyat negeri ini diperintah oleh mereka yang lalai yang kononnya mendapat menjuarai hati rakyat tetapi pihak menyorokkan kepincangan pentadbiran dari mata rakyat. Tuan Speaker dan Ahli-ahli yang terhormat saya juga dimaklumkan penubuhan *Task-Force* tanah yang telah dilantik oleh Pakatan Rakyat, iaitu Syarikat *Transfecty International* yang kononnya bertujuan untuk menilai dan mengkaji kaedah tender terbuka mengenai urusan tanah di Selangor, saya juga mendapat tahu bahawa Pakatan Rakyat telah membayar sebanyak hampir empat ratus ribu kepada syarikat ini untuk tempoh tiga bulan jika benarlah tadbir urus baik *good governance* dengan izin menjadi teras dalam perkhidmatan Pakatan Rakyat nyatakan dalam dewan yang mulia ini. Siapa mereka ini dan kelayakannya dan relevannya penubuhan *Task Force* tanah ini. Perkara ini dilihat bercanggah dengan belanja berhemah yang diwar-warkan oleh Pakatan Rakyat bukankah lebih baik Pakatan Rakyat melantik lebih ramai kakitangan untuk menguruskan masalah tanah ini dan ini secara tidak langsung memberi ruang kerja kepada rakyat kita hari ini. Sehingga ini apakah pulangan yang diperoleh dengan adanya *Task Force* tanah ini berapakah belanja yang telah di peruntukan dan yang telah dinyatakan bidang tugas secara terperinci serta tempoh masa pelantikannya, berapa banyak kes tanah yang telah diselesaikan dan sejauh manakah keberkesanannya membantu perjalanan Pejabat Tanah dan Daerah di dalam negeri kita. Saya melihat ini satu pembaziran secara terang-terangan apatah lagi diwujudkan pula jawatankuasa pilihan khas mengenai Pejabat Daerah dan Tanah, PADAT. Berapa banyak lagi pihak jawatankuasa yang nak diwujudkan kita tidak mahu banyak jawatankuasa tetapi hasilnya tak ada. Kepada Yang Berhormat Gombak Setia apa sudah jadi dengan isu tanah perkuburan Islam seluas empat ekar di Kampung Kebun Bunga, Jalan Batu Tiga Shah Alam yang diarahkan untuk dijual kepada orang Cina disebabkan Dewan Orang Kaum Cina yang didirikan secara haram menumpang di atas tanah tersebut apakah rasionalnya keputusan ini? Tanah wakaf kerajaan untuk perkuburan Islam pun sanggup dijual selepas ini

kita tidak tahu apa lagi yang hendak dijual oleh Pakatan Rakyat. Saya nak Yang Berhormat Gombak Setia jawab, Bolehkah tanah wakaf dijual sewenang-wenangnya oleh Pakatan Rakyat. PAS di bawah Pakatan Rakyat cuba meraih simpati kaum Cina, benarlah *kata pepatah mereka ini menang sorak kampung, kampung tergadai* Tuan Speaker saya mohon penjelasan terhadap status kontrak pelupusan sampah oleh Alam Flora, Pakatan Rakyat juga ada menimbulkan isu mengenai bahawa wujudnya orang tengah dalam pemberian kontrak-kontrak kerja oleh Kerajaan sebelum ini dan ini dijadikan salah satu sebab kontrak tersebut ditamatkan. Apakah hasil penelitian dan kajian Jawatankuasa Audit Khas terhadap kontrak yang lepas, saya mohon dewan dimaklumkan perkara ini. Selaras dengan ini saya juga ingin mengetahui apakah prosedur dan tatacara yang diguna pakai untuk memilih kontraktor secara telus dan terbuka. Berapa ramai kontraktor baru yang dilantik, Siapakah yang terlibat dalam bertanggungjawab memilih kontraktor terbabit, Adakah ahli-ahli PBT atau siapa sedangkan umum mengetahui bahawa Ahli Majlis yang ada telah tamat tempoh dan pelantikan akan dibuat pada bulan yang saya tak pasti bila kerana saya kira wujudnya perasaan tak puas hati terhadap Ahli Majlis sebelum ini, jika Pakatan Rakyat asyik berfikir nak melantik dan menggugurkan Ahli Majlis sampai bila kerja PBT tak selesai, apa pula relevannya perwujudan Jawatankuasa Pilihan Khas, Jawatankuasa Pilihan Khas mengenai Pihak Berkuasa Tempatan semata-mata untuk memastikan dan memantau kerja yang saya kira boleh dilaksanakan oleh Ahli-ahli Majlis, dan saya juga ingin mengingatkan kepada EXCO yang terlibat dengan pelantikan Ahli-ahli Majlis janganlah mendengar satu pihak sahaja lihatlah bagaimana pelantikan Ahli Majlis Daerah Hulu Selangor seorang yang ada dalam siasatan polis, seorang Ketua Bahagian PKR yang cuba mencabul keraninya, itu hari saya bercakap Speaker kata saya berniat jahat tujuan saya, saya nak menyedarkan pihak PBT agar memilih Ahli-ahli Majlis yang benar-benar telus yang boleh menyelesaikan masalah rakyat. Saya berharap pelantikan Ahli Majlis di Daerah Hulu Selangor ini diberhentikan atau ditamatkan sementara sehingga kes polisnya selesai termasuk juga EXCO PBT yang sekarang ada laporan polis saya harap dapat digantung kerja dahulu

**YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD:** Minta laluan

**YB TUAN MOHD. ISA BIN ABU KASIM:** Supaya dapat kita .....

**TUAN SPEAKER:** Batang Kali Seri Setia minta laluan

**YB TUAN MOHD. ISA BIN ABU KASIM:** Siapa dia?

**TUAN SPEAKER:** Seri Setia....sila

**YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD:** Saya ingin bertanya kalau kita nak gantung seseorang itu di atas dasar laporan polis, kalau macam tu saya rasa mungkin sampai ke Menteri-menteri pun ramai yang tidak dapat memegang jawatan saya minta ulasan daripada Batang Kali.

**YB TUAN MOHD. ISA BIN ABU KASIM:** Itu terpulang kepada Pakatan Rakyat. Saya cuma mengadu dan saya juga berharap, berharap seorang Ahli Majlis saya yang menjalankan tugas dengan baik dan mendapat markah yang tinggi oleh jawatankuasa, daripada PBT tetapi tidak dicalonkan semula sebagai Ahli Majlis hanya kerana mereka akan bertanding di peringkat bahagian pada bulan Ogos atau September akan datang. Akhirnya, Speaker saya juga nak mencadangkan jika benarlah Pakatan Rakyat hendak berlaku adil dan tadbir urus baik dalam PBT adalah baik juga diwujudkan jawatan Ahli Majlis bukan saja daripada kalangan DAP, PAS, KEADILAN, NGO, tetapi kalau boleh daripada orang seperti saya. Untuk membantu majlis, saya juga nak tahu sehingga hari ini, berapakah nilai kutipan dan pendapatan yang telah dibuat

oleh PBT, apakah yang telah berlaku dengan program-program teras PBT sebelum ini seperti *Program Back To Basic, One Stop Centre, Bandar Selamat, Mesra Rakyat, Bandar Bebas Halangan dan Agenda 21* sebagai contoh mengapa berlakunya peningkatan kes denggi yang tinggi di Selangor iaitu dua belas ribu lima ratus enam puluh dua kes dengan empat puluh lima kes kematian, mana EXCONya dah hilang, sembahyang Jumaat ke? Empat puluh lima kes kematian hanya dalam tempoh enam bulan tahun ini, Daerah Petaling pula mencatatkan jumlah tertinggi tiga ribu lapan ratus lapan puluh dua kes, nampaknya Shah Alam dan Petaling Jaya yang telah diisytiharkan sebagai Bandaraya selamat sudah tidak selamat lagi pakatan rakyat memerintah di dalam Negeri ini. Apakah tindakan Pakatan Rakyat untuk menangani masalah ini? Takkan lah asyik nak sembur sana nak sembur sin, denda sana denda sini, tapi kes terus meningkat jangan asyik sibuk nak tentukan siapakah Ahli Majlis tetapi kesihatan penduduk hendaklah diberikan keutamaan. Sekian terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Ha... Sijangkang

**YB TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Terima kasih Tuan Speaker, kerana memberi peluang kepada saya untuk menyokong usul bajet tambahan peruntukan pembangunan bagi tahun 2009 kerana saya lihat ada beberapa aspek saya lihat cukup munasabah untuk disokong di sini. Secara umumnya kita melihat walaupun pembangunan agak kurang memberangsangkan yang mana salah satu punya yang nyata adalah disebabkan oleh kegawatan ekonomi yang berlaku secara menyeluruh di dunia ini tetapi di Negeri Selangor antara lainnya adalah peruntukkan-peruntukkan yang saya lihat daripada Kerajaan Pusat seperti mana sebelum ini telah ditarik balik disebabkan oleh faktor perbezaan ideologi politik dan juga kuasa pentadbiran yang berbeza. Apa yang saya nyatakan di sini adalah masalah yang dihadapi apabila Pakatan Rakyat memerintah Negeri Selangor tidak dinafikan ada beberapa program kerajaan Negeri dalam masyarakatkan ekonomi Negeri Selangor yang mana mendapat sambutan yang menyeluruh oleh rakyat walau pun ada segelintir pihak pembangkang yang memainkan isu-isu yang kononnya Pakatan Rakyat tidak menunaikan janji-janji manifesto pilihan raya dan Program Mesra Rakyat yang dilihat tidak nampak keberkesannya apatah lagi dengan suara daripada ketua pembangkang baru-baru ini keluar dalam Akhbar Sinar yang kononnya pemberian dua puluh meter padu pertama percuma air itu bukan percuma bahkan telah menggunakan wang KDEB sejumlah lebih kurang dua ratus juta setahun dan saya tidak menafikan bahawa sumbernya adalah daripada KDEB yang mana telah yang disuarakan oleh Sungai Panjang menyebabkan pembangunan industri kecil dan sederhana tidak berkembang.

Seolah-olah peruntukan industri kecil dan sederhana ini sumbernya dari itu sahaja, saya mengharapkan supaya kita semua apatah lagi Sungai Panjang bersikap lebih positif apabila melihat bahawa pemberian air percuma ini kepada rakyat adalah satu, salah satu daripada tanggungjawab dan juga keprihatinan kerajaan dalam memberikan perkhidmatan dan kebajikan kepada rakyat ataupun masyarakat, Cuma bezanya dulu tidak dilakukan sepatutnya kita perlu bersama-sama memberi penerangan kepada rakyat agar rakyat merasa perlunya mereka mensyukuri dan menghargai nikmat yang mereka terima pada masa ini. Di zaman Saidina Umar bagaimana mereka membina jalan-jalan yang baik untuk kegunaan kambing-kambing yang akan pulang di waktu petang kerana Saidina Umar kuatir akan dipertanggungjawabkan, di akhirat sekiranya kambing yang jatuh terluka disebabkan di laluan yang tidak sempurna dan ini adalah kebajikan yang ditunjukkan oleh Saidina Umar terhadap binatang inikan pula kebajikan oleh pemerintah pada hari ini Pakatan Rakyat kepada rakyat sudah semestinya ganjarannya adalah sangat besar sebab itu Kerajaan Negeri Selangor menekankan konsep Kerajaan Lestari satu pentadbiran menekankan hubungan manusia dengan tuhan, manusia dengan alam sekitar dan juga manusia dengan manusia, jadi saya kira Barisan Nasional dan Sungai Panjang

seharusnya banyak-banyak bersyukur kerana ketika mereka memerintah Negeri Selangor ini dalam keadaan ekonomi yang sangat baik dan saya ini menjadi satu ujian kepada Pakatan Rakyat supaya kita terus menggandakan usaha kita dan terus meyakinkan terhadap Allah SWT kepada kemenangan kita, memerintah Negeri Selangor adalah satu takdir untuk mengajar kebucuran UMNO dan Barisan Nasional, sedia maklum Kementerian Luar Bandar dan Wilayah tidak lagi menyalurkan peruntukan ataupun dari Pusat tidak menyalurkan peruntukkan kepada Pejabat Daerah dan Tanah bagi pembangunan rakyat tempatan akibatnya pembangunan luar bandar tidak dapat diselenggarakan dengan baik, Pegawai Daerah dan Penolong Pegawai Daerah Pembangunan menjadi sasaran menjadi mangsa kepada rakyat apabila penyelenggaraan dan baik pulih jalan-jalan kampung, Dewan Balai Raya yang tidak dapat di selenggara dengan baik. Adun-adun juga menjadi buruan-buruan kepada rakyat apabila mereka menyuarakan tentang jalan-jalan yang rosak dan sebagainya tidak dapat dibaikpulih kerana alasannya peruntukannya tidak ada, walhal kita tahu Negeri Selangor adalah pembayar dua puluh empat peratus daripada keseluruhan cukai-cukai yang dikutip oleh Kerajaan Pusat yang bernilai lebih daripada seratus enam puluh bilion dalam sidang yang lalu Pakatan Rakyat persoalkan jabatan pembangunan Negeri digunakan oleh Barisan Nasional dengan peruntukkan pusat untuk tujuan politik mengalahkan Pakatan Rakyat dan merampas kembali Negeri Selangor dalam pilihan raya umum yang akan datang. Dan bukan tujuan untuk pembangunan ini sesuatu yang keterlaluan. Apa yang saya difahamkan kerajaan pusat bagi peruntukan ini pada pihak yang tidak diketahui mungkin wakil-wakil BN di bahagian ataupun ketua-ketua bahagian di bahagian-bahagian di Negeri Selangor ini. Kita persoalkan siapa yang bertanggungjawab dan memantau dan mengaudit peruntukan ini. Adakah kita yakin dengan kerajaan Barisan Nasional yang memang korup untuk dipantau sendiri. Di Kuala Langat saya tidak nampak banyak kemudahan rakyat dilakukan yang ditekankan oleh penyelarass pembangunan parlimen Kuala Langat adalah pembinaan enam buah gelanggang serba guna yang saya kira kelihatannya seolah-olah gelanggang futsal di lokasi-lokasi sekolah di mana Sekolah Kebangsaan Tanjung Sijangkang, Sekolah Kebun Baru, Sekolah Kebangsaan Jenjarom, Sekolah Sri Langat dan Sekolah Kebangsaan Bandar Banting yang di dakwa mendapat kerjasama daripada Kementerian Belia dan Sukan dan Kementerian Pendidikan. Perbelanjaannya dianggarkan RM150,000.00 sebuah. Saya kira ini adalah satu perbelanjaan yang tidak munasabah. Saudara-saudara boleh lihat dalam akhbar-akhbar Sinar Harian yang lepas bagaimana keadaan gelanggang tersebut. Gelanggang futsal rakyat yang disediakan yang dilaporkan menelan belanja RM40,000.00 sebuah yang tidak mengikut spesifikasi terabai dan rosak yang kita pernah bincangkan sebelum ini sepatutnya wang itu boleh digunakan untuk membaik pulih dan menaik taraf gelanggang yang sedia ada untuk kegunaan rakyat kalau mereka benar-benar ikhlas. Sijangkang menyokong penambahan Peruntukan Pembangunan 2009 apatah lagi dalam program-program yang selama ini tidak dihiraukan oleh Barisan Nasional malah usaha-usaha murni rakyat cuba dipatahkan. Dalam bidang pendidikan tambahan peruntukan sekolah-sekolah Agama, Cina dan Tamil, tambahan peruntukan Sekolah Agama Rakyat dan tambahan peruntukan sekolah cina persendirian sejumlah RM6,772,000.00 saya harap kalau tahun hadapan kita mempunyai kewangan yang meyakinkan ia akan ditambah lagi. Kerajaan Negeri dalam Sinar Harian 28 Jun 2009 Menteri Besar menyatakan telah menyalurkan sebanyak RM16,000,000.00 bagi sekolah-sekolah melengkapkan kemudahan dan memberi suasana belajar yang selesa kepada anak-anak. RM6,000,000.00 adalah untuk Sekolah Agama Rakyat tapi semalam Sungai Panjang menyatakan RM4,000,000.00 untuk Sekolah Agama Rakyat. Saya tidak tahu mungkin itu sebagai satu andaian atau fakta yang mungkin berbeza daripada yang saya dapat pada hari ini. RM4,000,000.00 Sekolah Jenis Kebangsaan Cina, RM2,000,000.00 untuk Sekolah Persendirian Cina dan RM4,000,000.00 untuk Sekolah Tamil. Kalau dulu bantuan per kapita kepada sekolah-sekolah agama rakyat di tarik balik kononnya melahirkan ahli-ahli pembangkang ataupun ahli-ahli PAS, Alhamdulillah hari ini saya rasa pengusaha-pengusaha

atau ahli Lembaga Pengarah sekolah tersebut sekurang-kurangnya mereka boleh menarik nafas lega dengan adanya bantuan Kerajaan Pakatan Rakyat. Kemudahan-kemudahan asas mereka dapat pertingkatkan. Rata-rata kita lihat Sekolah Agama Rakyat begitu daif. Saya juga menyokong sekiranya terdapat usaha-usaha mempertingkatkan dan untuk memperkasakan sekolah-sekolah rendah agama dan sekolah-sekolah yang saya masih lihat lagi kemudahan-kemudahan asasnya terabai. Di sinilah saya lihat peranan JAIS perlu diperhebatkan. Alhamdulillah baru-baru ini Pengarah JAIS, Dato' Mohd. Khusrin Nawawi dalam Sinar Harian 23 Jun mengatakan Sekolah Tahfiz Moden yang dianggarkan perbelanjaannya RM17,000,000.00 akan dibina pada tahun hadapan. Sijangkang amat mengalu-alukan dengan besar harapan kami sekiranya ianya dapat dibina di daerah Kuala Langat. Kuala Langat yang selalu dibanding-bandingkan dengan daerah-daerah lain yang masih lagi jauh tertinggal daripada keputusan peperiksaannya termasuklah PMR, SPM dan juga STPM. Saya bukan nak mengatakan Kuala Langat tidak ramai bijak pandai tetapi sehingga ini Kuala Langat masih belum ada sekolah berasrama penuh walaupun sudah 50 tahun kita merdeka. Ini kerajaan pusat kena lihat. Sebenarnya saya nak Tanya kepada wakil-wakil rakyat yang dulu Barisan Nasional pegang selama 50 tahun pucuk pimpinan di Kuala Langat apakah yang mereka perjuangkan. Sekolah Menengah Agama hanya 3 buah. Tahun lepas permintaan seramai 3000 pelajar untuk memasuki sekolah menengah agama tetapi kita hanya mampu menyediakan peluang kepada 300 pelajar sahaja. Sebab itu ada ibu bapa yang merasa kalau begitu keadaannya lebih baik tidak perlu hantar anak ke sekolah agama. Saya juga mengharapkan Sekolah Tahfiz Maahad Istana Bandar Jugra akan diperkasakan kerana tahun ini pelajaranya berada di tingkatan dua tahun depan tingkatan tiga. Keperluan makmal dan lainnya amat mendesak. Apatah lagi dengan penambahan kemasukan pelajar tingkatan satu di tahun hadapan. Begitu juga saya mengharapkan Sekolah Agama Menengah Tengku Ampuan Jemaah, Sungai Manggis yang masih mempunyai tanah rizab yang luas perlu ditambah bangunannya kerana saya mendapat makluman bahawa bilangan pelajaranya yang besar di dalam kelas kerana tidak cukup bilik darjah. Dan tidak ada kelas yang sempurna untuk pelajar tingkatan enam. Sijangkang juga mengharapkan kalau sekolah agama teknik atau vokasional yang pernah disebutkan oleh YAB Menteri Besar....

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat, Morib minta penjelasan.

**YB TUAN HASIMAN BIN SIDOM:** Minta penjelasan Sekolah Agama Menengah Tengku Ampuan Rahimah (SAMTAR) bukan. Sekolah Agama Menengah Tengku Ampuan Jemaah. Ini bermakna YB belum pernah sampai kat situ tu.

**YB TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Terima kasih di atas teguran itu. Tersalah sebut Tuan Speaker. Saya dah ada beberapa program sampai kesitu walaupun kita mendapat beberapa kekangan kononnya wakil-wakil rakyat ini tidak dibenarkan tapi Alhamdulillah dengan sedikit perbincangan kita dapat masuk dan bukan tujuan politik tapi tujuan kebaikan untuk anak-anak kita. Terima kasih sekali lagi kita ucapkan kepada Morib kerana begitu prihatin dan peka. Sijangkang juga mengharapkan projek-projek kerajaan negeri perlu dilakukan dengan serius. JKR perlu memainkan peranan penting dan tidak ada *double standard* itu yang saya harapkan terhadap projek-projek kerajaan negeri dan juga projek kerajaan pusat. Sebagai contoh saya lihat projek jambatan dari Kampung Sawah ke Teluk Panglima Garang yang sudah tamat tempohnya bertukar kontraktor masih lagi belum menampakkan kesungguhan pembinaannya. Walau apa pun alasan dan kekangannya, kerangka tiang yang dikatankan selalu dilanggar oleh tongkang-tongkang yang membawa besi buruk ataupun pasir saya lihat sekarang ini pun tidak pernah nampak tongkang yang membawa besi buruk tersebut. Sudah tentu ini menambahkan kos pembinaan apabila berlaku kelewatan, perubahan reka bentuk, pertukaran kontraktor. Ini melibatkan dan pembaziran duit rakyat. Kalau saya bandingkan

dengan jambatan di Banting yang menghubungkan Teluk Datuk dan Pekan Banting yang mana jambatan itu di bina dalam keadaan jambatan baru tidak sampai seabad pun di bina jambatan baru dengan alasan kemudahan tongkang-tongkang membawa besi buruk ke Mega Steel tapi sehingga hari ini saya belum nampak tongkang secara rasmi membawa besi-besi buruk tersebut. Dan kalau saya kira dalam perancangan atau pembinaan pembangunan di kawasan Jugra dan kawasan Permatang Pasir dan beberapa kawasan di sekitar situ, beberapa Institut Pengajian Tinggi yang sedang dibina saya melihat bahawa keperluan untuk mempercepatkan lagi jambatan yang menghubungkan Kampung Sawah dan Teluk Panglima Garang kerana keperluannya sangat besar apabila pembangunannya akan beroperasi kemudian. Saya juga suka ingin menyentuh tentang *Sanitary Landfill* di Tanjung Dua belas Kuala Langat. Sijangkang mengambil berat tentang perkembangan pembinaan projek ini. Tapak pelupusan sampah Sungai Sudu telah menimbulkan permasalahan selain pencemaran bau. Yang menjadi tanda tanya kepada masyarakat Kuala Langat bila ianya akan berakhir. Secara umumnya tapak itu sudah hampir tidak dapat menampung lagi sampah-sampah daripada luar mahupun tempatan. Dianggarkan penghujung tahun ini sepatutnya terpaksa ditutup saya lihat pembinaan jalan masuk ke *Sanitary Landfill* itu hanya 20% pembinaan. Rakyat di Kuala Langat berharap ianya akan selesai mengikut tarikh yang akan ditetapkan agar tapak pelupusan Sungai Sudu akan ditutup pada penghujung tahun ini menjadi kenyataan. Di sini Sijangkang ingin menegur Sungai Panjang kenyataan berhubung isu rumah Sungai Panjang yang menyatakan kalau benar harga rumah baru beliau betul beliau sanggup memberi 50% kalau laku dijual kepada Sekinchan dan tidak perlu menjadi ADUN lagi.

Dua hari lepas Dato' Menteri Besar menerangkan definisi demokrasi dengan panjang lebar kita dipilih oleh rakyat dan seharusnya memberi khidmat untuk rakyat. Saya khuatir persepsi masyarakat melihat bahawa wakil rakyat beria-ia mahu jadi wakil rakyat adalah untuk menjadi kaya dan bukan untuk memberi perkhidmatan yang terbaik untuk rakyat yang memilih. Mungkin itu betul pada wakil rakyat UMNO dan Barisan Nasional tetapi bukan Pakatan Rakyat. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian agar kerajaan negeri mencari alternatif agar sejumlah peruntukan akan di peruntukan terutamanya projek luar Bandar yang sekurang-kurangnya bagi tujuan penyelenggaraan dan baik pulih jalan kampung, dewan dan balai raya-balai raya. Seperti mana yang dicadangkan oleh YB Hulu Kelang tadi saya sangat menyokong supaya ada satu bentuk peruntukan supaya kita dapat menyelesaikan masalah-masalah yang kita hadapi masa ini. Saya juga ingin mencadangkan agar kerajaan negeri perlu ada kuasa untuk memantau perbelanjaan pembangunan luar bandar, peruntukan kewangan kerajaan pusat atau sekurang-kurangnya ada laporan perbelanjaan akhir tahun kepada kerajaan negeri. Saya juga mencadangkan sudah tiba masanya untuk kita memikirkan kembali bagaimana caranya untuk kerajaan negeri dapat memanfaatkan hasil cukai yang rakyat negeri Selangor bayar itu dapat kerajaan negeri uruskan sendiri agar dapat memberi manfaat kepada pembayar cukai rakyat negeri Selangor. Di sini saya juga mencadangkan agar di setiap daerah diwujudkan satu jawatankuasa yang benar-benar dipertanggungjawabkan dalam pembangunan daerah supaya pembangunan yang lebih terancang, lestari dan perbelanjaan yang lebih berhemah dapat dilaksanakan.

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat, masa sudah menunjukkan 12.00 tengah hari. Boleh sambung petang?

**YB TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI :** Sikit lagi. Dalam tiga minit begitu.

**TUAN SPEAKER:** Kita sambung petang la ya. Sambung petang. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian suka saya ingatkan bahawa perbahasan atas Enakmen Rang Undang-Undang Enakmen Pembekalan Tambahan 2009 ini akan tamat pada pukul 3 petang. Selepas itu pihak

kerajaan akan menggulung. Dengan ini saya menangguhkan Dewan hingga 2.30 petang.  
Dewan ditangguhkan.

**( Dewan ditangguhkan pada jam 12.00 tengah hari )**

( Dewan disambung semula pada jam 2.30 petang )

( Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat )

**TUAN SPEAKER** : Dewan disambung semula. Ah ya Sijangkang.

**YB TUAN AHMAD YUNUS BIN HAIRI** : Terima kasih Tuan Speaker, saya akan cuba pendekkan dan menyampaikan hajat sahabat-sahabat daripada BBC agar dapat dipertimbangkan untuk menambahkan masa perbahasan kerana ramai yang nak membahaskan. Yang Berhormat Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat saya ingin menyentuh

**TUAN SPEAKER**: Ya.

**YB TUAN NG SUEE LIM**: Tuan Speaker Peraturan Tetap 87.nak minta petua daripada Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER**: Ya.

**YB TUAN NG SUEE LIM**: Sebab tadi

**TUAN SPEAKER**: Duduk

**YB TUAN NG SUEE LIM**: Tengah hari tadi

**TUAN SPEAKER**: Ya Sijangkang sila duduk kejap.

**YB TUAN NG SUEE LIM**: Peraturan Tetap 87 tadi tengah hari tadi saya didatangi oleh wakil peguam daripada Sungai Panjang untuk menyerahkan ah kononnya surat saman kepada saya dan oleh kerana memandangkan kawasan di sini adalah perkarangan dewan jadi saya eh tak e....h nak minta petua pandangan daripada Tuan Speaker. Adakah ia menghina e.....h dewan kerana saya sebagai ahli dewan sedang menjalankan tugas sebagai ahli dewan. Sekian terima kasih.

**TUAN SPEAKER**: Eh *right* disebabkan Sungai Pinang tidak ada. Sungai Panjang ah. Sungai Panjang sebab dia tak ada saya rasa saya tunggu bila Sungai Panjang ada untuk memastikan sama ada dakwaan Yang Berhormat itu benar ke tidak. Saya nak pastikan sebelum saya membuat apa-apa perintah. Baik dipersilakan Sijangkang.

**YB TUAN AHMAD YUNUS BIN HAIRI**: Sijangkang ingin menyentuh keadaan dengan kemudahan awam yang ada yang terlalu asas yang mana sepatutnya Kerajaan Negeri Selangor mengambil berat walaupun kita tahu bahawa ini adalah tanggungjawab daripada Kerajaan Persekutuan. Memandangkan dalam keadaan kegawatan ekonomi pada hari ini bukannya mudah untuk kita menarik pelabur dan Kuala Langat adalah salah satu daerah yang berjaya menarik pelabur yang tertinggi pada tahun pada tahun lepas dan saya melihat bahawa keadaan balai bomba dan penyelamat di daerah Kuala Langat yang terlalu daif kalau dibandingkan dengan daerah-daerah orang lain terutamanya kalau kita lihat di Sekinchan, kita lihat di Sungai Besar, kita lihat di Sabak Bernam yang rasanya kalau daripada segi



keperluannya perlu tetapi saya rasa Kuala Langat terutamanya di Teluk Panglima Garang memerlukan satu keadaan balai bomba yang cukup canggih kerana kita ada banyak pelabur-pelabur besar di sana, dan kebetulannya pada akhir-akhir ini juga banyak juga berlaku kebakaran. Pada bulan lepas sahaja saya lihat ada 4 rumah sekurang-kurangnya telah terbakar di daerah Kuala Langat dan sebelum itu ada sebuah kilang perabot yang terbakar yang akhirnya walaupun kita tidak ah mungkin tidak dapat selamatkan seratus peratus tetapi yang berlaku memang tidak dapat diselamatkan langsung.

Jadi perkara yang kedua berkaitan dengan pusat kesihatan yakni dispensari Sijangkang yang dahulunya dikenali sebegitu yang mana telah melanggar telah melampaui dua pilihan raya. Pusat kesihatan itu sekarang menggunakan kemudahan balai raya kampung untuk memberikan kemudahan awam ataupun kemudahan kesihatan kepada rakyat di Sijangkang. Jadi saya harapkanlah sekurang-kurangnya kerajaan negeri juga akan mengambil berat walaupun ini adalah tanggungjawab daripada kerajaan pusat. Untuk akhirnya saya mencadangkan kepada kerajaan negeri supaya di setiap daerah akan diadakan satu jawatankuasa khusus yang akan memikir tugasnya memikir dan merancang dan akhirnya melaksana, memantau dan mungkin mengkaji semula setiap program-program pembangunan yang terlibat di daerah-daerah kerana saya melihat ah hari ini walaupun kita ada Jawatankuasa Pembangunan Daerah ah kalau saya dahulunya terlibat sebagai wakil daripada kesihatan dari di Lundu, Sarawak kemudian balik ke Selangor di Sabak Bernam, Selangor dan akhirnya sekarang menjadi Wakil Rakyat saya lihat Jawatankuasa Pembangunan Daerah ini seolah-olah tidak diberi kuasa ataupun tidak menggunakan kuasanya sebagai satu badan yang agak ah yang agak tertinggi di peringkat daerah untuk menjalankan ataupun untuk memikirkan ataupun merancang projek-projek pembangunan yang utama di daerah-daerah tersebut. Jadi saya harapkan kemungkinan antaranya ADUN-ADUN akan dilibatkan secara khusus kemudian pegawai daerah, kemudian YDP, kemudian jurutera daerah yang mana perkara-perkara pembangunan mungkin dapat difikirkan bersama-sama akhirnya pembangunan yang mampan yang dapat kita laksanakan dapat di setiap daerah itu dapat dilaksanakan dengan baik. Saya rasa cukup sekadar ini untuk memberi peluang sahabat-sahabat yang lain untuk juga turut untuk berbahas. Sekian. Terima kasih.

**YB PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN:** Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Sebelum ini sila duduk dulu. Di atas permintaan ramai, saya akan lanjutkan setengah jam lagi bererti perbahasan akan berakhir pada 3.30 dengan syarat selepas setiap hari Yang Berhormat hanya dibenarkan 10 minit. Baik dipersilakan.

**YB PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN:** Tuan Speaker

**TUAN SPEAKER:** Kajang.

**YB TUAN LEE KIM SIN:** Terima kasih Tuan Speaker. Kajang ingin mengambil peluang ini untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Enakmen Pembekalan tambahan bagi 2009. Kajang mengucapkan syabas dan tahniah kepada Kerajaan Negeri Selangor yang telah mengambil tindakan yang tepat dalam pemberian sumbangan kepada Sekolah-sekolah Agama Rakyat, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina, Tamil dan juga sekolah-sekolah swasta ah sekolah menengah Cina. Walaupun sekolah-sekolah yang disebut tadi seharusnya mendapat peruntukan yang mencukupi daripada Kerajaan Persekutuan. Akan tetapi pihak Persekutuan pula pada hakikatnya sekolah-sekolah ini telah dianaktirikan akibat daripada dasar Kerajaan Barisan Nasional yang tidak adi. Bantuan yang disalurkan itu telah yang

salurkan daripada Kerajaan Negeri telah memanfaatkan sekolah-sekolah tersebut dan mendapat sanjungan tinggi daripada pelbagai lapisan masyarakat .

Tuan Speaker,

Kajang menyambut baik usaha kerajaan negeri, akan tetapi kita telah terlepas pandang kita terlepas pandang seorang lagi anak tiri yang memang lama terbiar iaitu kelas-kelas ataupun sekolah bahasa Punjabi yang tidak formal yang dikendalikan oleh masyarakat Punjabi sendiri di guara-guara masing-masing. Kajang mendapati masyarakat Punjabi ini mengadakan kelas-kelas tersebut di stor-stor, kontena ataupun bangunan yang serba kekurangan dari segi, dari segi kelengkapan. Memandangkan bahasa Punjabi merupakan salah satu mata pelajaran yang boleh diambil peperiksaan dalam PMR dan juga SPM dan juga ia merupakan budaya dan warisan masyarakat Punjabi khasnya dan pada negara kita secara am. Maka Kajang mencadangkan kerajaan negeri memperuntukkan sumbangan juga kepada sekolah-sekolah dan kelas-kelas Punjabi ini dan mencadangkan kerajaan mencadangkan sejumlah 500 ribu untuk kelas-kelas atau sekolah-sekolah Punjabi ini di seluruh Selangor menunjukkan bahawa kerajaan negeri memberi penghargaan dan juga penghayatan terhadap usaha masyarakat Punjabi ini.

Tuan Speaker,

Kajang menyambut baik juga cadangan Bukit Antarabangsa semalam di dewan yang mula ini iaitu peruntukan MARRIS untuk PBT-PBT diagihkan mengikut keperluan dan kemampuan PBT. Kita mendapati PBT-PBT seperti Majlis Daerah Sabak Bernam ini khasnya, Majlis Daerah Kuala Langat dan juga yang lain yang memang kekurangan dari segi kemampuan dan memerlukan bantuan daripada kerajaan negeri. Apa lagi kalau cukai yang dibayar kepada kerajaan oleh penduduk-penduduk di dalam Negeri Selangor ini dibayar kepada Kerajaan Persekutuan tidak dikembalikan kepada rakyat melalui kerajaan negeri. Kita kluatir dan sememangnya tiada keyakinan wang yang disalurkan oleh kerajaan Persekutuan melalui ICU iaitu di Kementerian Perdana Menteri, Majlis dan juga Majlis Tindakan Negeri di bawah Barisan Nasional tidak sampai kepada rakyat.

Yang Berhormat-Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan yang bersama di dewan yang mulia ini pengalaman kita yang lepas pada zaman ketika kerajaan Barisan Nasional memerintahkan Negeri Selangor memang nyata menunjukkan kebocoran yang nyata dan memang besar dalam penyampaiannya. Contohnya di Majlis Daerah Sabak Bernam di mana kita dapati adanya projek gajah putih seperti *Marine Park* yang menelan belanja sebanyak 29.98 juta ringgit dan ini bukan kiraan asal. Kos asal ialah 10 juta sahaja. Tapi peningkatan hampir tiga kali ganda ini sememangnya tidak sesuai. Projek ini memang tak sesuai dan amat merugikan. Projek sebegini bukan sahaja tidak menguntungkan Majlis Daerah Sabak Bernam malah menjadi tanggungan bagi PBT tersebut.

Untuk makluman dewan yang mulia ini Sungai Panjang Ahli Dewan Undangan waktu itu dan beliau bawah pejabat ADUN di situ telah menubuhkan satu Jawatankuasa Pembangunan ADUN Sungai Panjang untuk mengendali dan menguruskan projek *Marine Park* ini. Jawatankuasa Kira-kira Awam telah menyiasat dan mendapati ujudnya penyelewengan dan percanggahan dari segi urus tadbir dan juga *accountability* walaupun BPR ketika itu telah menyiasat dan telah mendapati mendapatkan dokumen-dokumen berkaitan untuk menyiasat tetapi walaupun Jawatankuasa Kira-kira Awam telah ah ni menyusuli kes ini tapi PBR memberitahu bahawa kes ini masih dalam siasatan sehingga hari ini tiada tindakan diambil.

Jadi kita nampak dalam kes seperti ini *Marine Park* yang menelan belanja hampir 30 juta ringgit digunakan dan sehingga sekarang wang penyelenggaraan

**TUAN SPEAKER:** Dua minit lagi.

**YB TUAN LEE KIM SIN:** Dan sebagainya

**TUAN SPEAKER:** Dua minit.

**YB TUAN LEE KIM SIN:** Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Dua minit

**YB TUAN LEE KIM SIN:** Dua minit lagi.

**YB TUAN LEE KIM SIN :** Ok. Jadi masalah ini kita nampak ia membebankan PBT tersebut. Tuan Speaker kes Majlis Daerah Sabak Bernam menunjukkan dengan izin *of iceberg* dalam amalan kerajaan Barisan Nasional yang lepas. Kerajaan ingin membawa kes lagi di mana masyarakat orang asli yang diaibkan. Ini juga terbawa dalam laporan ah Jawatankuasa Kira-kira Awam di mana kampung orang asli di Bukit Cherakah telah bawah satu projek penswastaaan penempatan orang asli dan sehingga hari ini walaupun projek ini seharusnya tamat ye tamat pada 2007 dan dilanjutkan hingga 2008 Disember, tapi sehingga hari ini orang asli masih tak ditempatkan ke mana-mana masih terpaksa masuk ke dalam Hutan Bukit Cherakah untuk berkampung di situ. Jadi penyelewengan ini dan juga kes pengaiban Orang Asli berlaku bukan sahaja di Bukit Cherakah terdapat juga Bukit Kampung Busut Baru di Kuala Langat dan juga di tempat-tempat lain. Dan Kajang ingin mengambil kesempatan ini untuk mencadangkan Kerajaan Negeri mempertimbangkan penempatan orang asli bukan sahaja penempatan untuk membeli rumah kediaman dan begitu tunai untuk pampasan. Tetapi lebih pada memberikan tanah yang cukup seperti skim FELDA untuk orang asli terus menyara hidup dan bercucuk tanam di situ dengan memelihara budaya hidup mereka. Jadi inilah cadangan daripada Kajang yang kita berharap dipertimbangkan. Sekian sahaja terima kasih dan Kajang menyokong rang undang-undang dengan memberi pertimbangan yang disebutkan. Sekian terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Kota Damansara.

**YB TUAN DR. MOHD. NASIR BIN HASHIM:** Tuan Speaker, Kota Damansara menyokong usul peruntukan tambahan 2009 berjumlah 120 juta dengan harapan ini dapat melicinkan lagi proses pembangunan untuk 2009. Tuan Speaker, krisis ekonomi masih berpanjangan. Walau bagaimanapun kita harus mengadakan program-program pembangunan agar kita dapat membantu rakyat yang terpinggir dari krisis ini. Juga kita diberi peluang untuk memikirkan peranan kita, sumbangan kita mengadakan program-program warga usia emas, TAWAS, ibu tunggal dan seterusnya untuk meringankan lagi bebanan rakyat di Selangor dan juga ada soalan-soalan tertentu yang kita ingin bertanya adakah kita telah menunaikan janji-janji pilihan raya kita, kalau tidak apa yang kita lakukan adakah laporan tertentu yang harus kita bentangkan supaya kita memikirkan kelemahan dan kekuatan kita untuk mengatasi masalah. Kota Damansara juga mengucapkan syabas kepada Datuk Menteri Besar khususnya dari segi air, pengambilan air dan kita berharap dulu semenjak merdeka dahulu kemudahan asas adalah dipegang oleh Kerajaan, lepas tu diswastakan nampaknya rugi dan kronik dan sekarang cuba mengambil balik, kalau dapat kita mengambil balik elektrik, air dan segala aspek, ya kalau kita mentadbir dengan baik Insya-Allah kita percaya kita akan berjaya. Juga program menaikkan

ekonomi ini memang satu tumpuan yang amat penting pada saya sebagai seorang sosialis kerana kita membabitkan tumpuan kepada rakyat. Kita juga ingin memikirkan adakah pembangunan ini adakah secara fizikal, ataupun sosial, kerana nampaknya lebih fizikal, kalau sosial, adakah SPIES dapat menangani masalah ini kerana timbul beberapa perkara seperti keharmonian, kesejahteraan, yakin diri, berdikari, keseronokan bekerja, berbakti. Adakah itu dirangkumi atau tidak kerana saya percaya ini ada kaitan dengan *quality of life* dan saya juga percaya kalau kita berusaha untuk memberikan mereka kerja, mereka dapat mencapai hasrat ini dari segi keharmonian, berdikari dan seterusnya. Hari Rabu Dato Menteri Besar telah menyebutkan falsafah pembangunan penting kerana dalam sebuah Negara, Negara kita kena ada falsafah pembangunan, penting kerana ini akan menentukan hala tuju kita. Cuba mengkacukkan kapitalisme dengan sosialisme, pada saya macam campur air dengan minyak, akhirnya dia berpisah, tapi tujuan tu memang ada untuk mengambil kira dengan izin *the best of both world*. Ya apa yang harus kita fikirkan kerana saya percaya apabila kita berbuat demikian, memanglah mengikut sejarah, sosial demokrasi ni memang gagal. Ya, mungkin *no political will* untuk cuba mengatasi kerana kita dapat lihat dalam keadaan tegang antara sosial dengan ekonomi selalunya gagal kerana ia akhirnya menuju kepada hipokrasi *opportunism* dan mereka berbalik kepada kapitalisme yang bergerak berasaskan dari segi penindasan dan menghancurkan kemanusiaan. Dan ini juga bermaknanya pengaruh kapitalis golongan yang kaya terhadap orang politik, terhadap agensi kerajaan, terhadap kehakiman, terhadap polis memang bermaharajalela. Ini juga pengalaman saya lebih kurang 40 tahun berjuang untuk masyarakat setinggan, peneroka Bandar, kilang, orang asli dan berbagai lagi, perladangan. Isunya akhirnya berbalik kepada yang kaya dan kalau itu berlaku, yang kaya tetap menjadi kaya, yang miskin papa kedana. Akhirnya kita masih berbalik pada apa yang dipanggil *circle down affair*, berharap kalau kemajuan ada maknanya rakyat akan dapat menikmatinya, tidak begitu kerana sejarah juga Negara lain juga menunjukkan Negara yang paling kaya juga mempunyai masyarakat yang paling miskin. Maka itu juga usaha untuk mengimbangkan antara sosial dengan ekonomi itu amat penting kerana hubungannya adalah dinamik dan memang memerlukan *political will* dengan izin, ketegasan politik dengan kerjasama semua ahli-ahli politik untuk melakukannya, juga kita dapat lihat bahawa dalam keadaan begini pelabur yang datang bukanlah tujuannya untuk *profit*, keuntungan dengan izin, maka itu juga bagaimana kita dapat mengimbangkan mereka mendapat keuntungan, rakyat juga dapat telah menimbulkan masalah sosial dalam masyarakat dan dalam keluarga, masalah perumahan yang kita cuba mengatasi masih, di tempat-tempat lain masih belum diatasi kerana sudah ada jaringan dalam sistem ini yang menyebabkan yang kaya menjadi lebih kaya, yang miskin papa kedana dan menjadi tanggung jawab kita apabila kita mengatakan merakyatkan ekonomi negeri kita mengambil aspek sosial. Ya, untuk membantu kerana dengan izin *we've to put extra efforts to ensure* supaya masalah masyarakat tidak ditenggelami oleh sifat mengejar keuntungan. Juga pada yang dulunya kita telah disebutkan bahawa isu dengan izin *co-operate social responsibility*, di mana kita merasakan kita nak menunjukkan kita memihak kepada rakyat, memihak kepada golongan pekerja kerana golongan pekerja adalah tulang belakang kepada ekonomi Negara, kita harus mengambil kira syarikat-syarikat, anak-anak syarikat negeri Selangor sebagai teladan. Kalau kita kata *management weight*, bagaimana kita nak usaha ke arah itu, kerana syarikat-syarikat ini adalah di dalam kuasa kita, dengan cara itu syarikat lain akan mengikut contoh yang kita bentangkan. Isu-isu yang telah saya timbulkan dahulu adalah berikutan dengan gaji minima yang kita sarankan 1,500, kita faham dari segi *economy crisis*, tapi kita kena membuka jalan ke arah itu. Dari segi keselamatan di tempat kerja, dari segi penyelesaian, dari segi membantu mereka mencari rumah ke, masalah keselamatan juga sebagai simpang sedikit kerana saya dapat lihat masalah PPR di Kota Damansara ada dekat 12 blok, ya PPR baru-baru ini kita telah mengubahkan dulu 124 kita telah jadikan 250 kita berbalik kepada 124 tapi Lembaga Perumahan Hartanah meletakkan syarat kalau hanya layak kepada 5 ahli keluarga dan kalau dapat zakat dan kebajikan. Berapa minit lagi?

**TUAN SPEAKER:** Dua.

**YB TUAN DR. MOHD. NASIR BIN HASHIM:** Kalau dapat kebajikan tak dapat apa ni kemudahan ini. Malangnya kalau kita fikirkan 12 blok tu semuanya layak untuk mendapatkan zakat dan kebajikan. Maka itu juga meletakkan syarat ini menyebabkan mereka terpaksa membayar 250, saya rasa amat tidak adil kerana kedatangan mereka di tempat ini adalah mereka dari bekas kawasan-kawasan setinggian dibawa ke tempat itu sebagai *transit* tapi bangunannya tak siap mereka kat dekat situ. Maka saya berharap dapat kita fikirkan balik, janganlah meletakkan syarat-syarat hingga menyebabkan yang miskin dalam PPR tidak dapat bergerak dan mereka kena membayar 250. Dengan itu juga saya memang mencadangkan negeri Selangor mengadakan tabung buangan pekerja. Kita *prepare* dengan izin sekarang sebelum berlakunya satu lagi proses apa ni, krisis ekonomi, bermakna ada syarat-syarat tertentu di mana pekerja membayar sikit, syarikat membayar sedikit, kalau Kerajaan Negeri ingin membayar lebih elok lagi membantu supaya bila berlaku krisis ekonomi pekerja terselamat. Kalau mereka dibuang kerja ada sesuatu yang dapat ada sesuatu kumpulan wang dapat membantu mereka mengatasi masalah. Lagi sekali saya mengucapkan terima kasih, Kota Damansara menyokong peruntukan tambahan

**YB PUAN GAN PEI NEI:** Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Rawang.

**YB PUAN GAN PEI NEI:** Terima kasih Tuan Speaker. Ahli-ahli Dewan Negeri yang saya hormati sekalian. Saya berasa bertuah kerana kita berkesempatan menyambut ulang tahun 50 Dewan Negeri Selangor. Yang lebih bermakna tahun ini merupakan tahun pertama yang mencatatkan kemenangan rakyat dengan memilih Pakatan Rakyat untuk memerintah kerajaan negeri Selangor. Sesungguhnya kerajaan Pakatan Rakyat menghadapi cabaran yang amat besar dari banyak aspek, baik dari segi sekatan ekonomi, kuasa dan undang-undang daripada Kerajaan Pusat yang nampak jelas dalam isu pengambilalihan industri air Selangor dan pengurangan peruntukan tahunan daripada kerajaan pusat daripada kerajaan negeri mahupun daripada penggunaan media yang dikuasai oleh UMNO seperti Utusan Malaysia yang memainkan sentimen perkauman untuk memporak perandakan Pakatan Rakyat dan memecah belahkan rakyat. Namun yang lebih penting adalah kerjasama antara parti dalam Pakatan Rakyat yang menguji keikhlasan dan komitmen semua parti untuk melaksanakan pembangunan negeri yang berpaksikan ketuanan rakyat, ketelusan, kebertanggungjawaban dan keadilan kepada semua tanpa mengira kaum, bangsa dan agama. Dalam pentadbiran kerajaan Selangor Pakatan Rakyat kebertanggungjawaban dan ketelusan dengan izin ataupun *accountability and transparency* adalah satu unsur penting yang perlu diterapkan dalam setiap lapisan pentadbiran kerajaan negeri. Oleh itu saya ingin mengambil peluang ini untuk menyeru supaya kerajaan negeri mempercepatkan pengenalan enakmen kebebasan informasi dan maklumat atau *freedom of information* dengan izin sebagai komitmen kerajaan negeri untuk marak selangkah ke depan dalam mengamalkan prinsip ketelusan. Barangkali ahli majlis dan ADUN menghadapi kesukaran dalam mendapatkan segala perjanjian dan dokumen sama ada di peringkat PBT ataupun negeri walaupun kebanyakan urusan ini adalah berkepentingan umum. Saya sering menerima aduan daripada Ahli Majlis yang menyatakan mereka dilarang memfotostat perjanjian di peringkat PBT disuruh membaca dokumen di depan Pegawai Undang-undang PBT dan dilarang bawa keluar sebarang dokumen yang berkepentingan umum kononnya semua ini adalah di bawah akta rahsia rasmi. Malahan kalau tak salah saya EXCO Alam Sekitar yang meminta satu salinan perjanjian penswastaan air panas di Selayang juga dijawab oleh YDP MPS minta baca di MPS. OSA telah digunakan sebagai satu alasan atau

alat untuk melindungi mereka yang berkepentingan daripada dipersoalkan oleh rakyat. Jadi enakmen ini adalah penting bagi memastikan rakyat mendapat akses kepada segala dokumen atau maklumat yang berkepentingan umum dan seterusnya mengelakkan sebarang penyelewengan dalam urus tadbir Kerajaan Negeri. Pelaksanaan enakmen ini sudah tentunya memerlukan penglibatan pakar undang-undang dan pegawai kerajaan yang memainkan peranan penting dalam menjayakan enakmen ini. Rakyat juga perlu diberikan taklimat yang meluas tentang kepentingan enakmen ini agar mereka mempraktikkan hak dan tanggungjawab mereka sebagai pembayar cukai. Kemelesetan ekonomi sedunia juga menyebabkan negeri Selangor juga tidak dapat berkecuali daripada trend dunia ini dengan izin. Jadi sudah tiba masanya pihak Kerajaan Negeri, ADUN dan PBT masing-masing berfikir cara untuk meningkatkan hasil, mengurangkan kos pada masa yang sama tidak menjejaskan mutu perkhidmatan PBT dalam penyediaan belanjawan untuk tahun akan datang khasnya untuk PBT yang mengalami defisit untuk beberapa tahun berturut-turut. Inisiatif ini adalah perlu bagi mengurangkan kebergantungan PBT terhadap dana Kerajaan Negeri dalam semua aspek dan PBT juga boleh belajar berdikari pada masa yang sama. Saya ingin mencadangkan supaya kerajaan negeri mempertimbangkan penyediaan belanjawan tahunan PBT dengan menggunakan konsep *zero-based budgeting* dengan izin. Konsep ini adalah berbeza dengan cara belanjawan bertambah secara berkala yang tradisional. Dalam *zero-based budgeting* ini dengan izin pihak PBT perlu menilai semula semua aspek dalam penyediaan belanjawan sama ada sesuatu perkara itu adalah amat penting ataupun tidak. Dengan cara ini aspek yang penting seperti penyediaan infrastruktur asas kepada rakyat akan diutamakan dahulu. Cara belanjawan ini juga adalah lebih *cost-effective* dengan izin. Saya juga ingin mencadangkan supaya pertandingan antara PBT boleh diadakan bagi memilih PBT yang memberi idea paling kreatif dan efektif dalam pengurangan kos perbelanjaan PBT. PBT yang menang akan mendapat peruntukan tambahan dalam tahun itu sebagai galakan. Cara ini akan menggalakkan sinergi dan kerjasama antara jabatan serta memupuk inisiatif pegawai untuk berbelanja hemah. Akhir sekali saya ingin menyentuh tentang hasil pasir dalam Selangor. Adalah amat membimbangkan saya apabila mendengar Yang Berhormat Bukit Antarabangsa menyebut bahawa jumlah hasil yang dikutip daripada jualan pasir adalah rendah berbanding dengan jumlah yang disasarkan.

Daerah Gombak merupakan antara daerah yang menerima laporan kecurian pasir yang paling banyak dalam negeri Selangor.

Minggu lepas, Yang Berhormat Sri Muda telah mengetuai pasukan *Task Force* untuk menangkap pencurian pasir di sekeping tanah Lot 19439, Taman Tun Perak, Mukim Rawang, milik PKPS pada minggu lepas. Malangnya apabila kami tiba di situ, si pencuri telah hilang entah ke mana.

Satu lagi kecurian pasir di kawasan Sungai Desa Kuala Garing Rawang dilaporkan dalam Star Metro pada 8hb Julai, iaitu hari pertama sidang dewan.

Yang lebih mengejutkan, laporan media ia menyatakan bahawa penduduk tempatan menjelaskan bahawa kelihatan kereta Pejabat Daerah Gombak yang pergi ke tapak tersebut sebelum ini tetapi pencurian masih diteruskan. Operasi pencurian pasir hanya dihentikan setelah dilaporkan dalam media.

Saya menyeru dewan yang mulia ini menyiasat kerana laporan media ini akan menjejaskan kredibiliti Kerajaan Negeri dan rakyat tidak yakin dengan kerajaan kerana Pejabat Tanah dikatakan seolah-olah bersekongkol dengan sindiket pencurian pasir tersebut.

Hasil siasatan perlulah diumumkan dan minta tindakan diambil sekiranya betul-betul didapati wujudnya “hantu” dalam kalangan pegawai kerajaan.

Kerajaan boleh memberi “reward” kepada orang awam yang membekalkan maklumat tentang pegawai dan mereka yang terlibat dalam sindiket pencurian pasir untuk membersihkan nama Pakatan Rakyat Negeri Selangor.

Ahli-ahli Yang Berhormat,

Pemprosesan pemberian permit pengorekan pasir yang lambat telah secara tidak langsung menyebabkan pencurian pasir semakin berleluasa di Selangor. Hal ini perlu dipandang serius kerana hasil pasir ini ialah sumber utama dalam penjanaaan program Merakyatkan Ekonomi Negeri Selangor.

Saya ingin menyeru kepada barisan pimpinan EXCO supaya membuka permit pengorekan pasir di tanah persendirian dengan secepat mungkin memandangkan sistem operasi yang sedia ada boleh dilaksanakan.

Selain itu, saya bercadang agar pihak JPS atau PBT dapat membersihkan pasir sungai secara berkala. Tujuan kerja ini adalah untuk mengelakkan sungai menjadi semakin cetek, ataupun aliran sungai terganggu kerana timbunan sampah sarap dan pasir sungai. Kejadian ini telah berlaku di Sungai Rawang yang bersebelahan Kg Lee Kim Sai dan Kampung Rajah.

Projek pembesaran Sungai Rawang yang sepatutnya disiapkan pada bulan Disember 2007 telah ditangguhkan kerana kontraktor yang lama tidak dapat melaksanakan tugas dengan baik. Sehingga kini, tiada sebarang maklum balas tentang status projek ini walaupun saya telah menulis surat kepada JPS Selangor. Saya berharap projek ini dapat dipulihkan dengan secepat mungkin kerana Rawang merupakan antara kawasan yang terkenal dengan banjir terutamanya semasa musim hujan. Timbunan pasir dalam sungai sudah tentunya akan menyebabkan banjir menjelang musim hujan nanti.

Rawang ingin mengakhiri ucapan saya dengan menyokong rang undang-undang untuk *budget* tambahan negeri Selangor Tahun 2009. Sekian, terima kasih.

**YB PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN:** Tuan Speaker,

**TUAN SPEAKER:** Taman Templer.

**YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL:** Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Tuan Speaker kerana memberi peluang kepada Taman Templer memberi perbahasan pembentangan pada petang ini. Tuan Speaker, berbalik kepada moto Kerajaan Negeri iaitu ‘Negeri Idaman, Maju dan Berkebajikan’ ini saya kira ianya adalah moto yang tidak beragresif dan tidak mampu mengangkat daya juang, daya fikir, daya berdikari Selangor khasnya pada perkataan ‘berkebajikan’. ‘Idaman’ dan ‘Maju’ itu baik senario ini dimulakan oleh pimpinan negeri sendiri yang hari ini asyik cakap hal berkebajikan atau kebajikan sahaja sehingga hilang tumpuan untuk memaju dan terus meningkatkan daya saing negeri. Inilah makna kejumudan pemikiran dan hala tuju yang saya maksudkan. Pada ketika ini di manakah daya saing di negeri Selangor. Adakah kita masih berpegang pada modul daya saing dahulu yang dirintis oleh kerajaan Barisan Nasional atau Kerajaan Negeri hanya membakul sampahkan semua *indicator-indicator* terdahulu. Lalu ingin memperkenalkan petunjuk-petunjuk baru yang lebih rakyat, mungkin. Dan kini masih teraba-raba kerana kejumudan pemikiran pemerintahannya.

Tuan Speaker, seterusnya kejumudan pemikiran daya saing dan sikap atau sifat berdikari ini sahaja, saya khuatir akan diwarisi oleh rakyat. Kita asyik melaung-laungkan merakyatkan ekonomi atau negeri berkebijakan. Maka apakah bentuk pemikiran yang bakal terpasar dalam minda rakyat. Saya rasa slogan seperti ini, hanya akan melemahkan daya fikir daya tahan, daya juang dan sikap sifat berdikari rakyat Selangor. Toleransi kebajikan mengajar rakyat seolah-olah untuk tunggu dan terima ataupun tutup mulut nanti kerajaan suapkan.

Saya bimbang slogan yang bermula dari propaganda politik ini demi untuk meraih perhatian golongan tertentu dalam masyarakat akhirnya tertanam dalam minda rakyat keseluruhannya bermula dari tua hinggalah muda, dari generasi hingga ke generasi semua menunggu-nunggu apa yang kerajaan hendak beri, bukan berfikir apa yang boleh kita sumbangkan untuk negeri dan masyarakat. Lebih daripada itu, saya lihat slogan 'berkebijakan' ini seolah-olah memecahkan kelompok besar masyarakat dengan hanya mementingkan golongan tertentu sahaja iaitu golongan mereka yang kurang berkemampuan seperti orang miskin, kurang upaya dan sebagainya. Atau, dari sudut hubungan antara kerajaan dengan kelompok yang susah itu sahaja. Saya tidak menyatakan mereka jangan dibantu. Tetapi bagaimana pula halnya dengan orang yang berkemampuan, yang profesional dan berilmu. Apakah peranan mereka dalam keseluruhan agenda berkebijakan ini? Adakah mereka turut digesa untuk membuat kebajikan? Atau memberi sahaja apa yang diberikan oleh kerajaan ini. Jika begitu maka dangkal sekali peranan mereka yang meletakkan oleh kerajaan negeri. Padahal mereka yang boleh menyumbang sesuatu lebih baik dan besar manfaatnya kepada kelompok masyarakat yang lebih luas.

Tuan Speaker, saya amat bimbang jika pada suatu masa nanti kerajaan tidak berkemampuan hendak memberikan sebarang bentuk kebajikan atau subsidi kepada rakyat Selangor kerana mungkin bankrap atau sebagainya. Mungkin rakyat akan memberontak dan menekan kerajaan kerana sifat bergantung setelah sekian lama kita pasakkan. Kita jangan cakap besar kerana Selangor ini maju dan kaya boleh memberi macam-macam kepada rakyat. Jika moto 'kebajikan' ini adalah satu slogan kecil dalam mana-mana jabatan atau unit kerajaan yang fokus kepada isu kebajikan mungkin boleh diterima, tapi bila ia menjadi slogan besar negeri saya bimbang ia melahirkan budaya selesa, budaya relaks, *complacent* dalam masyarakat negeri Selangor. Justeru, saya gesa Kerajaan Negeri ini merangka dan menerapkan satu moto yang lebih tegas penuh visi semangat yang berhemah dalam wawasan mereka. Kita mesti merangka agenda yang besar. Visi jauh dan berwawasan, bukan sahaja untuk panduan Kerajaan Negeri memajukan kesejahteraan rakyat malah yang paling penting untuk membina dan membangunkan minda rakyat yang berdaya maju, berdaya usaha dan berdaya saing sama di peringkat negeri, nasional dan antarabangsa.

Tuan Speaker, lebih lagi tentang isu kebajikan. Saya ingin mengutarakan bagaimanakah peranan bentuk kebajikan yang diberikan kepada Kerajaan Negeri untuk golongan orang asli. Persoalan ini penting kerana orang asli majoriti di negeri ini jika di bandingkan dengan kaum-kaum lain namun mereka juga rakyat dalam negeri Selangor. Cuma dalam hal ini kita ingin menanyakan bentuk kebajikan yang bagaimanakah wajar diberikan kepada golongan ini. Adakah kerajaan mempunyai perancangan dan tindakan yang khusus untuk memajukan golongan orang asli ini. Kalau dalam konteks pekerjaan umpamanya. Adakah bidang keutamaan pekerjaan yang hendak diberikan kepada mereka atau kerajaan hanya membuat rizab (dengan izin) dengan kawasan-kawasan yang didiami mereka, agar mereka selesa ada dalam sebuah negeri yang berkebijakan ini. Adakah cukup sekadar begitu sahaja.



Tuan Speaker, kita sedia maklum tahap pendidikan anak-anak golongan orang asli ini. Justeru, apakah bentuk latihan dan kemahiran yang dapat kerajaan tawarkan kepada mereka agar mereka dapat menyertai arus perdana kemajuan negeri yang berkeadilan ini. Saya pohon supaya perkara ini diperjelaskan. Berkenaan orang asli juga mohon dimaklumkan di dalam dewan yang mulia ini. Berapakah jumlah sebenar orang asli di dalam negeri Selangor ini? Apakah ada pangkalan data berkenaan orang asli ini untuk dibangunkan.

Tuan Speaker, bercakap juga tentang keadilan ini saya juga ingin menarik perhatian berkenaan pemberian air percuma yang dinikmati oleh rakyat negeri Selangor sekarang ini yang ditanggung oleh KDEB. Isunya di sini, sampai bilakah KDEB menanggung kos air dengan percuma ini seandainya nanti KDEB tidak lagi mampu menanggung kos air percuma ini. Apakah langkah yang akan diambil kerajaan agar memastikan rakyat Selangor terus menikmati air percuma ini. Apakah pihak Kerajaan Negeri sudah ada syarikat lain untuk meneruskan keadilan ini. Bagaimana dengan KDEB, apakah tanggung atas air percuma ini yang menelan belanja jutaan ringgit ini membawa keuntungan yang berlipat kali ganda atau sebaliknya. Saya juga mohon penjelasan.

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Minta laluan.

**YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL:** Saya teruskan. Tuan Speaker, saya juga ingin menyentuh tentang keadilan setingan sebenarnya hampir setahun setengah kerajaan Pakatan telah menerajui negeri Selangor, tetapi isu di kawasan saya sendiri, kawasan Bukit Botak masih dalam proses mencari formula untuk penyelesaian. Saya berharap sangat agar EXCO yang dipertanggungjawabkan, juga saya yakin mampu menyelesaikan masalah ini tetapi saya berharap sangat agar perkara ini dapat diselesaikan seperti uar-uarkan dalam surat khabar iaitu pertengahan bulan Ogos 2009

Tuan Speaker, saya juga ingin mencadangkan kepada Kerajaan Pakatan Rakyat jika benar, Kerajaan Pakatan Rakyat ingin menjadikan negeri Selangor sebagai negeri berkeadilan dan ingin berjasa kepada rakyat, maka saya mencadangkan supaya Kerajaan Negeri memberikan tanah Kerajaan Negeri saya ingin mencadangkan supaya Kerajaan Negeri memberikan tanah kepada setingan-setingan ini terus supaya mereka ini boleh membuat rumah dan dapat hidup selesa, maka isu ini dapat diselesaikan dengan segera. Tuan Speaker, terima kasih.

**YB PUAN LEE YING HA:** Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Subang Jaya.

**YB PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN:** Terima kasih Tuan Speaker. Subang Jaya turut mengambil bahagian dalam perbahasan *budget* tambahan 2009. Tuan Speaker, saya ingin membangkitkan satu masalah yang saya perhatikan PBT di Subang Jaya, saya mengalami satu kes kebenaran merancang untuk bangunan komersial yang telah diberikan MPSJ dan Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa ke atas tanah TELEKOM. Keputusan ini berlaku kerana sejarah lama di atas berkaitan permohonan tanah ini tidak diberikan kepada ahli yang membuat keputusan. Pada tahun 2005, syarat penuh MPSJ telah menolak permohonan merancang pecah sempadan dengan alasan tapak tersebut hendaklah di kekalkan sebagai rizab untuk kegunaan TELEKOM Berhad Malaysia sahaja. Ini merupakan fakta yang cukup penting dalam pengendalian permohonan yang baru tetapi malangnya fakta ini hanya diberikan selepas saya membangkitkan hal ini dalam sidang dewan yang lalu. Saya menggesa supaya Menteri Besar memandang serius hal ini dan EXCO, PBT pun memberi dasar yang baru dan mewajibkan pemberian secara fail lama yang berkaitan dengan setiap permohonan supaya permohonan

negeri yang baru boleh membuat keputusan yang tepat dan adil. Saya juga hendak membangkitkan, hal pewartaan Taman Subang Jaya yang hendak dibincangkan semasa pendengaran awam draf tempatan di MPSJ. Saya mengucapkan syabas pada EXCO Yang Berhormat Bukit Lanjan dan tahniah kepada ADUN Kota Damansara yang mempunyai hutan yang akan diwartakan di Kota Damansara pada tahun ini. Saya mahu melihat Taman Subang Ria juga turut diwartakan. ADUN Subang Jaya yang dahulu telah memberitahu penduduk bahawa kerajaan negeri yang lalu telah membuat keputusan bahawa Taman Subang Ria harus dikekalkan sebagai satu taman dan kerajaan negeri boleh membelinya dengan harga pertanian dan bukan harga komersil. Apa sudah terjadi kepada keputusan itu. Kenapa Jabatan Perancangan Bandar dan Desa masih mahu melayani permohonan atau cubaan pemaju untuk membangunkan taman tersebut. Penggunaan kawasan lapang juga harus dipantau dengan teliti. Di Subang Jaya kawasan lapang telah digunakan sebagai Medan Selera di SS 13 dan SS 19. Sudah bertahun-tahun ini dibenarkan. Kawasan lapang juga dibenarkan untuk tujuan komersil. Memberi kebenaran kepada Syarikat Telco membina *Telco Tower* dengan izin. EXCO infrastruktur telah memberitahu saya bahawa *Telco Tower* tidak boleh dibina atas kawasan lapang dan di taman permainan kanak-kanak. Tetapi PBT pula memberitahu saya tidak ada arahan daripada kerajaan negeri. Saya minta penjelasan. Skim Komuniti Berpagar. Saya sudah membangkitkan hal ini beberapa dalam sidang dewan untuk satu *review* tetapi masih tiada jawapan. Saya tanya Polis, Polis minta saya tanya PBT. Saya kesian YDP kerana sekarang menjaga keselamatan pula jadi kerja. YDP bukan lagi kerja Polis. Saya sudah menyeru PBT memanggil mesyuarat *emergency meeting* dengan izin bersama Ketua Polis Selangor, Lembaga Perumahan dan PBT kerana situasi sekarang memang merisaukan. Ekonomi kurang baik. Kes jenayah meningkat. Banyak kawasan perumahan mahu melaksanakan Skim Komuniti Berpagar. Tolong segerakan *review* ke atas garis panduan kerana skim ini sedang pesat membangun dan penduduk semakin kreatif dalam usaha mempertahankan keselamatan keluarga. Saya juga menggesa kerajaan negeri supaya memberi perhatian yang lebih dalam pemantauan tempat ibadat bukan Islam. Sekarang kita mempunyai mesyuarat jawatankuasa dua bulan sekali dan setiap kali kita mempunyai mesyuarat ada pegawai kerajaan yang tak hadir. Tak bawa fail dan ini mengakibatkan kes-kes ditunda lagi. Di dua bulan sebelumnya boleh dibincangkan. Deraf Rancangan Tempatan mesti saya tegaskan sekali lagi mesti mengambil kira jumlah penganut-penganut bukan Islam yang memerlukan tempat untuk bersembahyang. Ini hak setiap warga Negara Malaysia. *The right to worship* dengan izin. Untuk kawasan bandar seperti di Subang Jaya dan Petaling Jaya memang susah nak cari tanah untuk tujuan agama. Jadi kerajaan negeri mesti membenarkan mereka menggunakan kilang, dewan atau pun kedai untuk dijadikan tempat ibadat tertakluk kepada kebenaran bomba atau pun ciri-ciri keselamatan sudah dipenuhi. Saya tak berapa setuju dengan pendapat beberapa ADUN yang mengatakan bahawa ahli majlis harus menyokong dan tidak membantah YDP di semua PBT. Saya berpendapat bahawa ahli majlis boleh menyokong dan harus menyokong kepimpinan YDP dengan syarat keputusan-keputusan yang dibuat adalah telus, tepat dan mencerminkan keputusan kerajaan negeri. Ini yang saya perhatikan ada segelintir ahli majlis sudah menjadi *yes man*, dan tidak berani menyoal. Kita hendak ahli majlis yang boleh dengan izin *engage in healthy debate for effective policy making*. Saya percaya inilah yang rakyat mahu. Mengenai tiada pertumbuhan ekonomi kerana penduduk sering membantah kita jangan lupa bagaimana kita boleh menang dan menjadi kerajaan negeri kerana rakyat tidak mahu pembangunan yang tidak mampan. *Sustainable development* dengan izin penting bagi masa depan anak-anak kita. Ini masalah trafik dan masalah sosial belum lagi diselesaikan kita nak tambah lagi masalah baru. Pentingkan wang dan gadaikan masa hadapan anak-anak. Saya menyambut baik pertumbuhan tetapi jangan fokus pada pertumbuhan ekonomi sahaja. Bagaimana pula dengan pertumbuhan sosial, pertumbuhan kebajikan, peningkatan kualiti hidup rakyat. Jangan selepas kita menjadi kerajaan kita nyanyi lagu yang berlainan. Rakyat akan berasa tertipu jika tidak konsisten dengan janji

kita. Mengenai kedudukan kewangan Menteri Besar yang asyik dibangkitkan oleh Sg. Panjang, saya lebih rela mempunyai seorang Menteri Besar yang miskin tetapi bersih dan bukan seorang Menteri Besar yang kaya tetapi integritinya boleh dipertikaikan. (Dewan bertepuk)

Saya juga nak tanya EXCO PBT apakah hasil siasatan kontrak Godell untuk kutipan tempat letak kereta dan CCTV yang dibiayai oleh PBT. Siasatan dan *review* mengambil masa yang terlalu lama. Adakah bayaran masih dibuat setiap bulan sementara siasatan dijalankan. Dari tahun lepas hingga sekarang saya asyik dengar kita akan *review*. Tetapi setahun kemudian kita masih tidak tahu hasil siasatan atau pun hasil *review*. Lebih satu tahun sudah berlalu Tuan Speaker, tetapi cara kerja sebahagian PBT dan agensi kerajaan negeri masih belum berubah. Usaha memperbaiki sistem pentadbiran mesti dimantapkan lagi. Membuat kenyataan akhbar tidak mencukupi. Harus mempunyai surat pekeliling kepada PBT supaya semua pihak faham dan ada *black and white* dengan izin. Kalau nak tambah pembekalan perbelanjaan boleh, tetapi ini mesti sepadan dengan kualiti perkhidmatannya yang memuaskan. Rakyat boleh faham dan sanggup bayar cukai jika apa yang mereka dapat sebagai balasannya ialah perkhidmatan yang baik dan mereka tidak lihat pembaziran. Sudah sampai masa kita mengambil tindakan yang keras terhadap prestasi yang tidak boleh diterima sama ada EXCO, ADUN, YDP, Pengarah atau pun pegawai kerajaan. Terima kasih.

**YB PUAN LEE YING HA:** Tuan Speaker.

**YB TUAN SPEAKER:** Teratai.

**YB PUAN LEE YING HA:** Terima kasih Tuan Speaker kerana memberi peluang saya akhirnya, ada peluang mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-Undang.

**YB TUAN SPEAKER:** Lain kali, bangun awal-awal.

**YB PUAN LEE YING HA:** Ya. Saya bangun pagi sampai sekarang, tapi tak dapatlah.

**YB TUAN SPEAKER:** *Last minutes* jangan minta ...

**YB PUAN LEE YING HA:** Ya, bukan sebab kerana saya pendek sangat mungkin tak nampak, mungkin saya nak tukar kasut baru boleh masuk sini. Jadi boleh nampak saya.

**YB TUAN SPEAKER:** Makan lebih sikit.

**YB PUAN LEE YING HA:** Makan lebih sikit, yalah tak cukup makan. Sebab saya bukan dari Sekinchan tak cukup nasi di kawasan saya. Hanya gunung sahaja. Ya, sini saya nak ambil bahagian untuk membincangkan beberapa isu. Yang pertama ialah saya nampaknya dewan ini semakin aktif dan kita mempunyai banyak jawatankuasa contohnya Jawatankuasa Pejabat Tanah, Daerah, Pihak Berkuasa Tempatan, SELCAT dan lain-lain. Dan juga jawatankuasa ini sudah menarik perhatian bukan sahaja dari Pakatan Rakyat tetapi juga Batang Kali sudi nak menjadi salah seorang ahli. Saya rasa ini kita hendaklah bagi peluang untuk mereka menyertai ahli jawatankuasa kerana nampaknya ada sebahagian ahli jawatan kuasa dari pembangkang nampaknya langsung tidak hadir apa-apa mesyuarat. Dan, sini saya ingin mengesyorkan pihak kerajaan supaya dalam bajet akan datang boleh tambah sikit peruntukan untuk semua jawatankuasa-jawatankuasa yang berkenaan kerana kita memang minta bantuan daripada pakar-pakar contohnya peguam atau pun *auditor* supaya melicinkan kerja-kerja yang kita jalankan. Jadi Tuan Speaker, saya hendak sentuh ialah saya berharap sejak satu tahun buat pentadbiran saya merayulah supaya pihak kerajaan boleh menurun kuasa kepada ADUN.

Sebab apa yang berlaku ialah sekarang contohnya ialah di Pejabat Tanah saya berasa kita semua ADUN *beckbenchers* dengan izinnya seolah-olahnya pembangkang sahaja. Kita tak terlibat dalam sistem pentadbiran dan pengurusan tanah. Apabila orang-orang tanya kita macam mana dengan permohonan atau pun cara-cara atau sistem atau pun rayuan-rayuan mereka kita sebagai Wakil Rakyat tidak dapat menjawab dengan orang ramai apa yang sedang berlaku. Walau pun kita ada taklimat setiap dua bulan atau satu bulan, tetapi itu cuma taklimat sahaja. Kita tidak boleh buat apa-apa perubahan. Segala rayuan kita yang buat yang mana yang ada ADUN sebut tidak dapat apa-apa jawapan. Atau pun, walau pun rayuan disampaikan ke pejabat Yang Amat Berhormat nampaknya surat itu dipulangkan balik ke pejabat Tanah. Jadi itu proses *recycle* dengan izinnya. Berulang alik-ulang alik tetapi isu-isu tidak dapat dicapai. Jadi saya mengesyorkanlah supaya Jawatankuasa Tanah di tubuh lagi supaya ADUN-ADUN boleh menyertai proses pengurusan dan juga pemantauan dalam isu-isu tanah. Yang ketiga saya nak sentuhkan hari ini ialah mengenai Skim Warga Usia Emas. Saya boleh dikatakan Teratai sekarang memang miskin kerana saya mempunyai hutang yang 35 ribu kepada orang ramai. 35 ribu kepada orang ramai. Ini dipuncakan kerana ah! Kemungkinan *fengshui* tak bagus dengan izinnya ramai orang mungkin mati dengan cepat atau apa dalam apa ini statistik, ya, setiap bulan kita ada 15.8 orang mati di kawasan saya. Jadi dengan rekod yang memang lambat dan hanya 10 ribu jadi ini amat menyusahkan saya. Orang ramai selalu datang dan telefon saya tak tahu mana dia punya 1 ribu saya tak boleh jawab. Walau pun saya pun cuba mendahulukan seribu untuk itu waris si mati tetapi masih tak cukup lagi. Jadi, saya menyerulah dan meminta pihak EXCO supaya bagi Teratai satu *express lend* dengan izin jadi kita boleh selesaikan ini semua hutang-hutang. Kalau tidak mungkin salah satu hari ADUN ah! Itu Along akan bagikan bantuan kepada saya. Ini memang bukan satu berita yang bagus. Dan selain daripada seribu saya ingin mengkritik sikit penyampaian 1,500 kepada waris si mati. Baru-baru saja saya mengajukan satu apa ni, majlis penyampaian 1,500 iaitu fasa yang kedua untuk Skim Warga Usia Emas penerima adalah 148 orang dengan jumlahnya 2,022 ratus ah! *Sorry* ribu 2,022 ribu ya betul. Dan apa yang berlaku ialah pada hari itu cuma dua orang seorang sekuriti dan seorang pegawai dari pihak Pejabat Tanah yang bawa jumlah yang besar ini dengan satu beg. Lepas mereka masuk ke dewan, itu pegawai dari Pejabat Tanah pergi uruskan kertas-kertas dia dan sekuriti itu letakkan beg itu yang berjumlah 2,022 ribu di pentas sahaja. Dia sendiri pergi menghisap rokok di luar sana. *Cash* itu semua wang tunai mengapa boleh buat dengan ah! Apa sewenang-sewenangnya atau tidak serius. Jadi apabila ahli saya nampak keadaan ini mereka cepat-cepat pergi tunggu di tepi itu beg itu sampai sekuriti itu masuk balik ke dewan. Dan juga saya nampaknya itu sistem walau pun setiap penerima wang Warga Usia Emas dia ada dapat satu *invoice*. Tetapi apabila mereka sudah terima *cash* itu *invoice* itu tidak di cop diterima. Atau pun dipulangkan balik. Jadi, ada kemungkinan kalau sesiapa yang tidak hadir ada kemungkinan orang pergi buat *claim* kali kedua. Jadi, ini saya rasa tidak profesional. Sistem ini hendaklah dipandangkan dengan serius. Sebab ini bukan, apa, ini ialah wang tunai. Kalau katakan ada orang bersedia untuk merompak saya rasa ini *cash* yang berjumlah 2,022 ribu akan hilang begitu sahaja. Jadi, saya mengesyorkan dan saya juga hendak menyeru kepada pihak EXCO supaya itu wang yang sejumlah seribu yang dibagikan oleh ADUN boleh diberi secara cek. Dan bukan wang tunai. Sebab nampaknya keadaan jenayah kes semakin bertambah dan juga Polis pun sangat sibuk dengan tangkap ahli politik dan bukan ini semua perompak atau pun pencuri. Jadi saya amat risaulah kalah saya pergi ambil wang tunai yang secara 10 ribu atau pun 5 ribu akan dirompak dalam dua minit sahaja. Jadi, saya ini kali yang ketiga saya memohon supaya mempertimbangkan cadangan Teratai supaya beri peluang kita untuk mengeluarkan cek. Kalau untuk kawasan kampung kita boleh terima, dia boleh bagi *cash* tapi boleh bagi kita satu alternatif supaya bagi cek yang sebanyak seribu. Tuan Speaker, saya faham kerajaan negeri berhasrat tinggi supaya memberi manfaat tersebut kepada penduduk-penduduk Kuala Lumpur juga yang lahir di Kuala Lumpur sebelum 1974. Saya sebagai bekas Setiausaha Politik untuk Parlimen Bukit Bintang sebelum

ini memahami kesulitan mereka yang tidak ada untuk mengupah pegawai kanan. Jadi, saya mengesyorkan Kerajaan Negeri Selangor supaya kalau memang nak memanfaatkan penduduk di Kuala Lumpur, boleh menubuhkan satu pejabat atau cawangan di Wilayah Persekutuan untuk menguruskan semua permohonan Skim Warga Usia Emas. Yang akhir sekali saya ingin sentuhkan sedikit sistem pemantauan yang seharusnya wujud dalam satu tahun pentadbiran ini. Tapi nampaknya tidak ada. Apabila rakan-rakan kita di dewan, Yang Berhormat-Yang Berhormat di dalam dewan yang mulia ini tanya soalan macam mana EXCO boleh memantau adakah program atau pun projek adalah berjaya atau tidak, tapi jawapannya memang kabur atau pun tak jelas. Kita tidak nampak ada satu sistem pemantauan yang objektif atau subjektif, dengan tulisan yang begitu jelas. Contohnya satu yang bertanya dengan SPIES Program. SPIES Program jawapannya ialah okey kita tengok kalau jenayah turun, itu maksudnya kita berjaya. Saya rasa ini tidak profesional langsung. Saya sebagai ADUN memang sedikit kecewa dengan jawapan tersebut. Jadi saya rasa semua wang ..

**YB TUAN LAU WENG SAN:** Minta penjelasan Tuan Speaker.

**YB TUAN SPEAKER:** Ya! Kg. Tunku minta penjelasan. Boleh!

**YB PUAN LEE YING HA:** 30 saat boleh!

**YB TUAN LAU WENG SAN:** Ah! Boleh, boleh, sangat cepat saja. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Teratai sama ada Yang Berhormat setuju ke dengan cadangan saya semalam supaya kalau kita boleh membuat sedikit rombakan kepada program SPIES atau pun PTIS agar kita tukarkannya kepada bentuk siswa, dan kita buat perancangan untuk jangka lebih panjang dan kita melabur dalam pembangunan modal insan, supaya remaja sekarang 10 tahun, 20 tahun kemudian akan menjadi pegawai kerajaan yang mempunyai kepakaran-kepakaran yang tinggi.

**YB TUAN SPEAKER:** Teratai setuju pun tak guna. EXCO kena setuju.

**YB PUAN LEE YING HA:** Tapi boleh, saya boleh sokong..

**YB TUAN LAU WENG SAN:** Saya suka menyarankanlah kepada EXCO.

**YB PUAN LEE YING HA:** Tapi, saya boleh sokong cadangan Yang Berhormat Kg. Tunku, dan juga selain daripada SPIES pihak EXCO boleh gunakan cara-cara lain contohnya bagi latihan servis pelanggan contohnya, ini saya lagi memanfaatkan penduduk tempatan sebab SPIES memang tidak ada satu sistem yang sistematik dan profesional. Jadi saya berharap, selain daripada itu yang semua, jawapan-jawapan yang sebahagian, bukan semua memang tidak memuaskan apabila ADUN-ADUN tanya soalan jawapannya memang nampaknya tidak bersedia. Jadi saya rasa masa sudah tamat. Sekian sahaja. Terima kasih. (Dewan ketawa)

**YB TUAN SPEAKER:** Ya, terima kasih Teratai. Demikian tadi 15 orang telah, 15 orang ahli telah pun mengambil bahagian dalam perbahasan rang-rang undang bekalan tambahan 2009, dan saya mempersilakan pihak kerajaan untuk membuat penggulungan. Dipersilakan, Sri Kembangan.

**YB TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Terima kasih, Tuan Speaker. Kedudukan terkini pelaksanaan program pemutihan kilang-kilang tanpa kebenaran di negeri Selangor adalah sehingga 31 Mei 2009, sebanyak 831 iaitu 33% daripada 2,521 kilang di atas tanah pertanian telah mengemukakan permohonan meminda dan mengubah syarat nyata tanah untuk diangkat

dan diputuskan oleh mesyuarat pusat, pengurusan setempat OSC Daerah, dan Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Penyelesai Kilang Tanpa Kebenaran. Di antara angka ini 738 permohonan telah diluluskan dan jumlah premium tambahan yang telah berjaya dikutip oleh Pejabat Tanah dan Daerah sehingga kini adalah sebanyak 76,495,388.10. Tuan Speaker, beberapa isu dan cadangan penambahbaikan telah dikenal pasti melalui beberapa siri perbincangan yang diadakan bersama pegawai-pegawai daripada Pejabat Tanah dan Jabatan Teknikal yang berkenaan serta wakil-wakil daripada Persatuan-persatuan Pekilang beberapa kawasan padat kilang tanpa pengawalan. Cadangan ini termasuk penyeragaman, syarat teknikal minima dan cadangan penambahbaikan program pemutihan kilang tanpa kebenaran di negeri Selangor. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang akan datang akan berbincang dan memutuskan cadangan-cadangan tersebut supaya dapat melicinkan proses permohonan dan memberi galakan yang lebih menarik kepada para pengilang.

Menyentuh mengenai isu hak milik tanah di Kampung Baru. Dasar kerajaan negeri adalah untuk menyelesaikan masalah hak milik tanah Kampung Baru di seluruh Negeri Selangor. Kampung Baru telah wujud di Malaysia sejak tahun 1948. Maka kita berasa hairan mengapakan pentadbiran yang lepas tidak rela dan tidak mampu untuk memberikan hak milik tanah kepada sesetengah penduduk di Kampung Baru padahal mereka bukan sahaja telah menetap di situ sejak pembentukannya malahan ada yang lebih awal lagi. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sejak 8 Mac tahun lepas sehingga ke hari ini kerajaan Pakatan Rakyat telah menyelesaikan masalah hak milik tanah di beberapa Kampung Baru. Seperti di Kampung Bukit Angkat, Kajang. 22 orang pemohon telah mendapat kelulusan. Dan borang 5A dari Pejabat Tanah dan Daerah Hulu Langat pada awal tahun ini. Kebanyakan mereka telah mengemukakan permohonan sejak 10 tahun yang lalu. Di Kampung Baru Gurney, Ulu Yam Baru lebih dari 60 penduduk telah membayar premium tanah dan tidak dapat memperoleh geran tanah selama 5 tahun. Oleh kerana Pakatan Rakyat telah menjadi kerajaan kita telah selesaikan masalah ini secara beransur-ansur. Penduduk Kampung Baru telah mula mendapat geran mereka masing-masing sejak tahun lepas. Ini perlu saya sampaikan pujian dan penghargaan kepada Pegawai di Pejabat Daerah Hulu Selangor yang telah memberi kerjasama dan bekerja keras dalam menyelesaikan masalah-masalah yang tertanggung selama ini. Sekian Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Bukit Lanjan.

**YB PUAN ELIZABETH WANG KEAT PING:** Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin menjawab beberapa soalan dan juga dakwaan yang saya rasa tak munasabah yang dibangkitkan di dewan yang mulia ini. Semalam Sungai Panjang telah mendakwa bahawa ladang-ladang babi yang baru dibangunkan di merata tepi sungai. Saya ingin maklum kepada dewan bahawa sehingga hari ini tiada lagi premis ternakan babi yang dibina di kawasan hulu dengan izin *up stream* sungai selepas operasi perobohan secara bersepadu yang dilakukan pada dua tahun yang lalu. Manakala semua premis babi yang terletak di hilir dengan izin *down stream* sungai termasuklah di Kampung Tumbuk dan Tanjung Layang akan dipindahkan ke kawasan dengan izin *modern pig farming* atau PFA kelak. Berdasarkan maklumat daripada Jabatan Perkhidmatan Veterinar daerah Kuala Langat terdapat 132 premis ternakan babi yang telah diberi permit empat daripadanya telah tidak beroperasi lagi manakala pada 2008 tiada pertambahan dan premis ternakan babi di daerah Kuala Langat.

Keduanya, juga satu dakwaan dari Sungai Panjang iaitu air yang didapati di negeri Selangor mengandungi arsenik sampai kita terpaksa mengimport air dari negeri Pahang. Saya ingin maklum kepada dewan yang mulia ini dan juga Yang Berhormat yang hadir petang ini bahawa jawatankuasa pengurusan air bumi Negeri Selangor yang dipengerusikan Pengarah

Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) telah ditubuhkan bagi memantau kualiti dan kuantiti air bumi di seluruh negeri ini. Setiap premis yang memohon untuk menggunakan air bumi perlulah untuk menjalankan analisis kualiti air bumi di mana terdapat 44 parameter yang perlu dianalisis termasuklah parameter arsenik. Setiap premis haruslah menghantar laporan kualiti air buminya kepada jawatankuasa ini untuk tujuan pemantauan pembaharuan lesen. Sehingga kini didapati tiada premis yang dilesenkan telah melanggar piawaian parameter arsenik. Di samping itu kualiti air terawat yang dibekalkan oleh pihak SYABAS bagi tujuan bekalan air adalah mematuhi piawaian kualiti air minum kebangsaan yang selaras dengan piawaian WHO *World Health Organization* dengan izin. Berdasarkan laporan pemantauan bulanan kualiti air mentah oleh Puncak Niaga Sdn Bhd dan maklumat daripada Jabatan Kesihatan Negeri Selangor di dapati tiada kandungan arsenik di dalam sumber air iaitu air permukaan dan air bumi di negeri Selangor. Walau bagaimanapun mungkin arsenik terdapat di kolam-kolam bekas lombong ataupun *ex mining pond*. Sehubungan dengan itu, pihak LUAS telah memastikan 19 kolam yang telah dikenal pasti sebagai sumber air alternatif tidak mengandungi arsenik. Kolam-kolam tersebut sedang dalam proses untuk diwartakan di bawah seksyen 48 Enakmen Lembaga Urus Air Selangor 1999.

Isu yang kedua yang dibangkitkan oleh Kampung Tunku berkenaan....

**YB TUAN LAU WENG SAN:** Tuan Speaker minta laluan. Minta penjelasan tentang bukan isu berbangkit tapi tentang air. Semalam saya membangkitkan tentang penyaluran air dari Pahang ke Selangor yang mana projek ini dikhuatiri akan menyebabkan bekalan air itu akan dicemari oleh sianida kerana dikatakan tapak tadahan air itu dekat sangat dengan lombong emas di Raub, di Bukit Koman. Jadi saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat EXCO apakah langkah-langkah yang kita boleh ambil untuk memastikan bekalan air itu betul-betul bersih dan tidak mengandungi logam-logam berat.

**YB PUAN ELIZABETH WANG KEAT PING:** Kampung Tunku saya rasa kesabaran adalah separuh iman. Sebenarnya saya nak perkara yang ketiga saya nak jelaskan. *Patient is aviate you* dengan izin. Tentang isu yang dibangkitkan semalam mengenai kandungan sianida ataupun logam-logam berat. Pada masa ini kita belum, saya ingin streskan belum menerima apa-apa maklumat bahawa tapak tadahan air berdekatan dengan lombong emas Bukit Koman akan sampai ke Selangor melalui projek penyaluran air dari Pahang ke Selangor. Walau bagaimanapun saya ingin maklum kepada wakil rakyat Yang Berhormat bahawa memang ada beberapa proses alternatif yang boleh dijalankan tanpa menggunakan sianida. Sebagai contohnya kanji. *Starch* boleh digunakan untuk ekstraksikan emas. Hidrogen sulfat juga. Dan ada satu proses dengan izin dinamakan *Haber Gold Process* ataupun HGB yang sebenarnya digunakan di beberapa negara lain dan kosnya amat munasabah dan prosesnya mengambil masa yang lebih pendek kalau dibandingkan dengan penggunaan sianida. Jadi kalau kita dapat mencari lombong emas di negeri Selangor saya kita takkan benarkan sianida untuk digunakan di negeri yang indah ini.

Yang Berhormat dari Kampung Tunku juga membangkitkan isu tentang prestasi Tourism Selangor dalam sektor pelancongan berkaitan dengan beberapa lawatan ke Singapura oleh PBT saya ingin maklum kepada Bukit Tunku bahawa Tourism Selangor sebenarnya tidak menganjurkan lawatan ke Singapura di mana lawatan tersebut sebenarnya dianjurkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) atau Institut Latihan Pihak Berkuasa Tempatan (ILPBT). Jadi pihak yang melantik Tourism Selangor hanya untuk membekalkan atau menyediakan perkhidmatan pengangkutan dan penginapan kepada para delegasi yang telah dikenal pasti oleh urus setia iaitu PBT. Tourism Selangor telah membuat tempahan penginapan dan pengangkutan dan lain-lain seperti yang dipohon oleh pihak urus setia seperti program-program yang telah diatur

oleh pihak PBT sebagai penganjur lawatan. Jadi mungkin sasaran Kampung Tunku tak tepatlah. Kalau you nak program yang bagus saya rasa perkara ini harus di bangkit dengan pihak PBT.

**YB TUAN LAU WENG SAN:** Terima kasih Tuan Speaker. Ingin bertanya satu soalan saya faham bahawa program itu dirancang oleh PBT. Saya ingin bertanya Tourism Selangor yang mengaturkan logistiknya tempahan hotel dan sebagainya. Saya ingin bertanya sebab saya difahamkan ada di antara lawatan-lawatan ini hotel yang ditempah hotel yang mewah lima bintang dan sebagainya. Saya rasa mungkin bagi lawatan dua tiga hari tak payah duduk di hotel lima bintang. Tak payah duduk di presidential suite. Saya ingin bertanya apakah kriteria penempahan hotel, tiga *star* ke, empat *star* pun boleh ke macam mana?

**YB PUAN ELIZABETH WANG KEAT PING:** Ini merupakan isu *budgeting* di peringkat PBT. Jadi kalau PBT mereka hendak memohon bahawa Ahli-ahli Majlis kalau pergi ke Singapura sebagai contohnya ingin duduk di hotel bintang tiga atau *three star hotel* dengan izin kita boleh uruskan. Tourism Selangor memang profesional kita bagi semua pakej yang dipohon dan ini terserah kepada pihak PBT untuk memilih apa pakej yang dikehendaki atau dipohon.

Dan soalan yang kita dengar dari Taman Templer tadi tentang Orang Asli saya ingin menjawab di Negeri Selangor terdapat hampir 15,000 Orang Asli kebanyakannya dari masyarakat Temuan, lepas itu diikuti oleh Mahmeri dan di negeri Selangor kita ada orang Semai juga. Orang asli Semai dekat sempadan Sungai Slim. Di Negeri Selangor kita ada 76 buah kampung daripada 7 daerah di mana masyarakat orang asli ditempatkan. 8 kampung di daerah Gombak, 4 kampung di Petaling, 9 kampung di Hulu Langat, 17 kampung di Hulu Selangor, 18 Kampung di Kuala Langat, 2 kampung di daerah Klang, dan 18 kampung di Sepang. Saya memang bersetuju dengan Yang Berhormat Taman Templer bahawa pembangunan yang kita idam ataupun masyarakat orang asli menghayati belum sampai ke tahap perkampungan Orang Asli. Pada minggu yang lepas saya memulakan lawatan kerja saya yang pertama di negeri Selangor iaitu di kampung orang asli Pulau Banting. Apabila kita tiba di sana dengan semua agensi berkenaan termasuk TAWAS dari Majlis Daerah Kuala Langat, SYABAS satu *team medical* dan Jabatan Kebajikan Masyarakat kita juga terperanjat bila kita mengetahui bahawa kebanyakan kemudahan negeri Selangor dari dulu sampai sekarang memang belum sampai ke tahap *grassroots* akar umbi. Jadi ini merupakan satu pembelajaran yang amat penting kepada semua bahawa kalau kita ingin mendekati dan menolong dan membantu masyarakat orang asli kita mesti turun ke padang jadi pada bulan yang akan datang satu *team* kita dengan agensi-agensi dan juga Pejabat Daerah, Majlis Daerah dan sebagainya akan turun ke Kampung yang kedua. Satu kita harap kita boleh membawa kemudahan-kemudahan yang sedia ada kepada mereka. Kemudahan seperti yang ditawarkan oleh Kerajaan Negeri Selangor sekarang dan juga Lembaga Zakat Selangor, Jabatan Kebajikan Selangor dan sebagainya dan saya juga ingin maklum bahawa EXCO Pembangunan Luar Bandar dapat satu bajet khas untuk membangunkan Masyarakat Orang Asli. Tapi apa yang kita sedang buat iaitu Badan Bertindak Orang Asli di bawah naungan Kerajaan Negeri Selangor adalah khususnya untuk menyelesaikan masalah tanah pusaka tanah warisan orang asli. Jadi Badan Bertindak Tanah Orang Asli atau BBTOS kita telah bermula kerja 3 bulan yang lalu dan pada akhir bulan ini kami harap kami boleh memberi menghabiskan atau menyempurnakan satu laporan untuk EXCO di mana ada beberapa kawasan atau warisan tapak tanah pusaka orang asli boleh dikenal pasti dan melalui proses tersebut kita boleh merizabkan tanah-tanah orang asli. Saya memang tidak bersetuju Taman Templer apabila Taman Templer mengatakan pembangunan itu diabaikan kita hanya asyik-asyik nak merizabkan tanah orang asli. Saya rasa tanah untuk Masyarakat Orang Asli adalah amat penting seperti rizab Melayu tanah rizab Melayu. Isu rizab Orang Asli tidak boleh digadaikan ataupun dengan izin *exchange* dengan janji-janji pembangunan. Apabila kita boleh



menyelesaikan masalah rizab Masyarakat Orang Asli Masyarakat lepas itu mereka akan ada *confidence* kepada Kerajaan Negeri dan juga agensi-agensi yang berkenaan untuk membantu mereka tetapi kalau kita tidak boleh menyelesaikan masalah tanah orang asli yang lain pun tidak boleh ikuti dengan itu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua.

**TUAN SPEAKER:** Pandamaran, Pandamaran. Ya sila Cempaka.

**YB TUAN ISKANDAR BIN A. SAMAD:** Terima kasih. Tuan Speaker, beberapa perkara telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian yang perlu saya jelaskan yang pertama adalah tentang struktur penstrukturan semula Suruhanjaya Bangunan Selangor atau pun COB. Ada dua cadangan yang telah kita bentangkan kepada EXCO dan juga kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat Sekalian Pihak Berkuasa Tempatan dan Pertubuhan-pertubuhan Bukan Kerajaan Tempatan kita telah mendapat maklum balas daripada mereka dan maklum balas ini akan dibincangkan dalam satu *focus group* untuk kita mencari satu penyelesaian. Apakah cara yang terbaik untuk kita menyelesaikan masalah perumahan bertingkat dan EXCO akan membuat keputusan tak lama lagi sama ada kita menggunakan cadangan untuk memusatkan COB di Shah Alam atau kita mengukuhkan COB di peringkat PBT. Kedua-duanya memerlukan kos tambahan walau bagaimanapun ia merupakan suatu pengorbanan yang terpaksa kita lakukan untuk menyelesaikan masalah penduduk yang tinggal di perumahan bertingkat. Kalau Yang Berhormat Sekalian mengingatkan bahawa pada sidang yang lepas bahawa janji kita supaya penstrukturan semula atau pun struktur yang baru ini dikuatkuasakan pada 1.1.2010. Perkara yang dibangkitkan adalah tentang cadangan Negeri untuk membeli kuota bumiputera yang tidak dapat dijual oleh pemaju. Cadangan ini telah banyak kali dibincangkan di peringkat EXCO dan sedang dikaji oleh Lembaga Perumahan Hartanah Negeri Selangor ianya bertujuan supaya pemaju-pemaju tidak dibebankan dengan stok-stok perumahan yang tidak dapat dijual tetapi sepertimana yang diucapkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa fokus adalah tentunya ditumpukan kepada rakyat yang tidak berkemampuan. Sepertimana yang diberitahu pada sidang yang lepas ada disentuh tadi tentang rumah mampu milik sememangnya kita sedang dalam merangka untuk membina rumah mampu milik perumahan milik sebab sebagai satu *prototype* untuk dijadikan sebagai contoh diikuti oleh Syarikat-syarikat Pemaju yang lain. Ada dua Syarikat yang terlibat iaitu PKNS, satu tapak di Bangi, Puchong dan Sg. Buloh dan satu lagi adalah TPPT di Rawang. PKNS telah mengemukakan beberapa cadangan tetapi saya masih belum berpuas hati dengan cadangan tersebut dan kita perlu *refinement* lagilah dengan izin TPPT telah pun diarah.....

**YB TUAN LAU WENG SAN:** Tuan Speaker, minta penjelasan, minta penjelasan. Agaknya bila kita tak nampak pelancaran modal rumah mampu diri kita tunggu satu tahun dua tahun.

**YB TUAN ISKANDAR BIN A. SAMAD:** Kita *go to site* 1<sup>st</sup> May, 2010, sebab kita nak hantar *planning permissim* sebelum itu.

**YB TUAN LAU WENG SAN:** 1<sup>st</sup> May, ok, bagus.

**YB TUAN ISKANDAR BIN A. SAMAD:** PKNS telah mengemukakan beberapa cadangan tetapi saya masih tidak berpuas hati perlu *refinement* sedikit dan TPPT telah pun diarahkan untuk sebuah projek mereka dimasukkan dengan rumah-rumah mampu milik.

Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian, Batang Kali telah membangkitkan isu memperbaiki kerosakan bumbung budi di rumah kos rendah di Bukit Sentosa, Hulu Selangor. Kalau kita lihat bahawa di dalam Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan No. 1/2009 sebanyak RM490,000 telah diperuntukkan untuk memperbaiki kerja-kerja tersebut. Di mana kita

berharap dengan Dana ini dan pulangan dari unit-unit yang akan diserahkan oleh para pemaju kerja-kerja membaik pulih akan dijalankan dan status sekarang akan di tender bila-bila masa dan saya diberitahu oleh pihak JKR sebelum Dewan ini bahawa mereka telah sudah bersedia untuk di tender dan kemungkinan telah di tender. Kota Damansara telah membangkitkan tentang sewa PBR kelayakan untuk membayar sewa adalah RM124 sebulan. Ada yang bagi mereka mempunyai pendapatan yang kurang dari RM1,500 mungkin masalahnya adalah jumlah keluarga yang menjadi *dispute* dengan izin walau bagaimanapun Insya-Allah saya akan menyusulkan dengan YAB Menteri Besar agar sewaan RM124 ini sebulan dibayar oleh semua yang berpendapatan kurang dari RM2,500 sebulan tidak kira bilangan keluarga mereka. Telah dibangkitkan oleh Subang Jaya tentang *gated and guarded* komuniti panduannya telah diedarkan kepada PBT dan telah diedarkan kepada EXCO jadi tidak benar, tidak benarlah menyatakan PBT tidak tahu ada panduan dan panduan itu telah dihasilkan semasa Kerajaan yang lepas dari perbincangan bersama pelbagai pihak seperti pemaju jadi mungkin disebabkan perubahan masa kita akan mengadakan satu lagi perbincangan daripada Pihak-pihak yang berkepentingan atau pun dari pemaju atau Persatuan Penduduk untuk mendapatkan input-input baru. Taman Templer telah membangkitkan kes setingga botak. Kerajaan tidak akan merampas tanah mereka. Mereka yang layak tidak seharusnya bimbang, tanah itu milik mereka. Mereka sudah dapat surat hak milik. PKNS hanya....

**YB TUAN LAU WENG SAN:** Tuan Speaker, minta penjelasan, maaf balik kepada *gated and guarded* komuniti. Saya masih ingat bahawa saya pernah hantar satu draf Rang Undang-undang yang ... oleh penduduk untuk pertimbangan EXCO. EXCO juga ada bercadang untuk selain untuk satu *guideline* bercadang untuk *Enactment gated and guarded* komuniti di Negeri Selangor untuk menyeragamkan hal ehwal perumahan *gated and guarded* komuniti ini.

**YB TUAN ISKANDAR BIN A. SAMAD:** Ok, terima kasih. Kita akan panggil semua dengan Enakmen dan dengan cadangan Enakmen Persatuan Penduduk dan juga cadangan daripada Input pihak-pihak lain macam mana kita nak *merge* sama ada ianya merupakan suatu garis panduan dari PBT atau satu Enakmen kita akan lakukannya. Tentang Bukit Botak tadi bahawa tanah itu milik mereka, mereka ada surat hak milik. PKNS hanya mengeluarkan tawaran untuk membina rumah tersebut dengan harga RM80,000. PKNS tak boleh masuk PKNS sudah tidak ada *locus standi* dengan izin untuk masuk tapak. Tanah itu milik mereka tidak ada sebab yang boleh dikatakan bahawa Kerajaan akan merampas kita akan membuat siasatan tentang sebarang penyelewengan yang berlaku sebelum ini. Tanah milik penduduk ingin saya terangkan di sini.

**TUAN SPEAKER:** Ya, silakan.

**YB TUAN LIU TIAN KHIEW:** Tuan Speaker, saya mengucapkan terima kasih kepada semua Yang Berhormat-Yang Berhormat yang membangkitkan isu mengenai PBT. Tuan Speaker, Yang Berhormat Kampung Tunku menyentuh konsep bandar selamat di PPBT, konsep Bandar selamat ini sememangnya telah dilaksanakan oleh PBT. Jawatankuasa Khas yang melibatkan pegawai telah pun ditubuhkan oleh setiap PBT bagi memantau pelaksanaan program-program Bandar selama ini dan ianya masih berjalan. Saya menyambut cadangan baik YB Kampung Tunku supaya PBT menubuhkan Jawatankuasa Bandar selama ini dan ianya akan dibincangkan secara terperinci dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan bagi memutuskan bidang tugas Jawatankuasa tersebut. Tuan Speaker, Yang Berhormat Bukit Antarabangsa menyentuh perkara pelantikan Ahli Majlis PBT untuk makluman setakat ini Kerajaan Negeri telah mengesahkan pelantikan Ahli Majlis PBT seramai 222 orang. Majlis angkat sumpah menerima catatan telah pun dijalankan oleh sebahagian besar PBT pada minggu ini dan sebahagiannya akan dijalankan pada minggu hadapan. Pelantikan secara

berperingkat ini dilakukan bagi membolehkan Kerajaan Negeri meneliti secara mendalam setiap calon yang dilantik bagi memastikan setiap Ahli Majlis benar-benar akan mendapat menjalankan tugas mereka sebagaimana yang diharapkan oleh Kerajaan Negeri.

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat, Teratai nak meminta.

**YB PUAN LEE YING HA:** Minta laluan.

**YB TUAN LIU TIAN KHIEW:** Kejap ya,

**YB PUAN LEE YING HA:** Ya.

**YB TUAN LIU TIAN KHIEW:** Proses ya....

**TUAN SPEAKER:** Berniaga tidak dibenarkan. Tidak dibenarkan.

**YB TUAN LIU TIAN KHIEW:** Sekejap ya. Proses .... Sedang dilakukan dengan giat dan Ahli Majlis ini akan dimuktamadkan dalam tempoh yang terdekat ini dan kemudiannya akan dilantik di PBT masing-masing. Ahli Majlis yang baru dilantik ini akan diwajibkan mengikuti kursus khas yang akan dijalankan di Institut Latihan PBT bagi memberi pendedahan kepada tugas-tugas mereka serta pendedahan kepada dasar-dasar Kerajaan Negeri. Kita akan merangka satu modul kursus supaya semua Ahli Majlis yang menghadiri kursus tersebut yang akan benar-benar memahami hasrat dan aspirasi Kerajaan untuk mentadbir sebuah PBT selari dengan dasar Kerajaan Negeri dan peranan Ahli Majlis memang sentiasa disentuh. Bagi pendapat saya, saya rasa peranan Ahli Majlis ialah bekerjasama dengan ADUN dan juga Wakil Rakyat Ahli Parlimen bukan di bawah. Jadi maksud saya semua Ahli Majlis kena bekerjasama dengan ADUN dan juga Ahli Parlimen supaya mengujudkan satu PBT yang berkesan. Untuk isu kutipan cukai taksiran.

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat, Teratai minta.

**YB PUAN LEE YING HA:** Terima kasih Yang Berhormat cuma saya nak sentuh sedikit tanya isu mengenai pilihan Ahli Majlis. Adakah Yang Berhormat bersedia supaya menghantarkan senarai lama kepada Jawatankuasa pilihan Dewan ini untuk JKKPBT supaya kita boleh mengadakan satu temu perjumpaan dengan calon-calon Ahli Majlis sebelum ianya dilantik sebab Jawatankuasa ini ditubuhkan oleh Dewan yang merupakan satu Jawatankuasa yang memantau apa kelakuan bukan kelakuan maaf pihak-pihak kerajaan supaya menambah baikkan pelantikan Ahli Majlis.

**YB TUAN LIU TIAN KHIEW:** Terima kasih Teratai, untuk makluman Dewan yang mulia ini memanglah kita sedar ada satu cadangan Jawatankuasa Khas untuk memainkan peranan ini dan kita telah mencadangkan selepas pelantikan semua Ahli Majlis selepas mereka telah mengambil tempat masing-masing senarai mereka yang akan diberikan kepada Jawatankuasa itu supaya Jawatankuasa itu dapat memberikan nasihat dan sebagainya supaya mereka menjadikan Ahli Majlis yang berkesan.

**YB PUAN LEE YING HA:** Soalan saya ialah maaf minta laluan. Soalan saya ialah kalau dia sudah dilantik jadi tidak bermakna dia dirujuk kepada Jawatankuasa tersebut. Sebenarnya dia hendaklah ditemu janji oleh Jawatankuasa PBT lepas baru dilantik saya rasa cara ini lebih profesional sebab kalau ada usul-usul ada elemen yang tidak sesuai kita boleh tolak atau pun kita boleh komen dengan calon tersebut.

**YB TUAN LIU TIAN KHIEW:** Tuan Speaker, soalan Teratai akan dikajilah. Mengenai isu kutipan cukai taksiran.

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat, Bukit Antarabangsa minta laluan.

**YB TUAN LIU TIAN KHIEW:** Ok.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI:** Tuan Speaker dan juga Yang Berhormat EXCO. Ada 2 perkara yang saya nak bangkitkan. Kalau ikut kefahaman saya, saya bukan EXCO lah, tapi mengikut pemahaman saya, tempoh pelantikan ahli majlis ini ada lah 2 tahun...ya. Tahun yang pertama diletak di bawah tempoh '*proportional period*' dan kemudian kalau ada kes-kes tertentu, kita akan teliti semula tetapi yang lainnya akan diteruskan perkhidmatan mereka sehinggalah tahun depan. Maka, maksud saya di sini ialah rombak secara besar-besaran hanya akan berlaku pada tahun depan. Bukan sekarang. Tu yang pertama. Yang kedua, Yang Berhormat EXCO memberikan jawapan tadi ianya dibuat secara berperingkat kerana sebahagian itu sedang diteliti supaya pemilihan itu lebih tepat dan dipilih di kalangan individu yang mampu memberikan perkhidmatan yang terbaik. Kalau tanya saya, proses ini mesti berlaku sebelum 30 Jun, bukan selepas 30 Jun. Itu kalau saya EXCO. Maknanya 2 bulan sebelum tempoh itu tamat, saya akan mengadakan proses *consultation* dengan pimpinan di peringkat negeri dan juga bahagian, dua bulan sebelum itu, maka bila tamat tempoh 30 Jun, maka kita ada keperluan sama ada nak pinda atau tidak. Kalau tidak, 30 Jun baru nak teliti, baru nak proses, letak syarat baru, syarat pula bertukar setiap hari, maka inilah berlaku, majlis angkat sumpah berperingkat-peringkat. Dan saya kira ini kurang manis dilihat di mata umum. Hari ini angkat sumpah 10 orang, besok 5 orang, apakah ini menunjukkan satu teladan yang baik bagi kepimpinan Yang Berhormat EXCO. Terima kasih.

**YB TUAN LIU TIAN KHIEW:** Terima kasih Tuan Speaker. Eh... saya rasa Bukit Antarabangsa ada salah faham sikit lah. Mengenai tempoh perkhidmatan. Sebenarnya sejak kita mengambil alih, tahun yang lalu, kita telah menetapkan ataupun kita telah menukarkan tempoh perkhidmatan dari 2 tahun, jadi 1 tahun sahaja. Jadi bermakna pada 30 Jun itu, maksudnya semua perkhidmatan ditamatkan pada hari itu. Itu satu penjelasanlah.. Saya memang mengaku apa yang berlaku sekarang ini, telah sedikit sebanyak mengujudkan satu kekeliruan lah... di ...di... depan mata orang awam dan sebagainya. Jadi kita telah dan akan mengambil tindakan yang sewajarnya supaya mengelakkan lah apa yang berlaku kali ini. Sebenarnya Exco saya, ataupun pejabat saya telah mengambil langkah-langkah tertentu, termasuk *assessment*, termasuk perbincangan di antara ahli majlis dan juga ahli parlimen ... aa. Kawasan tertentu mengenai prestasi ahli majlis dan sebagainya, tetapi apa yang berlaku luar jangkaan saya dan saya akan membuat cadangan supaya perkara yang ...yang berlaku hari ni, tidak akan berlaku tahun depan. Balik pada isu kutipan cukai tafsiran. Jumlah kutipan cukai tafsiran semasa semua PBT negeri Selangor bagi tahun 2008 adalah berjumlah 789juta 69 belas 60 78 ringgit. Iaitu *eighty nine.four percent* (dengan izin) 89.4%, daripada jumlah cukai yang perlu dikutip oleh setiap PBT. Manakala jumlah kutipan cukai tafsiran bagi setengah tahun pertama sehingga Jun 2009 adalah 411juta 8ratus 981, 755. Jika dibandingkan prestasi kutipan cukai tafsiran untuk setengah tahun 2008 dan setengah tahun 2009, secara keseluruhannya prestasi kutipan pada 2008 mencapai 88.7% dan tahun 2007, aa...9 sorry, mencapai 89.7%. Jumlah kutipan cukai tafsiran dalam tempoh setengah tahun 2008 adalah 394juta 163 804. manakala kutipan setengah tahun 2009 adalah 411juta. Oleh itu dapat dilihat di sini, dari segi peratusan dan juga jumlah kutipan 2009 masih dalam keadaan sihat. Malah menunjukkan sedikit peningkatan berbanding dengan tahun-tahun sebelumnya. Untuk kutipan cukai tafsiran penggal kedua tahun 2009, semua PBT masih dalam peringkat kutipan di mana notis telah pun

dikeluarkan kepada pemilik pegangan untuk membayar cukai mereka. Dan butir-butir saya akan disampaikan ....aaa..saya akan menyampaikan kepada semua surat khabarlah. Untuk supaya semua orang boleh meneliti...ee..keseluruhan kutipan cukai tahun 2009.

**TUAN SPEAKER:** Sampaikan kepada ahli-ahli Yang Berhormat dulu. Sebelum sampaikan kepada media.

**YB TUAN LIU TIAN KHIEW:** Ok. Boleh tidak ada masalah..

**TUAN SPEAKER :** Bukan tidak ada masalah..itu memang sepatutnya.

**YB TUAN LIU TIAN KHIEW:** Ok, Tuan Speaker...ada..eeh... ada Yang Berhormat menyentuh...menyentuhi kemajuan pelaksanaan agenda 21 Selangor. Untuk makluman JPBD negeri Selangor bertanggungjawab melaksana, menyelaraskan kemajuan program agenda 21 Selangor ataupun LA21 PBT. Status kemajuan pelaksanaan agenda 21 Selangor akan dilaporkan di dalam mesyuarat jawatankuasa perancang negeri pada setiap tahun. Jadi pelaksanaan agenda 21 telah dilaksanakan melalui majlis pelancaran serentak yang telah diadakan pada 22 Februari 2006. Setiap PBT telah membentuk pelan tindakan, tindakan (*sorry*) LA21 yang bersesuaian dengan isu, masalah dan kehendak masyarakat di kawasan pentadbiran masing-masing. Berbagai program telah dirancang dan di laksana ke arah mencapai matlamat pelan tindakan yang diwujudkan. Berdasarkan kepada aktiviti program yang dijalankan, setiap PBT perlu meningkatkan bilangan aktiviti ataupun program, terutamanya di dalam pelan tindakan ekonomi bagi memantapkan lagi pelaksanaan LA21 di kawasan pentadbiran masing-masing. Setiap PBT juga telah mengambil inisiatif, mengadakan bengkel LA21 bagi meningkatkan lagi kefahaman di kalangan masyarakat setempat seterusnya membentuk pelan pelaksanaan di dalam menjayakan LA21 PBT. Majlis Bandaraya PJ (Petaling Jaya) telah mengadakan beberapa seri bengkel sejak tahun 2000, lagi memandangkan ia telah dipilih sebagai projek perintis bagi Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan manakala 11 PBT lagi pula melaksanakan seri bengkel seminar LA21 pada tahun 2006 sehingga kini. Tuan Speaker, Yang Berhormat Subang Jaya menyentuhi, banyak perkara, di antaranya Taman Subang Ria. Untuk makluman dewan yang mulia ini, status tanah Subang Ria adalah taman rekreasi dengan bangunan berkaitan dengannya. Jadi MPSJ telah merujuk perkara ini kepada SPC dan Perancang Negeri pada 21hb. April tahun ini dan aa... untuk makluman juga, keluasan tanah itu adalah 72 ekar. Cadangan yang sedia ada sekarang ini , yang belum mendapat kelulusan ya..cadangan..dibangunkan 19 ekar sahaja. Yang pada dasarnya dipersetujui oleh Jawatankuasa Perancang Negeri lah. Bakinya iaitu seluas 53 ekar itu dimajukan sebagai taman rekreasi, dan akan diserap kepada MPSJ. Bagaimana pun kerajaan negeri akan mengambil pendekatan ataupun satu prinsip bahawa kita akan mempertahankan , aa...kepentingan rakyat setempat, tetapi pada masa yang sama, kita tidak akan menjejaskan hak pemilik tanah dan juga tidak menjejaskan kepentingan kerajaan. Untuk tanah telekom di USJ 6 itu, untuk makluman TM Telekom Malaysia telah membuat...aaa...permohonan...jadi permohonan itu, tidak lengkap. Jadi MPSJ telah menolak permohonan ini. Lepas tu, TM membuat iaitu Telekom Malaysia ya...membuat rayuan kepada aa...membuat rayuan pecah sempadan. Jadi MPSJ telah menolak juga kerana tidak lengkap. Tetapi pada tahun 2006, permohonan ni dikembalikan semula oleh pemaju. Dia menyatakan tujuan untuk pembangunan dalam MPSJ memproses perumahan ini...aaa...permohonan ini. Jadi MPSJ merujuk permohonan ini kepada Jawatankuasa Perancang Negeri pada tahun 2008. Pada 8hb. Julai , *sorry* pada 8 Jun 09, permohonan ini telah disebut di peringkat lembaga rayuan, di atas, di atas...aa... permintaan penduduk...bantahan penduduk. Jadi permohonan ni dijadualkan pada 22hb. Oktober tahun ini.

**YB PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN:** Minta penjelasan.

**YB TUAN LIU TIAN KHIEW:** Ya...

**YB PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN:** Yang Berhormat EXCO, apa maksud permohonan tidak lengkap, sila jelaskan, kerana ini fakta baru yang saya terima sidang dewan ini sekarang. Aaa...saya tidak pernah diberitahu oleh MPSJ permohonan 2005 dan 2006 tidak lengkap, ini *revolution* yang baru. Apa maksud tidak lengkap.

**YB TUAN LIU TIAN KHIEW:** Tuan Speaker, aaa...permohonan tidak lengkap ini, saya tidak ada butir-butir yang, yang teliti dan saya akan memberi jawapan kepada Yang Berhormat selepas mendapatkan aa...jawapan yang dengan semua butir-butir nanti daripada Yang Dipertua MPSJ nanti.

**YB PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN:** Minta penjelasan Tuan Speaker. Yang Berhormat EXCO, kes ini, maklumat telah kita semua berikan kepada barisan EXCO semasa mesyuarat MTES. Pada tahun 2005, 30 November 2005, MPSJ telah menolak permohonan dan menyatakan tanah tersebut hendaklah dikekalkan sebagai rizab kegunaan Telekom Malaysia Berhad saja. Tahun 2006, pun rayuan ditolak. Saya tak nampak, apa-apa yang menyatakan...apa-apa maklumat yang menyatakan bahawa permohonan mereka tidak lengkap. Jadi saya nak tanya, bagaimana Yang Berhormat EXCO, aaa...tak ada maklumat lengkap aaa...sebelum menjawab ...aaaa....soalan ini.

**YB TUAN LIU TIAN KHIEW:** Aaa...Tuan Speaker, Yang Berhormat Subang Jaya, saya difahamkan Telekom Malaysia ini, memanglah tapak itu pada masa pembangunan, merupakan tapak utiliti publik ataupun kemudahan awam tetapi pada satu ketika, apabila Telekom Malaysia diswastakan dan kita tidak, kita pun tidak memahami apa yang berlaku pada masa itu tetapi *title* untuk tanah tapak itu telah dijadikan untuk perniagaan komersial, jadi saya rasa contoh ini bukan merupakan satu contoh yang tunggal, saya rasa, saya kluatir banyak lagi contoh-contoh ini apabila penswastakan diadakan mungkin banyak tapak tanah yang di yang asalnya untuk utiliti publik ataupun kemudahan awam telah menjadi *title* perniagaan. Jadi Kerajaan Negeri sedang mengkaji ini, Perancang pun sedang mengkaji ini. Apabila saya tidak dapat memberi butir-butir itu, oleh kerana apa yang mendapat saya memberitahu Ahli Yang Berhormat lah. Jadi, saya telah, saya akan setuju, saya pun telah bersetuju apabila sebaik sahaja ada itu butir-butir saya akan bagi saudara Yang Berhormat sebab saya pun memahami sekarang penduduk di kawasan Subang Jaya mereka tidak faham, mereka tidak dapat maklumat yang meneliti jadi harus lah kita mengumpulkan semua butir-butir supaya kita boleh sampaikan kepada Ahli Yang Berhormat supaya Ahli Yang Berhormat boleh memberi penjelasan yang lebih baiklah kepada penduduk-penduduk setempat. Jadi itu cara yang lebih baik saya rasa.

**YB PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN:** Minta penjelasan Tuan Speaker, setuju kah dengan saya YB. EXCO bahawa semasa kita sedang dalam proses meneliti, membuat kajian semula lagi kebenaran merancang tidak harus diberi dan harus ditarik balik kalau kita masih membuat kajian kerana kes ini akan membawa impak yang serius kepada seluruh Kerajaan Negeri Selangor. Semua tanah Telekom akan terjejas kerana kes ini. Jadi kalau kita masih nak kaji tarik balik lah kebenaran merancang, setuju ke YB EXCO.

**YB TUAN LIU TIAN KHIEW:** Tuan Speaker, oleh kerana kes ini telah disampaikan di Lembaga Rayuan jadi Jawatankuasa Perancang Negeri pun telah membuat keputusan, kita nak, kita mahu menunggu keputusan daripada Lembaga Rayuan sebelum kita mengambil langkah yang sedemikian. Terima kasih. Ada lagi. Tak de. Jadi

**YB PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN:** Ini ada lagi tapi tak pe. (Ketawa).

**YB TUAN LIU TIAN KHIEW:** Mengenai isu CCTV yang dalam kajian, saya mengaku oleh kerana projek CCTV ini melibatkan kos yang amat tinggi sebab itu dan juga syarikat yang tertentu itu telah bekerjasama dengan jawatankuasa yang ditubuhkan oleh EXCO jadi kajian ini melibatkan masa yang panjang luar jangkaan saya tetapi bagaimanapun saya difahamkan dan laporan yang akhir ini telah disampaikan dan telah dikaji tidak lama lagi. Saya harap Kerajaan Negeri akan membuat keputusan mengenai projek CCTV yang agak sensitif itu dan untuk soalan daripada Rawang mengenai apa kah langkah-langkah PBT untuk menambah pendapatannya bagi saya, kami telah membuat kajian terhadap beberapa garis panduan seperti garis panduan mengenai iklan luaran dan juga garis panduan mengenai industri burung walid. Saya rasa dengan garis panduan yang baru kita boleh, kita ada peluang menambah pendapatan untuk PBT masing-masing misalnya garis panduan untuk *billboard* ataupun iklan luaran kita akan menetapkan sebanyak 25%, 25 *percent* daripada pendapatan kasar itu akan dibayar kepada PBT masing-masing. Dengan cara ni kita dapat menambah pendapatan PBT masing-masing dan kita juga akan mengadakan garis panduan yang lengkap untuk industri burung walid sekarang ini kita tidak dapat apa-apa faedah ataupun pendapatan daripada pengusaha kerana garis panduan yang sedia ada itu tidak lengkap. Jadi adalah tanggungjawab PBT lah mengadakan garis panduan yang baru supaya kita juga dapat, boleh mendapat keuntungan daripada satu industri yang dikatakan mempunyai potensi yang agak tinggi. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Ya silakan, Batu Tiga.

**YB PUAN RODZIAH BT. ISMAIL:** Tuan Speaker, saya ingin menjawab beberapa soalan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat. Terutamanya saya ingin menjawab soalan daripada Sungai Panjang yang saya hairan kerana Sungai Panjang dengan mudahnya menuduh Kerajaan Sekarang membuat andaian sedangkan bagi saya Sungai Panjang sendiri bercakap dengan nada di dalam Dewan yang mulia ini tanpa membuat *home work* ataupun kerja rumah dulu dan bercakap tanpa mempunyai fakta. Tentang isu yang ditimbulkan tentang dakwaan Sungai Panjang berkenaan dengan Frozen Teks Sdn. Bhd. itu satu anak syarikat yang telah menawarkan perkhidmatan jalur lebar tanpa wayar ataupun wayarles di negeri Selangor ini. Dakwaan Sungai Panjang yang mengatakan bahawa syarikat berikut adalah syarikat yang modalnya hanya RM2.00. Syarikat tersebut tidak bayar apa-apa kepada Kerajaan, tidak ada lesen daripada SKMM ataupun Suruhan Jaya Telekomunikasi Multimedia dan juga mendapat konsesi sebanyak 20 tahun kepada Kerajaan. Ingin saya perelaskan di sini bahawa saya tak tahulah macam mana Sungai Panjang mendapat maklumat-maklumat di atas tetapi setelah mendengar ungkapan daripada Sungai Panjang saya yakin Sungai Panjang adalah individu yang gemar bercakap tanpa usul periksa dan lebih memuahkan bila Sungai Panjang ingin menunjukkan soalan-soalan hero dalam memberikan informasi-informasi yang sebenarnya akhirnya menunjukkan kedangkalan Sungai Panjang dalam memberikan informasi-informasi tersebut. Saya pertegaskan di sini, jangan gunakan Dewan ini untuk mengelirukan fakta kepada rakyat. Izinkan saya memperjelaskan yang Tuan Speaker, syarikat berkenaan adalah syarikat yang mempunyai modal berbayar sebanyak RM600,000.00 dan modal yang dibenarkan sebanyak RM1 juta dan saya juga tidak mungkin menjalinkan usaha sama jika kekuatan syarikat tersebut baik di sudut kewangan dan profesionalismenya tidak ada. Tetapi saya juga ingin menjelaskan di sini bahawa ada beberapa ataupun telah berlaku di mana syarikat RM2.00 telah diberikan satu tender oleh Kerajaan Barisan Nasional yang lepas yang bukan sahaja syarikat itu RM2.00 tetapi syarikat itu adalah syarikat yang pada asasnya job skop ataupun ruang kerjanya adalah membekalkan khemah tetapi boleh mendapat satu projek

yang berkaitan dengan ICT sebanyak jutaan ringgit. Jadi bagi saya bukan itu sahaja, syarikat itu sampai sekarang gagal untuk menyiapkan tender yang telah diberikan. Jadi itulah, saya ingin pertegaskan bahawa syarikat yang kita usaha sama ini adalah satu syarikat yang sebenarnya sumber kekuatannya boleh dibanggakan.

**YB PUAN GAN PEI NEI:** Tuan Speaker, minta penjelasan. Saya nak bertanya dengan YB. EXCO mengenai syarikat RM2.00 yang sebelum ini dilantik oleh Kerajaan Barisan Nasional tetapi gagal melaksanakan tugas setelah tender diberi. Apakah tindakan yang telah diambil terhadap syarikat ini?

**YB PUAN RODZIAH BT. ISMAIL:** Untuk makluman YB. Rawang, perkara ini telah diteliti dan sebenarnya kita menyatakan bahawa syarikat ini perlu menyiapkan, jika tidak juga kita bagi tempoh kegagalan berlaku dalam masa tempoh terdekat ini kita akan mendakwa pihak tersebut dan kita bukan sahaja mendakwa pihak tersebut, kita mendakwa kesemua yang terlibat dalam memberikan tender itu.

Tentang soalan kedua, iaitu syarikat tersebut tidak akan membayar apa-apa kepada Kerajaan Negeri ingin saya maklumkan di sini sebenarnya Kerajaan yang tidak akan membayar sebarang kos kepada syarikat tersebut ataupun juga tidak akan terlibat dalam apa-apa risiko yang ditanggung oleh syarikat tersebut tetapi syarikat tersebut perlu membayar caj sewaan dan caj bayaran utiliti mengikut kadar semasa yang ditentukan oleh pihak berkenaan iaitu pihak yang ia berurusan sama ada PBT ataupun TNB dan lain-lain. Malah ingin saya pertegaskan di sini dengan teknologi baru dan kesudian syarikat ini untuk menyediakan perkhidmatan ini sebenarnya syarikat ini telah pun membawa pelaburan sebanyak RM2.14 bilion kepada Negeri Selangor selama tempoh 5 tahun akan datang tetapi saya kasihanlah maknanya, alhamdulillah kalau kita tengok di sini dengan satu kepercayaan daripada pihak-pihak syarikat kepada Kerajaan Negeri Selangor mereka datang dan sendiri menawarkan perkhidmatan tidak seperti yang dijelaskan oleh Sungai Panjang semalam, beliau menyatakan bahawa untuk mendapatkan pelaburan beliau terpaksa mencari rumah pemilik Q-sel di luar negara untuk menuntut pelaburan sebanyak RM3 bilion. Jadi saya rasa satu benda yang memang mendangkalkan.

Tentang isu yang ketiga, isu tidak ada lesen daripada SKMM ingin saya jelaskan di sini ada garis panduan yang ditetapkan sama ada oleh *International Telecommunication Union* dengan izin juga oleh SKMM. Pertama, untuk infrastruktur yang berbentuk back bone ITU ataupun *International Telecommunication Union* telah menjelaskan jika ianya hanya membawa 5.8 gigahertz spektrum jadinya ianya tidak perlu *license* daripada SKMM. Begitu juga untuk *last mile*. *Last mile* ni lepas *back bone* dia ada *second mile*, *last mile* jadi *last mile* itu juga jika ianya hanya 2.4 gigahertz maka juga tidak perlu *license* daripada SKMM. Jadi isu *license* ini tidak timbul. Ya tidak timbul jadi saya rasa kena perkara ini inilah yang kita katakan bahawa teknologi yang dibawa oleh Frozen Teks ini adalah satu teknologi baru yang dinamakan *highwin*. Teknologi yang mana *high brick* infrastruktur *network* ini sebenarnya gabungan kedua-dua, *wayarles* dan *wimax* dan akhirnya kita akan dapat *free band*. Itu tentang jawapan saya dan yang ke empatnya soalan tentang syarikat tersebut mendapat konsesi sebanyak 20 tahun tidak ada langsung dalam MoU tersebut istilah konsesi tetapi penglibatan Kerajaan Negeri adalah semata-mata sebagai penyokong dan pendokong kepada projek tersebut tetapi tawaran yang diberikan ingin saya jelaskan di sini. Tawaran yang diberikan adalah selepas 15 tahun projek ini ataupun infrastruktur ini disediakan pihak tersebut sudi menyerahkan keseluruhan infrastruktur dan pengurusan *highwin* kepada Kerajaan Negeri Selangor tanpa kos. Itu perjanjiannya dan saya telah jelaskan di dalam Dewan yang mulia ini mudah-mudahan Sungai Panjang dan pihak-pihak yang lain juga mengambil maklum tentang perkara ini.



Bagi menjawab soalan daripada Templer iaitu isu berkebijakan saya rasa definisi kebajikan ini sebenarnya mempunyai tanggungjawab untuk memberi bantuan kepada rakyat. Bukan itu sahaja, malah ia menjadi agenda berkebijakan ini sebenarnya bukanlah agenda yang hanya ingin memberi bantuan tetapi agenda untuk mengutamakan kebajikan tidak semestinya hanya kepada golongan miskin. Maknanya, katanya kalau kita mengusahakan sesuatu perkara sama ada perumahan, sama ada pembangunan dan sebagainya kita mengutamakan kebajikan dahulu maknanya tidak termasuk pada orang miskin semata-mata. Jadi agenda berkebijakan itu diutamakan dan bukan agenda keuntungan yang diutamakan. Saya juga setuju dengan pandangan Templer, iaitu kita tidak mahu budaya meminta-minta atau kebergantungan pada Kerajaan ini berlarutan atas itu sebenarnya satu dasar baru yang Insya-Allah saya akan kemukakan kepada mesyuarat MMKN akan datang iaitu kalau istilah Inggerisnya *workfare policy* ataupun bahasa Melayunya dari kebajikan kepada berpendapatan ataupun istilah *from welfare to work* ini akan kita utarakan di mana yang mana sekarang ini kita lihat penerima-penerima daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat baik daripada zakat, daripada Kerajaan Prihatin, daripada mana-mana juga agensi kerajaan dan perseorangan mereka ini diberikan secara yang terasing. Jadi dengan adanya polisi baru ini kita telah pun membuat satu data *centre* untuk mengumpulkan semua, ya mengumpulkan semua penerima-penerima bantuan ini untuk dimasukkan dalam satu data *centre* dan di situ kita akan kenal pasti *profile* penerima bantuan kebajikan ini dan akhirnya kita akan kategorikan mengikut *profile* tersebut. Sebagai contoh, jika mana kita telah kenal pasti kekuatan ataupun apa yang kita boleh bantu dan kita boleh perkasakan mereka yang memberi ataupun diberi kebajikan ini kita akan tawarkan dua perkara sama ada pekerjaan ataupun kita tawarkan usaha-usaha untuk menjadi seorang usahawan. Ya mungkin dalam skil yang kecil terlebih dahulu.

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Ya.

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Boleh saya untuk mendapatkan penerangan berhubung dengan bantuan warga emas khususnya yang telah meninggal yang kita bagi RM2,500 tu kita telah bangkitkan banyak kali dengan memberi bantuan RM2,500 selepas seorang warga emas meninggal sebenarnya kebajikan tidak didapati oleh warga emas itu yang didapati oleh keluarganya. Saya bimbang, ertinya bagi orang-orang tua macam saya ni orang yang layak menerima bantuan tu akan berdoa supaya cepat mati supaya dia dapat duit bantuan RM2,500.00 itu. Saya fikir sepatut diubah, sekurang-kurangnya separuh daripada peruntukan diberi kepada warga emas sebelum dia meninggal, dia dapat menikmati ertinya bantuan itu. Yang separuh lagi untuk urusan kematian dia. Sekarang dia tak dapat satu sen pun. Kata kebajikan untuk warga emas. Dia orang bila mati orang layan dapat. Itu saya fikir kena betul-betul kena di fikir balikkah supaya warga emas itu dapat faedah sebenarnya. Terima kasih.

**YB RODZIAH BINTI ISMAIL:** Terima kasih Bangi. Saya faham tentang keluhan tersebut tetapi ingin saya jelaskan. Bila kita berikan bantuan ataupun kita berikan Skim Mesra Usia Emas ini bukanlah untuk diwarisi sebenarnya. Ia, bukan untuk diwarisi ataupun untuk dinikmati oleh waris-waris. Fasa pertama itu kita berikan RM2,500.00 pada dasarnya adalah untuk membantu, membantu mereka-mereka yang tidak berkemampuan. Kita yakin bahawa warga emas ini adalah warga emas yang pernah memberi perkhidmatannya kepada sama ada Kerajaan ataupun swasta secara langsung ataupun tidak langsung. Jadi kita mahukan masa tempoh pengebumian mereka itu sekurang-kurangnya diberikan penghormatan yang paling baik sebab kita dapati bahawa sebenarnya ada warga emas yang sebenarnya tidak mampu untuk dikebumikan disebabkan tidak ada kewangan. Sebab itu bantuan itu kita berikan dan kita syaratkan seboleh mungkin dibayarkan dalam masa tempoh dua puluh empat jam. Jadi taklah

timbul sebagaimana di kawasan YB Meru, dapat RM1,000.00 hilang seminggu. Sebab dan waris-waris lain pun ingin mengejar beliau untuk mendapatkannya. Tetapi

**YB TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat boleh sambung pada hari Isnin.

**YB RODZIAH BINTI ISMAIL:** Esok?

**YB TUAN SPEAKER:** Isnin.

**YB RODZIAH BINTI ISMAIL:** Boleh, boleh tak ada masalah, boleh. Ia, ia boleh Tuan Speaker.

**YB TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, jam sudah menunjukkan pukul 4.33 maka dengan ini saya menjemput pihak Kerajaan untuk membawa usul.

**YB TUAN LIU TIAN KHIEW:** Yang Berhormat Tuan Speaker, saya ingin membawakan usul di bawah Peraturan 15(3) iaitu Dewan ini ditangguhkan sekarang.

**YB RODZIAH BINTI ISMAIL:** Tuan Speaker, saya menyokong.

**YB TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Di hadapan saya terdapat permohonan untuk membuat ucapan penangguhan daripada Yang Berhormat Kampung Tunku. Oleh itu saya mempersilakan Yang Berhormat Kampung Tunku untuk membuat ucapan penangguhannya. Dipersilakan sepuluh minit.

**YB TUAN LAU WENG SAN:** Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin membawa satu ucapan penangguhan di bawah Peraturan Tetap 16(1) dan ianya berbunyi seperti berikut :

Masalah pembangunan tidak mampan di Seksyen 22, Petaling Jaya telah mendatangkan pelbagai masalah kepada penduduk. Majlis Bandaraya Petaling Jaya, MBPJ di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri yang lepas pada tahun 2004 telah meluluskan pembinaan blok kondominium kos sederhana 233 unit 12 tingkat dengan 3 tingkat tempat letak kereta dan 1 tingkat *sub-basement* tempat letak kereta di sebahagian PT 9, Seksyen 22, Taman Aman oleh Tetuan Seri Aman Development Sdn. Bhd. Sebagai satu skim subsidi bersilang, *cross sub dry* dengan izin untuk menyelesaikan masalah perumahan setinggian di Taman Aman. Rumah pangsa kos rendah Seri Aman telah disiapkan sekitar tahun 2005 dan peneroka-peneroka bandar telah berpindah masuk ke sana pada masa itu juga. Selepas tamat tempoh liabiliti kerosakan, terdapat 100 unit rumah yang mengalami kebocoran dinding yang sehingga sekarang masih belum diperbaiki kerana kos rata pembaikan pulihan rumah ialah sekitar RM10,000.00 setiap satu. Penduduk-penduduk persekitaran dari Jalan SS1/25 dan 22/44 turut terseksa daripada pelbagai masalah berpunca daripada tapak pembinaan kondominium *Paramount View* ini. Pertama sekali penduduk-penduduk mengadu bahawa mereka tidak pernah dimaklumkan tentang projek ini. Kedua, kehidupan mereka terjejas akibat kacau ganggu yang disebabkan oleh projek ini. Amaran demi amaran telah dikeluarkan oleh MBPJ kepada pemaju dan kontraktor kerana bekerja lebih masa sehingga kadang kala sehingga tengah malam. Ketiga, jarak anjakan keselamatan *Paramount View* dari kabel voltan tinggi TNB hanya 20 meter malahan terdapat satu *pilon* besar terletak bersebelahan dengan kondominium ini. Keempat, masalah jalan keluar masuk *Paramount View* yang sehingga sekarang merupakan masalah yang paling merunsingkan. Untuk masalah ini pemaju bercadang menggunakan Jalan SS 1/25 sebagai jalan keluar masuk. Jalan SS 1/25 yang berkelebaran 15 kaki hanya merupakan satu jalan perkhidmatan untuk kawasan perumahan

berkepadatan rendah. Bagi kondominium yang mempunyai kepadatan 150 orang per ekar ini kelebaran jalan minimum ialah antara 50 kaki hingga 66 kaki sama ada mengikut garis panduan daripada JPBD tahun 2002 atau MBPJ pada tahun 1995.

Apa yang berlaku kepada projek ini sepanjang pemerhatian saya ialah pelan tataatur dan kebenaran merancangnya sering kali ditukar. Sebenarnya Kerajaan telah pada tahun 1993 secara *consent* meluluskan pembinaan flat apartmen kos rendah dan sederhana. Selepas pembinaan *track* LRT, pelan pembangunan telah ditukar beberapa kali. Apa yang mengelirukan ialah mesyuarat penuh MBPJ hanya meluluskan keseluruhan projek ini pada 30 April 2009. Tetapi pemaju telah memulakan promosi seawal tahun 2005 dengan kedudukan jalan keluar masuk pada masa itu masih belum ditentukan. Adakah ini satu penyelewengan? Kerajaan Negeri harus mengambil iktibar daripada kes ini dan perlu lebih tegas terhadap pemaju untuk mengelak sebarang pembangunan yang tidak mampan. Sekian, terima kasih.

**YB TUAN SPEAKER** : Dipersilakan Pandamaran.

**YB TUAN LIU TIAN KHIEW** : uan Speaker, saya menyokong soal ini tetapi saya difahamkan, saya difahamkan pemaju telah cuba berusaha mengadakan satu jalan keluar tetapi malangnya Mahkamah telah, telah tidak menerima rayuan itu. Dan masalah ini masih, masih di peringkat PBT dan saya rasa, saya rasa saya sendiri telah membuat lawatan di tempat itu. Dan saya rasa kalau dengan kerjasama PBT dan juga pemaju dan juga penduduk-penduduk yang terlibat kita boleh dapat mencapai, mendapatkan satu penyelesaian. Sekian, terima kasih

**YB TUAN SPEAKER** : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Dengan ini saya menangguhkan Sidang Dewan ini ke hari Isnin, 13hb. Julai, 2009 jam 10.00 pagi. Dewan ditangguhkan.

**( Dewan ditangguhkan pada jam 4.45 petang )**